

[Dokumen ini belum disemak]  
[Senarai Ahli-Ahli Parlimen dilampirkan]  
[Kandungan dilampirkan di muka surat terakhir]

\*\*\*\*\*

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Selasa, 27 Julai 1999**

**Mesyuarat dimulakan pada 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**RANG UNDANG-UNDANG**

**RANG UNDANG-UNDANG BADAN BERKANUN  
(KUASA MEMINJAM) 1999**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Teluk Intan bangun, ada apa Yang Berhormat. Yang ke berapa Yang Berhormat?

**Tuan M. Kulasegaran:** 18(1).

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya telah memberi satu usul supaya Dewan ini ditangguh untuk mendengar satu perkara yang sangat perlu disegerakan untuk kepentingan orang ramai mengenai ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Suruhanjaya Pilihanraya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, itu sudah diterima.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ya dan ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, saya sangka Yang Berhormat telah pun mendapat surat jawapan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya baru dapat dan apabila saya meneliti perkara itu, saya berpendapat bahawa saya boleh mengusul dengan bersendirian. Maka perkara itu dibahaskan hari ini memandangkan ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat tidak.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya belum habis.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Nanti dahulu Yang Berhormat. Saya kena mencelah sebab dalam surat jawapan yang Yang Berhormat terima itu cukup jelas jawapannya dan maksudnya bahawa apa yang dibangkitkan ataupun hendak diusulkan oleh Yang Berhormat sepatutnya bukan dalam bentuk usul mengikut Peraturan Mesyuarat 18(1) tetapi ianya hendaklah berupa substantive motion. Yang Berhormat, itu cukup jelas.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan hari ini adalah hari yang terakhir untuk Parlimen bersidang, maka tidak ada masa lagi substantive motion. Bolehkah perkara itu dibuka dan dibahas hari ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Substantive motion itupun ada caranya Yang Berhormat dan bukannya cara seperti mana yang Yang Berhormat hendak buat sekarang.

**Tuan M. Kulasegaran:** Secara lisan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih.

**10.06 pagi.**

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk mewujudkan peruntukan undang-undang bagi

menghendaki semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan dan semua syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu mendapat kelulusan Menteri Kewangan selain daripada menteri mengawal agensi berkenaan sebelum membuat pinjaman, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, semakan yang dibuat ke atas akta-akta Parlimen mengenai penubuhan badan-badan berkanun didapati wujudnya ketidakseragaman di kalangan agensi-agensi ini berhubung dengan kuasa meminjam. Terdapat sebanyak 24 badan berkanun ataupun perbadanan di mana akta tidak memperuntukkan keperluan kelulusan Menteri Kewangan sebelum membuat pinjaman. Sebagai contoh akta berkenaan ialah Akta Perbadanan Putrajaya 1995 dan Akta Akademi Sains Malaysia 1994.

Manakala di antara akta yang memperuntukkan keperluan kelulusan menteri mengawal dan persetujuan Menteri Kewangan sebelum meminjam ialah Akta Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana 1995 dan Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang 1983. Di samping itu peruntukan kuasa meminjam dan Akta Tubuh Badan-badan Berkanun yang ada sekarang hanya merujuk kepada kuasa meminjam oleh badan berkanun itu sendiri dan tidak termasuk syarikat-syarikat anak, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama yang ditubuhkan olehnya.

Ini terdapat lebih kurang 400 buah syarikat yang ditubuhkan oleh agensi Persekutuan di mana 293 buah syarikat dengan pegangan ekuiti lebih dari 50%. Akta yang dicadangkan memperuntukkan supaya syarikat-syarikat ini mendapat kelulusan Menteri Kewangan serta menteri mengawal perbadanan yang menubuhkan syarikat terbabit.

Keadaan ketidakseragaman kuasa meminjam dan peruntukan kuasa meminjam yang hanya merujuk kepada kuasa meminjam oleh badan berkanun sahaja boleh menjejaskan keberkesanan Menteri Kewangan untuk mengawal segala hal ehwal kewangan kerajaan. Menurut Perintah Menteri-menteri Kerajaan

Persekutuan 1995, Menteri Kewangan antara lainnya diberi tanggungjawab ke atas semua pinjaman luar dan dalam negeri beserta pinjaman-pinjaman dan geranti-geranti kewangan mengenai negeri-negeri, badan-badan berkanun, perbadanan-perbadanan dan badan-badan lain.

Oleh yang demikian, adalah perlu supaya peruntukan kuasa meminjam diselaraskan bagi semua badan berkanun, syarikat-syarikat anak, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama badan berkanun berkenaan. Keberkesanan untuk mengawal pinjaman oleh semua badan berkanun, syarikat-syarikat anak, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama yang ditubuhkan oleh badan berkanun berkenaan harus diberi perhatian memandangkan kebanyakan institusi kewangan bersedia untuk memberikan pinjaman kepada agensi kerajaan dan syarikat yang ditubuhkan olehnya dengan anggapan bahawa Kerajaan Persekutuan akan menjamin pembayaran balik pinjaman apabila berlaku keadaan di mana pinjaman tersebut tidak mampu dibayar balik.

Pinjaman berlebihan tanpa kawalan juga boleh mengakibatkan mana-mana badan berkanun itu menanggung beban kewangan dan mungkin mengakibatkan badan itu menjadi muflis. Sekiranya ia berlaku Kerajaan Persekutuan perlu bertanggungjawab kerana ia adalah agensi kerajaan. Di samping itu keadaan yang tidak terkawal juga akan meningkatkan dengan izin, contingent liability kerajaan. Bagi menjaga kepentingan Kerajaan Pusat terhadap apa jua bentuk komitmen kewangan yang dibuat oleh badan-badan berkanun, syarikat-syarikat anak, syarikat bersekutu dan syarikat usahasama yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu adalah wajar kelulusan Menteri Kewangan diperolehi, sebelum pinjaman dilakukan oleh badan berkanun dan perbadanan yang ditubuhkan olehnya.

Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 adalah merupakan satu Umbrella Acts, dengan izin. Akta ini penting demi untuk menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan dari segi tanggungjawab kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datuk Peter Tinggom anak Kamarau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengawal selia perjalanan kuasa meminjam oleh semua badan berkanun yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan dan oleh semua syarikat dan perbadanan yang ditubuhkan oleh badan berkanun itu dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

*[Tiada perbahasan]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, bolehkah saya dapat penjelasan mengenai Fasal 3 iaitu yang dikatakan semua badan berkanun dan semua syarikat. Adakah ini juga terlibat dengan anak-anak syarikat kerajaan negeri dan kalau demikian berapakah tunggakan yang sedia ada oleh semua syarikat ini kerana saya difahamkan ada beberapa syarikat, bukan sahaja anak syarikat negeri tetapi persekutuan juga yang telah meminjam lebih dari yang dibenarkan dan ada

beberapa syarikat yang tidak dapat membayar balik wang-wang tersebut dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu, berapakah jumlah wang yang sedang berhutang kepada pihak-pihak yang berkenaan? Yang berhutang kepada dalam negeri dan luar negeri dan berapakah syarikat, di antaranya yang tidak dapat menunaikan perjanjian membayar balik?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Kita membincang rang undang-undang ini yang ada kaitan hanya dengan badan-badan berkanun di peringkat pusat dan anak-anak syarikat ditubuhkan oleh badan-badan berkanun Persekutuan.

Bagi badan berkanun di negeri ia di bawah had-had kuasa meminjam badan perundangan negeri tertakluk kepada Akta Perbadanan, kekompetenan badan perundangan negeri tahun 1962. Ini satu akta yang lain, jadi dia bukan, mengikut Yang Berhormat tanya tadi bagi Fasal 3 adakah kita, akta ini mengawal anak-anak syarikat yang dibentuk bawah badan-badan berkanun di peringkat negeri, tidak. Ini hanya bagi badan-badan berkanun peringkat pusat sahaja.

Jadi, walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat ingin mengetahui tentang jumlah pinjaman ataupun hutang yang dibuat oleh anak-anak syarikat, yang dibentuk oleh badan-badan berkanun di peringkat negeri, saya memerlukan masa untuk mendapatkan maklumat-maklumat ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya juga telah bertanya mengenai anak-anak syarikat Kerajaan Persekutuan dan badan-badan berkanun dan berapakah jumlah yang tertunggak hingga ke hari ini, pinjaman yang telah dibuat dan adakah badan-badan, di antaranya yang tidak menunaikan bayaran balik kepada institusi-institusi yang mereka pinjam?

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya mengapa kita ingin meluluskan rang undang-undang ini kerana peringkat ini kita tidak ketahui, oleh kerana pengawalan itu tidak diberikan kepada Menteri Kewangan pada hari ini. Jadi, kita tidak dapat mengetahui jumlah yang

sebenarnya dan adakah pinjaman telah dibuat oleh anak-anak syarikat yang ada sekarang ini di peringkat pusat. Jadi, kita tidak tahu maklumat ini, maka oleh kerana itulah kita merasakan, kita perlu meluluskan rang undang-undang ini untuk membolehkan kita, untuk mendapat semua maklumat ini.

Jadi, kalau Yang Berhormat tanya itu, bahawa berapakah jumlah hutang yang telah dibuat oleh anak-anak syarikat, badan-badan berkanun di peringkat pusat, kita tidak ketahui berapa kerana kita tidak ada maklumat kerana sebelum diluluskan rang undang-undang ini, kita tidak ada kuasa ke atas segala pinjaman yang telah dibuat oleh mereka. Jadi, kita tidak tahu maklumat itu.

**Fasal 1 hingga 5** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tanpa pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## **RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN PENGGUNA 1999**

### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**10.18 pagi**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan majlis penasihat pengguna negara dan tribunal tuntutan pengguna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, perlindungan pengguna merupakan perkara yang penting bagi semua rakyat di negara ini kerana tidak kira apa juga taraf seseorang dalam masyarakat sama ada berpangkat tinggi atau rendah, kaya atau miskin semuanya adalah pengguna. Pengguna mempunyai hak yang harus dilindungi dan

sebahagian dari hak itu boleh dilindungi melalui peruntukan-peruntukan undang-undang tertentu walaupun negara kita mempunyai lebih 30 undang-undang yang mempunyai unsur-unsur perlindungan pengguna tetapi tidak ada sebuah undang-undang menyeluruh dan spesifik bagi melindungi kepentingan pengguna.

Oleh itu, Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dicadangkan adalah satu akta yang menyeluruh dan bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Perkhidmatan Pengguna dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Ianya juga bertujuan melindungi pengguna dari amalan perdagangan yang tidak beretika dan menjadikan perilaku yang mengelirukan dan memperdayakan sebagai satu kesalahan jenayah. Akta yang dicadangkan ini tidak bermaksud untuk menyekat perkembangan perdagangan di negara ini, bahkan akan mewujudkan suasana perdagangan yang sihat dan mampu bersaing berasaskan amalan-amalan perdagangan yang beretika. Kemampuan persaingan ini bukan sahaja wujud di dalam negara tetapi juga di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I akta yang dicadangkan ini menggariskan bidang kuasa atau skopnya. Semua barang dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pengguna dalam perdagangan adalah diliputi dalam akta ini. Walau bagaimanapun akta ini mengecualikan perkhidmatan-perkhidmatan yang dikekalkan oleh ahli-ahli profesional yang dikawal selia oleh mana-mana undang-undang bertulis yang wujud sekarang. Ianya juga memberi pengecualian kepada perkhidmatan-perkhidmatan jagaan kesihatan yang diadakan atau akan diadakan oleh profesional jagaan kesihatan atau oleh kemudahan-kemudahan jagaan kesihatan.

Dalam akta ini 'pengguna' adalah ditakrifkan sebagai orang perseorangan yang terlibat dengan pembelian barangan ataupun perkhidmatan untuk kegunaan sendiri. Akta ini tidak terpakai jika pembeli ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Kepong ini bangun atas apa ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, belum sampai masanya lagi untuk dibahas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak mengapa, saya bagi dia ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya hendak tolong Yang Berhormat sahaja.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya ingat bagi peluang saya habiskan, lepas itu Yang Berhormat bercakaplah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ada masanya untuk berbahas.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya ucap terima kasih atas semangat yang telah ditunjukkan oleh Kepong.

Dalam akta ini pengguna adalah ditakrifkan sebagai seorang perseorangan yang terlibat dengan pembelian barangan atau perkhidmatan untuk kegunaan sendiri. Akta ini tidak terpakai jika pembeli membeli barang-barang atau perkhidmatan untuk tujuan perniagaan.

Bahagian II mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan penakrifan kelakuan yang mengelirukan dan memperdayakan, representasi palsu dan amalan tidak saksama.

Fasal 9 memperuntukkan larangan terhadap perlakuan yang mengelirukan atau memperdayakan dalam urusanniaga, umpamanya pengakuan terhadap ciri-ciri perihal barang dan kesesuaian serta penggunaannya yang didapati tidak benar adalah satu kesalahan.

Fasal 10 pula melarang seseorang membuat representasi yang palsu seperti memberi penerangan yang salah terhadap jenis, standard, kualiti, keperluan jaminan dan keadaan barang sama ada baru atau telah dibaik pulih.

Bagi urusanniaga tanah pula, Fasal 11 juga melarang representasi yang palsu atau mengelirukan dalam penjualan atau pemberian sesuatu kepentingan mengenai

tanah. Walau bagaimanapun, tempat tinggal, housing accommodation, dengan izin, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan Kawalan Dan Perlesenan 1966 adalah dikecualikan daripada pemakaian fasal ini.

Fasal 12 pula menekankan tentang pengeliruan mengenai harga di antara keadaan di mana pengguna boleh dikatakan telah dikelirukan ialah apabila gambaran sesuatu harga barang mengakibatkan pengguna boleh membuat kesimpulan bahawa harga barang berkenaan adalah kurang daripada harga biasa tetapi pada hakikatnya harga itu tidak berubah.

Fasal 13 adalah berkaitan dengan pengiklanan umpanan. Ia menjelaskan bahawa peniaga perlu memastikan terdapat stok yang mencukupi bagi barangan yang dijual dengan harga seperti yang diiklankan.

Fasal 14 pula menetapkan peruntukan berkenaan pemberian hadiah percuma dan tawaran semasa jualan. Seseorang peniaga yang mengiklankan atau menawarkan pemberian hadiah atau lain-lain item sebagai percuma hendaklah menawarkannya seperti yang dijanjikan. Fasal ini juga melarang penetapan harga yang tinggi daripada harga biasa. Apabila hadiah diberikan dengan setiap pembelian barangan tersebut peruntukan ini akan mengawal tatacara pemberian dan pengiklanan hadiah percuma dengan pembelian barangan supaya pengguna mendapat faedah yang sebenarnya seperti yang dijanjikan atau diiklankan.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 17 pula adalah berhubung dengan kontrak perkhidmatan hadapan. Tujuan diadakan peruntukan ini ialah untuk membolehkan pengguna yang telah mendaftar dan membayar keseluruhan jumlah wang untuk menghadiri kursus atas perkhidmatan seperti kursus kecantikan diri, menguruskan badan, kelas komputer dan lain-lain berhak mendapat bayaran balik. Sebagai contoh seorang yang telah bersetuju mengikuti dan sepenuhnya membayar pakej kurus slimming programme, dengan izin, untuk satu tahun. Malangnya orang ini mendapati dirinya bukan menjadi kurus tetapi semakin gemuk selepas empat bulan. Cuba bayangkan kehampaan dan rasa terpedaya yang timbul dari seorang daripada orang berkenaan dan dengan itu ingin menamatkan program ini. Fasal 17

berupaya menyelesaikan masalah ini dengan saksama. Bayaran balik ini adalah bagi jumlah kelas yang tidak dihadiri sekiranya pengguna itu mengambil keputusan untuk membatalkan kontrak perkhidmatan tersebut.

Contoh lain di mana pengguna boleh menuntut di bawah bahagian ini ialah apabila seorang pengguna membuat tempahan sebuah kereta mewah dan dikenakan deposit sebanyak RM10 ribu dan dijanjikan oleh syarikat tersebut bahawa kereta akan dibekalkan dalam masa 3 bulan. Selepas 3 bulan pengguna masih lagi tidak menerima keretanya, maka pengguna mengambil keputusan untuk memohon kembali deposit yang dibayarnya sebanyak RM10 ribu itu.

Pada masa ini tidak ada jalan keluar untuk membuat tuntutan. Akta ini dapat membantu pengguna dalam menuntut kembali deposit yang telah dibayar. Satu lagi contoh ialah yearly maintenance services contract, dengan izin, seperti alat hawa dingin atau gift elektronik telah dibuat oleh pengguna dengan pembekal dan bayaran telah pun dijelaskan. Walau bagaimanapun, dalam masa satu tahun itu penyelenggaraan tidak dijalankan langsung. Pada masa ini tidak ada peruntukan di mana boleh menuntut kembali bayaran, akta ini juga dapat membantu menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua Bahagian III akta ini mengandungi peruntukan berhubung dengan keselamatan barang dan perkhidmatan. Fasal 19 memberi kuasa kepada menteri untuk menetapkan standard keselamatan berkenaan dengan barang atau perkhidmatan atau kelas barang atau perkhidmatan. Walau bagaimanapun, bahagian ini tidak terpakai bagi barang-barang jagaan kesihatan dan makanan, standard keselamatan yang dimaksudkan akan ditetapkan oleh menteri berasaskan nasihat pakar.

Fasal 20 melarang penawaran atau akta pembekalan barang-barang dan perkhidmatan yang tidak mematuhi keperluan standard keselamatan. Fasal ini bertujuan mengatasi masalah pembekalan dan penjualan barang serta perkhidmatan yang tidak selamat kepada pengguna. Dengan ini risiko yang dihadapi oleh pengguna dapat dielakkan atau dikurangkan. Bahagian ini memberi

kuasa kepada menteri untuk mewartakan barang-barang berkenaan sebagai tidak selamat dan seterusnya membolehkan barang-barang itu ditarik dari pasaran dan tidak ditawarkan dalam perdagangan.

Barang-barang dan perkhidmatan yang diimport yang tidak mempunyai standard keselamatan seperti yang ditetapkan adalah dilarang daripada ditawarkan untuk jualan melalui Fasal 24. Fasal 22 juga menggariskan pembelaan yang wujud kepada peniaga, pembekal barang dan perkhidmatan umpamanya sekiranya peniaga membuktikan bahawa tindakan yang munasabah telah diambil semasa jagaannya bagi memelihara mutu atau standard barang tersebut atas kecacatan yang di luar kawalan dan dugaannya.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV mengandungi peruntukan tentang kesalahan, pembelaan dan remedy. Fasal 25 memperuntukkan bahawa sesiapa sahaja yang melanggar mana-mana peruntukan Bahagian II dan III mengenai tindakan yang mengelirukan, memberi representasi yang palsu serta menawarkan barangan dan program yang tidak selamat adalah melakukan satu kesalahan. Dari segi kesalahan, jika ia melibatkan sesuatu syarikat, denda bagi kesalahan pertama adalah tidak melebihi RM250 ribu dan kesalahan berikutnya tidak melebihi RM500 ribu.

Bagi orang perseorangan pula sama ada mewakili syarikat atau dirinya sendiri, denda tidak melebihi RM100 ribu atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya. Untuk kesalahan yang berikutnya denda tidak melebihi RM250 ribu atau penjara tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya. Akta ini juga membolehkan pengguna, pembeli mengambil tindakan untuk menuntut ganti rugi melalui tribunal yang diperuntukkan di bawah akta yang dicadangkan ini. Walau bagaimanapun, fasal 27 peruntukan pembelaan kepada peniaga atau pembekal atau pengeluar di atas sebab-sebab tertentu.

Bahagian V mengandungi peruntukan berkaitan dengan jaminan pembekalan barangan. Fasal 32 hingga 34 memperuntukkan jaminan dari segi kualiti yang boleh diterima, acceptable quality, dengan izin. Fasal 35

memperuntukkan jaminan tersirat bahawa barang-barang yang dibekal hendaklah sama dengan sampel yang ditunjukkan. Fasal 37 pula memperuntukkan bahawa barang-barang itu adalah dijamin dari segi kemudahan pembaikan dan perolehan peralatan ganti.

Telah semakin banyak aduan dan sungutan yang diterima dari segi kegagalan untuk perkhidmatan dan penyelenggaraan. Contohnya, janji penyelenggaraan terhadap bangunan, lif, escalator atau perkhidmatan kawalan serangga yang tidak ditunaikan oleh pembekal. Dengan pemakaian Bahagian V akta ini adalah diharapkan agar segala kesusahan dan sungutan pengguna dapat diselesaikan dengan kadar segera dan sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, saya ke Bahagian VI, Akta yang dicadangkan ini. Bahagian ini mengandungi peruntukan berhubung dengan hak pengguna terhadap pembekal, berkaitan dengan jaminan pembekalan barang. Dengan adanya peruntukan ini, maka pengguna berhak menuntut gantirugi terhadap pembekal apabila barang-barang gagal memenuhi jenis-jenis jaminan. Antara gantirugi yang diperuntukkan ialah membaiki atau mengganti barangan atau memulangkan wang yang telah dibayar. Dalam hal ini, kementerian saya juga sentiasa dirujuk mengenai rasa tidak puas hati pembeli-pembeli rumah terutama sekali dari kalangan yang berpendapatan rendah, pegawai rendah kerajaan dan swasta.

Aduan ini adalah berkaitan dengan keadaan di mana bayaran bulanan rumah telah mula dibayar tetapi rumah tidak dapat diduduki mengikut perjanjian jual beli. Dalam masa yang sama, mereka juga dibebani dengan bayaran sewa rumah yang diduduki sekarang. Sudah jatuh ditimpa tangga. Jumlah yang terlibat tidak banyak dan mereka tidak mampu untuk membawa perkara ini ke mahkamah. Kita boleh bayangkan keseksaan dan kepahitan hidup yang dialami oleh golongan ini. Tuan Yang di-Pertua, dengan sokongan Dewan yang mulia ini, insya-Allah, masalah ini akan dapat dikurangkan.

Bahagian VII mengandungi peruntukan berhubung dengan hak pengguna terhadap pengilang berkaitan dengan jaminan dalam pembekalan barang. Fasal 50

menghuraikan keadaan di mana pengguna berhak menuntut gantirugi terhadap kegagalan pekilang memenuhi jaminan mengenai kualiti dan hak mendapatkan peralatan gantian. Fasal 51 pula memberikan peruntukan pembelaan bagi pengilang berasaskan keadaan yang tertentu seperti di luar kawalan kilang atau kawalan manusia.

Bahagian VIII memperuntukkan jaminan berkenaan dengan pembekalan perkhidmatan. Fasal 53 memperuntukkan beberapa jaminan mengenai permbekalan perkhidmatan supaya perkhidmatan-perkhidmatan dibekalkan dengan cermat dan kemahiran yang munasabah, with reasonable care and skill, dengan izin. Di antara jaminan yang dimaksudkan ialah supaya perkhidmatan yang diberi menepati tujuan seperti yang diminta oleh pengguna, perkhidmatan dilaksanakan dalam masa yang ditetapkan dan bayaran yang dikenakan adalah munasabah.

Bahagian IX memperuntukkan hak pengguna terhadap pembekal berkaitan dengan jaminan dalam pembekalan perkhidmatan. Pengguna berhak untuk mengambil tindakan sekiranya perkhidmatan yang diberikan tidak menepati jaminan yang diberikan sepertimana dihuraikan dalam Fasal 57.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian X mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan liability keluaran. Bahagian ini menetapkan bahawa pihak-pihak iaitu termasuk pengeluar, pengimport dan pemegang cap dagangan adalah bertanggungjawab atau liable, dengan izin, sekiranya sesuatu kerosakan atau kecederaan berlaku akibat penggunaan pengeluaran yang cacat. Takrif keluaran ialah apa-apa barang sama ada dalam bentuk barangan ataupun dalam bentuk bahan mentah atau bentuk komponen. Takrif cacat pula ialah bilamana barangan adalah tidak selamat untuk digunakan. Liability pula berbangkit sekiranya terjadi kerosakan kepada harta yang boleh membawa maut atau kecederaan.

Bahagian XI mengandungi peruntukan berhubungan dengan Majlis Penasihat Pengguna Negara. Akta ini memperuntukkan penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara. Ahli-ahli majlis ini akan terdiri daripada Ketua

Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna atau wakilnya dan tidak lebih daripada 16 orang lain bagi mewakili kepentingan pengguna, pengilang, pembekal, badan-badan bukan kerajaan dan akademik. Majlis ini akan menasihati menteri mengenai pelaksanaan akta yang dicadangkan ini dan apa-apa isu berkaitan dengan kepentingan pengguna. Majlis ini akan menggantikan Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang ditubuhkan di bawah Akta Kawalan Harga 1946 yang pada masa ini mempunyai bidang tugas yang terhad.

Melalui Fasal 74(3), menteri boleh melantik seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi. Fasal 80 pula memperuntukkan perlantikan seorang Setiausaha dan beberapa pegawai lain bagi membantu majlis tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XII mengandungi peruntukan berhubung dengan tribunal tuntutan pengguna, tribunal for consumers claim, dengan izin. Fasal 88 memperuntukkan penubuhan Tribunal Tuntutan Pengguna. Fasal 86 memberi kuasa kepada menteri untuk melantik seorang Pengerusi dan seorang Timbalan Pengerusi.

Mereka ini hendaklah terdiri daripada pegawai perkhidmatan kehakiman dan perundangan. Menteri juga boleh melantik tidak kurang daripada lima orang ahli lain yang merupakan orang yang berkelayakan mengikut pengertian Akta Profesion Undang-undang 1976, Akta 166, Ordinan Peguambela Sabah, Bab 2 atau Ordinan Peguambela Sarawak, Bab 110. Ataupun menteri juga boleh melantik sebagai ahli, orang yang memegang atau pernah memegang jawatan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat kepada Akta Mahkamah Rendah 1948, Akta 92 dan Fasal 53 pula memperuntukkan perlantikan seorang Setiausaha dan beberapa pegawai Tribunal untuk membantu Tribunal.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 103 ada memperuntukkan kuasa kepada menteri menetapkan perkara-perkara yang boleh dibawa kepada Tribunal. Dalam hal ini, perlu saya nyatakan bahawa menteri tidak akan memasukkan perkara-perkara berkaitan perkhidmatan dan jagaan kesihatan. Dalam menentukan

perkara-perkara tambahan yang perlu dibawa kepada Tribunal pula, saya ingin memberi jaminan bahawa kementerian dan jabatan berkenaan akan dirujuk sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Fasal 97, Bahagian XII ini memperuntukkan supaya seseorang pengguna yang mengalami kerugian dan ingin membuat tuntutan ganti rugi mengemukakan tuntutan kepada Tribunal mengikut prosedur tertentu yang akan ditetapkan melalui peraturan. Tuntutan berkaitan kecederaan ataupun maut tidak boleh dibawa ke Tribunal. Had nilai tuntutan yang boleh dirujuk kepada Tribunal ialah tidak melebihi RM10,000. Walau bagaimanapun, Fasal 98(2) membolehkan tuntutan balas difailkan oleh peniaga dalam keadaan-keadaan tertentu.

Tribunal mempunyai bidang kuasanya untuk membantu pihak-pihak berkenaan berunding untuk tujuan mencapai penyelesaian tanpa bicara. Sekiranya tidak tercapai penyelesaian, Tribunal akan menetapkan tarikh untuk mendengar perbicaraan. Perbicaraan Tribunal akan dikendalikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli yang dilantik oleh Pengerusi, seorang diri sahaja. Fasal 108(2) tidak membenarkan peguambela atau peguamcara mewakili mana-mana pihak semasa perbicaraan Tribunal.

Fasal 110(1) memberi kuasa kepada Tribunal untuk memanggil pihak-pihak yang terlibat dengan sesuatu aduan dan kuasanya dalam hal ini adalah sama seperti kuasa saman oleh Mahkamah Rendah. Selepas perbicaraan, Tribunal boleh memberi award, dengan izin, atau mengeluarkan perintah berkenaan gantirugi, sama ada di dalam bentuk penggantian barangan atau wang ataupun kedua-duanya. Keputusan Tribunal seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 112(1) hendaklah dibuat seboleh-bolehnya dalam tempoh 60 hari daripada hari pertama perbicaraan Tribunal dimulakan. Keputusan Tribunal adalah muktamad dan rujukan ke Mahkamah Tinggi hanya boleh dibuat atas persoalan undang-undang sahaja.

Dengan mekanisme tuntutan ini, masalah utama pengguna akan dapat diatasi dengan wujudnya cawangan-cawangan Tribunal di peringkat negeri dan

daerah untuk menerima, menimbang dan membuat keputusan penyelesaian terhadap tuntutan mereka dengan mudah, effective dan dalam masa yang singkat. Maka, pengguna akan terlindung. Dalam hal ini, saya perlu tegaskan bahawa Tribunal yang ditubuhkan perlu mencerminkan kebebasan dan ketelusan bagi menjamin kewibawaannya. Oleh yang demikian, keanggotaannya perlu terdiri daripada mereka yang tidak memihak atau ternampak memihak, baik kepada peniaga atau kepada pengguna. Dengan hal yang demikian, kementerian tidak akan melantik individu-individu yang ternampak sebagai mewakili golongan perniagaan atau golongan pengguna.

Bahagian XIII akta yang dicadangkan ini menerangkan tatacara penguatkuasaan di bawah peruntukan-peruntukan perundangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian XIV memperkatakan perkara am dan pelbagai seperti bentuk resit, kesalahan oleh pertubuhan, perbadanan, pekerja, ejen atau pekerja ejen pengkompaunan kesalahan, permulaan pendakwaan di bawah akta, bidang kuasa untuk membicarakan kesalahan di bawah akta dan perlindungan pegawai.

Fasal 140 mewajibkan pengeluaran resit pembelian bagi sesuatu jumlah transaksi yang akan ditentukan. Amaun yang dicadangkan bagi tujuan ini ialah untuk nilai yang melebihi RM25 bagi sesuatu jualan Ringgit Malaysia. Walau bagaimanapun jika pengguna memintanya, resit hendaklah dikeluarkan bagi pembelian yang kurang daripada jumlah tersebut. Dengan pengeluaran resit akan wujud bukti yang kukuh bagi membolehkan pengguna membuat tuntutan ganti rugi terhadap peniaga sekiranya perlu. Peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam akta ini tidak bercanggah dengan peruntukan-peruntukan di bawah akta-akta yang sedia ada malah ianya adalah supplementary, dengan izin. Beberapa aspek perlindungan pengguna yang tidak diliputi oleh mana-mana undang-undang sekarang diperuntukkan di bawah akta yang dicadangkan ini. Penilaian aduan dan proses tentang pelbagai isu pengguna adalah diperkemaskan dan dijangka lebih berkesan dan berfaedah kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dicadangkan ini paling utamanya ialah bertujuan untuk mewujudkan perniagaan yang terbuka dan telus. Kerjasama semua pihak akan diperlukan untuk mencapai hasrat akta ini. Misalnya pengilang dan peniaga boleh memberikan maklumat yang jelas kepada pengguna mengenai barangan mereka serta bertanggungjawab bagi setiap barangan yang dikeluarkan atau diperniagakan. Begitu juga di pihak pengguna, jika keyakinan dan keselesaan mereka dapat dipupuk maka kesetiaan mereka kepada barangan dan perkhidmatan berkenaan serta permintaannya akan terus meningkat.

Akta yang dicadangkan ini merupakan satu langkah pertama untuk mewujudkan satu undang-undang khusus bagi perlindungan pengguna. Sebenarnya kita semua adalah pengguna. Yang ada di dalam Dewan ini wakil-wakil rakyat dan di luar seperti pekerja-pekerja sektor swasta dan kerajaan, ibu bapa, peniaga dan lain-lain golongan rakyat. Kementerian percaya bahawa undang-undang ini disokong oleh semua pengguna oleh kerana ia melindungi semua rakyat. Apabila akta yang dicadangkan ini diterima pakai maka bolehlah dianggap bahawa dari segi consumerism negara kita berupaya menikmati apa yang telah lama dinikmati oleh pengguna-pengguna di negara maju. Dari aspek pelaksanaan saya percaya dengan wujudnya nanti Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna kepentingan-kepentingan pengguna bukan sahaja dilindungi tetapi juga dibela.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dicadangkan ini juga telah mengambil kira teguran-teguran dan pandangan-pandangan dan nasihat daripada sahabat-sahabat saya dalam Jemaah Menteri dan juga dari pihak swasta, persatuan-persatuan pengguna dan dewan-dewan peniaga. Saya percaya akta ini dapat dilaksanakan dengan licin dan berkesan untuk faedah semua rakyat Malaysia. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang yang bernama

suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Cheras.

**10.45 pg.**

**Tuan Tan Kok Wai [Cheras]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat berbahas sukalah saya mengingatkan Yang Berhormat yang tunjuk minat hendak berbahas nanti setiap orang akan diberikan masa 10 minit seperti sediakala.

**Tuan Tan Kok Wai:** Kecualikan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ucapan saya akan ambil masa 30 minit sekurang-kurangnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tetap 10 minit.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya terpaksa memendekkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Padatkan. *[Ketawa]*

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, hak-hak pengguna banyak berlandaskan undang-undang yang sedia ada. Walaupun Malaysia mempunyai sebilangan undang-undang yang berkaitan dengan perlindungan pengguna tetapi dari segi liputan masih banyak kekurangan dan kelemahan. Sebenarnya banyak undang-undang sedia ada masa kini sudah ketinggalan zaman dan ini membuktikan kerajaan selama ini tidak begitu serius melindungi pengguna. Apa yang perlu ialah kita harus mempunyai perundangan yang lebih progresif serta mampu melindungi pengguna Malaysia dengan lebih berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, hak pengguna merupakan komponen hak asasi manusia yang penting dan setelah Malaysia merdeka 42 tahun lalu maka pembentangan rang undang-undang ini cukup lewat jika dibandingkan dengan

negara-negara sedang membangun sejak kebelakangan ini. Banyak negara membangun sudah mempunyai akta berkaitan sejak lama. Misalnya di Asia, kita lihat negara-negara seperti Jepun akhirnya dikuatkuasa sejak tahun 1968, Sri Langka - 1979, Thailand - 1979, Korea Selatan - 1980, India - 1986, Mongolia - 1991, Filipina - 1991, Mauritius - 1991, China - 1993, Taiwan - 1994, Indonesia - 1996 malah di Afrika negara Uganda pun telah melulus dan menguatkuasa Akta Perlindungan Pengguna pada tahun 1998.

Saya difahamkan salah satu sebab mengapa kementerian mengambil masa begitu lama menyediakan rang undang-undang kerana terdapat *silent lobby*, daripada beberapa pihak korporat dan peniaga-peniaga tertentu yang tidak gemar melihat rang undang-undang menjadi kenyataan. Saya difahamkan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri pun ada membuat percubaan melengahkan rang undang-undang ini.

Keadaan yang berlaku ini membuat saya teringat apa yang terjadi kepada satu pindaan ke atas akta pemaju perumahan yang telah dibentangkan oleh menteri sekarang untuk mewajibkan pemaju-pemaju perumahan membuka satu akaun bank khas bernama akaun pemaju perumahan di mana semua wang deposit dan bayaran progresif yang dibuat oleh pembeli rumah mesti disimpan dalam akaun itu dan wang dalam akaun itu hanya boleh digunakan untuk maksud pembinaan dan penyiapan projek perumahan dan para pemaju tidak boleh seperti dulu mengeluarkan wang untuk kegunaan lain. Pada tahun 1990 bekas Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Ng Cheng Keat sebelum beliau meninggalkan jawatannya dan bersara dari politik beliau ada membocorkan rahsia bahawa akaun pemaju perumahan sepatutnya dilaksanakan beberapa tahun lebih awal tetapi ditangguhkan kerana bantahan daripada ramai pemaju perumahan dan kerajaan terpaksa akur dengan permintaan mereka dengan mengorbankan kepentingan pembeli-pembeli rumah oleh sebab kebanyakan pemaju perumahan adalah penderma besar kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangat kesal kerana sepanjang masa menggubal rang undang-undang ini dibuat secara rahsia kepada setiap orang termasuk pergerakan pengguna. Setahu saya persatuan pengguna yang memang mahir dan faham dalam bidang kepenggunaan tidak pernah dirunding tentang rang undang-undang ini. Sungguhpun wakil FOMCA menduduki kerusi Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan tetapi saya difahamkan mereka hanya diberi taklimat tentang rang undang-undang ini melalui satu slide presentation. Pada waktu itu taklimat yang diberi pun tidak menyeluruh dan banyak butir tidak jelas. Rang undang-undang yang begini penting tidak ada sebab dan justifikasi ianya dirahsiakan dan menjadi misteri. Rakyat mempunyai hak menyertai dalam menggubal dan memperundingkan rang undang-undang penting ini. Ia patut diedarkan kepada badan-badan tertentu dan semua parti politik sebelum dibawa ke Parlimen supaya orang ramai boleh memberi input, sumbangan dan buah fikiran. Cara rang undang-undang dirahsiakan hanya menunjukkan kerajaan tidak mahu satu chapter ketelusan baru atas suatu perkara yang ada kepentingan awam. Sebaliknya ia melayan setiap orang seperti budak sekolah dan melayani Parlimen seperti fast food restaurant. Nampak betul niat kerajaan hendak meluluskan rang undang-undang dalam sesi Parlimen sekarang kerana pilihan raya umum semakin hampir.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Machang bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya memberi jalan sekiranya Tuan Yang di-Pertua melanjutkan tempoh masa ucapan saya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak ada tawar menawar.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tidak boleh, saya hendak bagi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sedikit, sedikit..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat jangan melibatkan kerusi.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sedikit sahaja Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Minta maaf, masa saya tidak cukup. Nampak betul [*tersasul dengan menyebut 'niat jahat'*] niat kerajaan [*Ketawa*] – niat jahat juga - hendak meluluskan rang undang-undang ...

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Point of order 36 (4)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada Peraturan Mesyuarat. Rompin 36(4), unparliamentary. Mana perkataan yang unparliamentary.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ini adalah menjadi kesalahan bagi ahli-ahli Dewan yang menggunakan bahasa kurang sopan. Dia mengatakan Dewan Rakyat ini fast food restaurant. Kalau fast food restaurant Yang Berhormat boleh tinggal pergi restaurant yang biasa. Yang Berhormat sebagai ahli Dewan mencerca Dewan ini sendiri. Saya minta tarik balik.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Walaupun saya rasa 36(4) unparliamentary tidak kena. Tetapi Yang Berhormat saya hendak beri teguran apa yang dibangkitkan tadi itu memang tidak senonoh Yang Berhormat. Saya hendak menegah Yang Berhormat menggunakan istilah atau ungkapan yang sama.

**Tuan Tan Kok Wai:** Apa itu yang dikatakan rubber stamp sama jugalah. Bukan unparliamentary. Rang undang-undang ini dibentangkan kerana pilihan raya umum semakin hampir tanpa diragui bahawa ia satu PR exercise PM untuk memenangi hati sesetengah rakyat.

Walaupun puas dilayan buruk ditipu oleh peniaga-peniaga curang selama beberapa tahun. Rakyat Malaysia walau bagaimanapun menerima dan mengalukan rang undang-undang ini dibentang. Akan tetapi selepas membaca dan menyemak rang undang-undang saya mendapati banyak kelemahan dan kekurangan yang perlu diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai menghormati usaha kerajaan saya setuju memang terdapat banyak ciri positif yang terkandung dalam rang undang-undang

ini. Tetapi kelemahan-kelemahan dalam rang undang-undang ini pun banyak juga. Antaranya yang pertama tidak ada peruntukan disediakan bagi syarat-syarat kontrak tidak adil (unfair contract term) dimasukkan dalam rang undang-undang. Ini penting jika seseorang pengguna menghadapi masalah kontrak, mereka tidak boleh bergantung kepada akta ini untuk mendapat keadilan. Ini suatu yang malang bagi pengguna maka adalah penting semakan semula dibuat pada tujuan untuk meliputi peruntukan tersebut dalam rang undang-undang ini.

Walaupun Fasal 103 rang undang-undang menyebut Yang Berhormat Menteri boleh melalui berita yang disiarkan dalam *Warta* menetapkan apa-apa perkara tambahan sebagai perkara dalam bidang kuasa tribunal. Tetapi melalui pengalaman adakah Yang Berhormat Menteri sudi membantu orang-orang awam mendapat pembelaan tebus rugi.

Kkedua, rang undang-undang tidak menyediakan peruntukan yang cukup jelas mengenai barangan dan perkhidmatan import yang dilarang dihadkan penggunaan atau ditarik balik dalam negara-negara lain.

Adalah diketahui umum syarikat-syarikat yang mengamalkan double standard barang mereka dikenakan sekatan, larangan atau ditarik balik di negara asal atau negara-negara lain. Tetapi mereka tidak memaklumkan negara membangun seperti Malaysia di mana barangan itu diimport. Contohnya kenderaan bermotor, pharmaceutical, racun serangga, alat permainan kanak-kanak dan lain-lain.

Rang undang-undang ini mestilah membuat peruntukan iaitu ia patut meliputi bahawa adalah wajib bagi pengeluar atau pembekal menyediakan satu penerangan jelas mengenai fakta bahawa produk telah dilarang, disekat atau ditarik balik di negara lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang bangun.

**Tuan Tan Kok Wai:** Tidak cukup masa, kegagalan berbuat demikian mesti merupakan satu kesalahan jika tidak negara tidak bersalah seperti Malaysia boleh menjadi tempat buangan atau dumping ground.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Sila gulung Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya memerlukan 20 minit untuk menggulung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak Yang Berhormat, ini keputusan kerusi bukan keputusan Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya memilihlah. Yang ketiga walaupun rang undang-undang mengadakan peruntukan penubuhan satu Tribunal Tuntutan Pengguna terdapat cadangan bahawa tribunal yang menampakan satu badan yang akan bertempat di Kuala Lumpur. Ini menarik soalan bagaimana para pengguna dari negeri-negeri lain boleh mendapat pembelaan yang berkesan dan cekap jika ia melibatkan perjalanan ke Kuala Lumpur dan belanja tambahan.

Yang keempat terdapat perundangan yang samar-samar dan menimbulkan banyak salah faham dan interpretasi menyebabkan ia tidak cekap contohnya Fasal 36 (4) mengenai makna 'harga munasabah', Fasal 37(1) mengenai makna 'tindakan munasabah', barang itu boleh didapati dengan munasabah dan tempoh yang munasabah, Fasal 43(2) pula mengenai makna 'masa yang munasabah'. Usaha hendaklah dibuat supaya makna-makna tersebut lebih mudah dan spesifik.

Mengenai keanggotan ahli Majlis Penasihat Pengguna Negara di mana rang undang-undang menyebut bilangan ahli yang menduduki majlis dari berbagai lapisan masyarakat ia patut menyebut dengan jelas bilangan wakil dan berbagai sektor dan patut menghadkan bilangan mewakili industri. Ini bertujuan t memastikan wakil pengeluar dan pembekal tidak mendominasi majlis itu kerana rang undang-undang ini ialah Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna.

Mengenai had masa untuk membawa aduan ke Tribunal Tuntutan Pengguna mengapa tempoh dihadkan selama 3 tahun sedangkan Akta Limitasi (Limitation Act) ada memperuntukkan masa 6 tahun bagi kes kontrak dan tort. Rang undang-undang hendaklah selaras dengan Akta Limitasi tidak membenarkan tuntutan dibuat dalam tempoh 6 tahun.

Sementara Fasal 108(2) tidak membenarkan peguam mewakili seseorang di depan Tribunal tetapi ia membenarkan pertubuhan korporat diwakili oleh seorang pekerja sepenuh masa. Dalam banyak syarikat memang terdapat peguam atau lulusan undang-undang bekerja sebagai kakitangan sepenuh masa dan bukan kerja sebagai peguambela. Adalah lebih berkemampuan mewakili kepentingan syarikat daripada pengadu biasa. Dalam hubungan ini rang undang-undang hendaklah membenarkan mereka dari pertubuhan bukan kerajaan atau lain-lain kumpulan bagi mewakili pengguna dengan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga tidak faham mengapa rang undang-undang ini tidak meliputi perkhidmatan jagaan kesihatan. Saya anggap ini satu perkara mesti diberi perhatian berat kerana perkhidmatan jagaan kesihatan adalah penting dan memerlukan semangat dan tanggungjawab serta etika profesion yang tinggi.

Saya bukan menuduh bahawa doktor-doktor di negara ini tidak cekap dan beramanah tetapi memandangkan banyak juga aduan-aduan oleh pesakit. Kebanyakannya tidak diketahui umum yang mengatakan tentang perilaku doktor kerana kecuaiian dan sikap tidak bertanggungjawab mereka. Saya pandang berat perkara ini kerana sering berlaku kes kecuaiian perubatan. Saya sendiri dalam menjalankan tugas sebagai wakil rakyat pernah menerima banyak kes bersabit kecuaiian doktor perubatan mengakibatkan nyawa terkorban. Misalnya setakat ini saya menerima tiga kes aduan pesakit mati sebelum dan selepas bersalin.

Kami juga selalu mendengar atau menerima aduan daripada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di klinik 24 jam, yang merawatnya bukan doktor tetapi pembantu doktor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat ....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak ada panel perubatankah?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat telah suntuk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** DAP bercakap tidak profesional langsung.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat nanti dulu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Saya menghormati....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat!

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua masa saya suntuk.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Teluk Intan bagi ajar kawan kamu sedikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang.

**10.58 pagi**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya mengucapkan syabas dan tahniah khususnya kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, kementerian dan kerajaan, kerana buat pertama kalinya telah sekali lagi mencatatkan satu sejarah baru dalam kepenggunaan di negara ini.

Sebagaimana yang kita tahu Tuan Yang di-Pertua rang undang-undang ini telah diperjuangkan oleh pengguna lebih daripada 3 tahun. Dalam masa tersebut telah beberapa orang menteri bertukar tangan dan akhirnya ianya dibawa ke Parlimen. Sebenarnya saya berpendapat Tuan Yang di-Pertua bahawa rang undang-undang ini mestilah dilihat sebagai suatu rang undang-undang supplement kepada peruntukan undang-undang yang sudah sedia wujud dalam negara ini. Sebab itu saya memerhatikan dengan sopan, dengan tekun apa yang diucapkan oleh wakil daripada DAP tadi. Sebenarnya beliau tidak faham soal kecuaiian yang dilakukan oleh badan-badan profesional seperti doktor, seperti peguam, itu sudah ada undang-undang lain. Undang-undang lain yang berkuatkuasa dalam negara ini iaitu dia boleh membawa kecuaiian ini ke mahkamah. Apa yang ditujukan dalam undang-undang ini dimaksudkan ialah untuk memberi perlindungan kepada

pengguna dalam soal-soal pemecahan kontrak yang kecil, yang pada satu masa memang pengguna ada hak untuk membawa tindakan ke mahkamah tetapi .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Kepong bangun.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk dulu, kalau cukup masa saya beri Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat teruskan. Kalau tidak beri jalan

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk dulu, kalau cukup masa saya beri, saya habiskan hujah-hujah saya dulu Tuan Yang di-Pertua, sabar [Ketawa]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau sudah habis habislah.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jangan bersikap double standard. Kalau rakan Yang Berhormat tidak beri, saya tidak beri, sebenarnya saya hendak beri tetapi tengok masa, kalau cukup saya beri, Sabar Yang Berhormat. Sabar.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Kita telah ada rang undang-undang yang wujud dalam negara kita misalannya Akta Kontrak, Akta Penjualan Barang-barang, Akta Perihal Dagangan, ada banyak. Undang-undang itu berkuatkuasa seperti biasa. Tetapi pada saya undang-undang ini adalah berhasrat untuk memberi perlindungan kepada pengguna dalam soal-soal gantirugi yang kecil yang di mana akan menyusahkan pengguna untuk membawa tindakan mahkamah kerana ianya pertama, memakan masa. Yang keduanya, ia memerlukan perbelanjaan yang banyak di mana perkhidmatan peguam dan sebagainya diperlukan. Sedangkan jumlah gantirugi akibat daripada penyalahgunaan ataupun penyelewengan oleh pengeluar dalam kes-kes ini adalah terlalu kecil.

Jadi jika kita tidak ujudkan akta ini, saya percaya setiap kes mesti dibawa ke mahkamah. Bila kes dibawa ke mahkamah kita pun sendiri faham bahawa dengan kedudukan yang ada sekarang tentulah mereka yang ingin mendapat perlindungan dalam soal-soal yang kecil akan diberi 'priority' yang kurang

daripada jumlah tuntutan-tuntutan yang besar. Sebab itu sebenarnya bukan sahaja hak perlindungan pengguna, dalam mahkamah sendiri sudah ujud small claim court, iaitu dipanggil mahkamah tuntutan kecil iaitu tuntutan yang tidak melebihi RM10,000.00 ke bawah. RM10,000.00 ke bawah ini boleh dibawa ke mahkamah tuntutan kecil.

Tetapi tuntutan-tuntutan ini pada asalnya ialah berhasrat untuk menyelesaikan, menyelesaikan .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Itu salah, bukan sepuluh ribu, lima ribu.....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Duduk dulu, duduk dulu.

**Tuan M. Kulasegaran:** Point of order.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Point of order, sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Point of order berapa, yang ke berapa?.

**Tuan M. Kulasegaran:** Yang ada, sedia ada, 'misleading the house'.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, kalau hendak bangkitkan point of order....

**Tuan M. Kulasegaran:** ...Misleading the house, mengatakan sepuluh ribu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** ...Tumpukan pada Peraturan Mesyuarat.

**Tuan M. Kulasegaran:** ...Walhal undang-undang, lima ribu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat suka bangkitkan point of order. Tapi cuba sebutkan.....

**Tuan M. Kulasegaran:** 36...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang ke berapa?

**Tuan M. Kulasegaran:** 36(6) [Disampuk] Merangkumi semua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Kalau tak ada Yang Berhormat.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Ada, ada. Misleading the house.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jangan buang masalah....

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan sepuluh ribu, lima ribu. Saya nak correct dia. Dia, dia salah

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Jangan buang masalah, duduk lah...jangan buang masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuntutan-tuntutan itu sebenarnya ialah untuk mengawal kes-kes yang kecil seperti hasrat rang undang-undang yang ada di hadapan kita ini. Iaitu untuk memberi perlindungan kepada mereka yang teraniaya akibat daripada kontrak pembelian barang daripada pengeluar kepada pengguna dalam soal-soal yang kecil supaya mereka ini mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Tetapi kes-kes yang besar jika mereka masih tidak berpuashati, itu terpulanglah kepada mereka, sama ada mereka memilih untuk membawa tindakan di bawah Akta Pengguna ataupun membawa tindakan di bawah akta - Housing Developers Act, di bawah Sell of Goods Ordinance, di bawah Akta Kontrak, itu masih terbuka tetapi hasrat ini ialah untuk memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna runcit. Saya tidak faham mengapa DAP masih menentang rang undang-undang seperti ini. Sedangkan pihak pengguna itu sendiri, kita sebagai pengguna, hampir 20 juta lebih pengguna di dalam negara ini telah memperjuangkan akta ini. Sepatutnya kita menyambut baik akta-akta seperti ini kerana secara langsung selepas daripada ini pengeluar tidak boleh mengelirukan mereka ataupun pengguna-pengguna runcit di peringkat bawahan yang memerlukan perlindungan.

Jika tidak ada undang-undang ini tentulah mereka yang mendapat menerima penginayaan yang kecil sudah tentu tidak mampu membawa perkara itu ke mahkamah. Misalannya, dalam soal pemecahan kontrak kerana ia akan melibatkan masa, wang ringgit dan sebagainya untuk bawa ke mahkamah.

Sekarang apa yang mereka boleh buat ialah membuat aduan kepada Tribunal Pengguna dan Tribunal Pengguna akan mengambil tindakan dan setiap aduan itu akan dikaji dan diteliti, walau sekecil manapun aduan itu saya percaya akan diteliti oleh pihak Tribunal dan tindakan sewajarnya diambil. Sepatutnya tindakan-tindakan seperti ini kita mesti memberi sokongan kerana dengan kata lain ianya boleh memberi perlindungan kepada pengguna runcit di peringkat bawah. Sekecil manapun, misalannya kalau kita beli anak patung. Anak patung itu patah tangan misalannya, takkanlah anak patung patah tangan kita hendak bawa ke mahkamah, bawah tindakan sivil, di bawah Akta Penjualan Barang. Maka dia boleh mengadu kepada Tribunal ini. Itu tujuannya.

Undang-undang yang sedia ada tetap wujud, tetap berjalan. Sebab itu saya katakan Yang Berhormat, yang dari DAP tidak faham. Soal pemecahan kontrak professional negligent seperti doktor, itu di bawah 'professional negligent' dan boleh bawa ke mahkamah. Kerana itu makanan, apa ni 'the majors' nya ialah terlalu besar. Misalannya sampai 200,000, 300,000, itu boleh bawa ke mahkamah. Tetapi bagi tindakan-tindakan yang kecil, tindakan kecil lain yang tidak termasuk bidang profesion kedokteran, itupun kerajaan sekarang sudah memberi pengecualian kepada bidang kedokteran supaya tidak termasuk dalam pengguna. Sepatutnya para doktor negara ini mengucapkan terima kasih kerana bidang mereka tidak termasuk di bawah Akta Perlindungan ini. Saya tak tahu mengapa Yang Berhormat bagi Kepong ini [*Diganggu*] Ptutnya terima kasih kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, hendak bagi jalan?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Nanti, nanti sekejap, saya habiskan point saya, saya habiskan. Soal 'limitation period' yang dibangkitkan itu tadi, itupun saya rasa Yang Berhormat keliru. [*Disampuk*] Tujuannya 'limitation period'. Nanti, dengar dulu.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sabar!

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat mempertikaikan mengapa 'limitation period' dalam tindakan ini dibuat tiga tahun, tidak enam tahun, seperti Limitation Act seperti Akta Had Masa. Tujuannya ialah kalau kita memberi masa, tempoh takkanlah tuntutan yang gantiruginya hanya RM500 buat dalam masa enam tahun Tuan Yang di-Pertua, beri masa selama enam tahun tentulah tak ada makna. Sebab itu 'limitation period' di bawah tiga tahun supaya mempercepatkan tindakan, kalau pengguna tak puas hati, bawa cepat. Pasal jumlah gantiruginya adalah kecil, takkanlah enam tahun.

Limitation period yang diperuntukkan untuk enam tahun ialah tindakan-tindakan yang besar, misalannya kemalangan jalan raya, tuntutan professional negligent yang besar-besar, itu boleh kerana nak dapatkan dokumen susah, nak dapatkan maklumat susah, nak dapat laporan pakar susah. Tetapi soal pemecahan pembelian barang-barang yang kecil ini boleh diselesaikan dalam tempoh yang singkat. Apa kita nak dapat keterangan lain, jadi soal masa, saya rasa tak timbul, tidak berbangkit langsung ya, dalam kes ini.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya nak melahirkan rasa kebimbangan ialah saya percaya selepas daripada ini, selepas ini ratusan ribu aduan akan dibuat kepada Tribunal. Ini yang saya bimbang. Seperti mana wujudnya semua claim court, semua claim court tidak terlayan kerana prosedurnya terlalu teknikal satu, maka orang-orang biasa yang nak mendapat pembelaan, nak mengisi borang pun dia tak pandai, itu yang pertama. Yang kedua, oleh kerana terlalu banyak tidak terlayan, tidak adanya mahkamah khas yang khusus untuk menjaga kepentingan ini. Jadi apa yang nak saya suarakan di sini, Tuan Yang di-Pertua ialah pihak kementerian pertama sekali di dalam borang pengaduan yang nak disediakan selepas ini mesti simplify, mesti permudahkan prosedur ini. Jangan kita complicated kan prosedur. Kalau prosedurnya dibuat terlalu complicated, saya bimbang orang awam yang biasa tidak akan tahu, itu yang pertama.

Yang kedua, dalam mempercepatkan semua pengaduan yang akan dibuat kepada Tribunal selepas daripada ini, suatu mekanisma mesti dibuat, supaya semua pengaduan dapat diselesaikan dengan cepat. Saya sudah beritahu tadi, saya percaya selepas ini ratusan ribu pengaduan akan sampai daripada pengguna dengan adanya akta ini. Sejauh mana pihak kementerian telah bersedia, berapa Tribunal akan ditubuh kerana kita ada dalam negara ini, empat belas, empat belas buah negeri. Saya cadangkan setiap buah negeri paling tidak mesti ada satu Tribunal. Satu Tribunal, kalau tidak, tidak terlayan nanti tuntutan kerana pengaduan-pengaduan yang dibuat akan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan, perkara kecil mengambil masa, ini tidak menepati kehendak dan sasaran sebenar akta atau rang undang-undang yang sedang kita bincangkan.

Jadi pihak kementerian mesti bersedia. Pertama sekali mesti bersedia pada jangka masa tertentu menubuhkan satu Tribunal ini di setiap ibu negeri, seperti mana adanya pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sekarang ini. Iaitu mengadakan pejabat-pejabat ini di setiap negeri supaya mudah pengguna membuat pengaduan dan menentukan kes-kes yang perlu dibawa ke Tribunal untuk menyelesaikannya.

Saya bimbang kalau hanya satu Tribunal sahaja diwujudkan di peringkat Kuala Lumpur, saya percaya pengaduan-pengaduan daripada seluruh negara akan bertumpu di Kuala Lumpur dan mengambil masa yang lama untuk diselesaikan. Saya nak cadangkan supaya peringkat awal barangkali boleh buat mengikut zon, iaitu satu di Kuala Lumpur, satu bagi Pantai Timur, satu di Utara, satu di Selatan, satu di Sabah dan satu di Sarawak. Tetapi ini jangka masa yang singkat, jangka masa lama mesti diwujudkan Tribunal di seluruh ibu negeri dalam negara ini., barulah mencapai matlamat. Itu yang pertama.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua, tadi telah saya sebut iaitu proses prosedur untuk membawa pengaduan ini mesti dipermudahkan, jangan dipersusahkan. Mestilah kita memikirkan standard orang yang biasa, pembeli

biasa yang tidak mempunyai pelajaran tinggi. Apa yang dia tidak puashati dia boleh hanya isi borang secara biasa. Jangan.misalannya memerlukan affidavit, surat sumpah dan sebagainya, ini akan mengambil masa yang lama dan mereka ini tidak mampu untuk berbuat demikian.

Yang ketiganya kos. Kos untuk pengaduan ini kalau boleh jangan dilibatkan langsung soal kos. Barangkali boleh nominal RM1 boleh dikenakan untuk pendaftaran kes dan sebagainya. Tetapi kos-kos lain mestilah diperkecilkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kuasa Tribunal ini. Saya hendak melahirkan kebimbangan, saya bimbang kuasa Tribunal ini mesti kuasa bukan sahaja meliputi untuk mendengar pengaduan tetapi kuasa untuk sapina memanggil sesiapa sahaja yang boleh memberi keterangan untuk menyelesaikan kes tersebut. Kita jangan memperkecilkan kuasa. Kalau hanya diberi kuasa untuk mendengar kes-kes tetapi kita tidak memberi kuasa untuk sapina dan sebagainya, ini akan menimbulkan masalah kerana saya bimbang tidak akan dapat kerjasama daripada pihak pengeluar untuk menyelesaikan kes-kes berkenaan. Jadi kuasa ini mesti diputuskan bahawa termasuk kuasa untuk sapina, kuasa untuk memanggil, memberi keterangan mana-mana saksi dalam kes di mana Tribunal sedang membicarakan sesuatu kes.

Yang keempat Tuan Yang di-Pertua, ialah soal enforcement. Memang Tribunal akan membuat keputusan menentukan jumlah gantirugi atau sebagainya keputusan, 'execution' pelaksanaan kepada keputusan itu amat penting. Tidak ada makna kalau Tribunal membuat keputusan kemudian pelaksanaan kepada keputusan itu tidak memberi manfaat kepada pihak-pihak berkenaan.

Saya hendak cadangkan supaya jika dalam proses pengaduan tersebut, selepas ini saya rasa pihak Yang Berhormat Menteri boleh mengambil kira meminda di mana-mana peruntukan ataupun melalui perintah Menteri selepas ini., bukan sahaja kuasa untuk mendengar kes dan memutus kes tetapi jika dalam satu-satu proses pengaduan terdapat satu perbuatan yang dengan jelas melanggar mana-mana peruntukan akta-akta lain, Suruhanjaya boleh dengan kuasanya

membuat satu rekomendasi supaya pendakwaan jenayah dilakukan. Ini saya nampak tidak ada dalam akta ini. Maknanya, katakanlah sekarang ada satu kompelain kepada Tribunal, Tribunal membicara tetapi dalam masa proses pembicaraan ia mendapati ada satu perlakuan jenayah misalannya bertentangan dengan Akta Perihal Dagangan misalannya. Ia boleh diberi kuasa untuk membuat rekomendasi kepada badan penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri membawa tindakan jenayah kepada orang berkenaan, orang akan menjadi takut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini bermakna dengan kata lain bukan sahaja dalam soal untuk mendengar kes dan memberikan sejumlah gantirugi tetapi pada masa yang sama mereka yang membuat salah ini, mereka membuat salah yang sebelum ini belum dikesan kerana tidak ada laporan dan sebagainya dan jika pengguna mendapati ada perkara-perkara sedemikian maka ia diberi kuasa untuk membuat suatu rekomendasi for prosecution, untuk pendakwaan sama ada dia langgar Akta Perihal Dagangankah, ataupun ia langgar peruntukan-peruntukan akta-akta lain di mana Tribunal ini diberi kuasa untuk buat demikian.

Jadi barulah mereka yang membuat kompelain selain daripada ia mendapat gantirugi walaupun kecil tetapi mendapat kepuasan dan mereka yang melakukan kesilapan demikian boleh dibawa ke mahkamah untuk mendapat pengadilan yang sewajarnya. Saya tidak dapat nafikan memang sekarang ini ada Akta Perihal Dagangan dan sebagainya yang berkuatkuasa tetapi ada kes-kes di mana yang kemungkinan semasa perbicaraan itu timbul dan jika Tribunal berpuashati bahawa satu kesalahan jenayah ataupun pelanggaran mana-mana akta bertulis sudah berlaku maka ia boleh membuat recommendation for criminal prosecution di bawah akta-akta lain dan dengan ini menjadikan tindakan Tribunal itu akan lebih berkesan.

Tadi, saya sentuh soal pelaksanaan Tuan Yang di-Pertua. Saya nampak dari segi pelaksanaan kepada hukuman yang dijatuhkan atau perintah yang dibuat oleh Tribunal, pelaksanaannya. Sekarang ini pelaksanaan perintah-perintah yang dibuat oleh mahkamah dilaksanakan melalui Bailiff dan sistem-sistem yang

adalah di bawah Subordinate Court Act, Subordinate Court Rules dan sebagainya. Tetapi bagaimana pelaksanaan terhadap perintah yang dikeluarkan oleh Tribunal di bawah akta ini. Saya bangkitkan perkara ini kerana saya bimbang nanti perintah sahaja diberi dan ketidakpatuhan kepada perintah tidak ada satu peruntukan yang boleh menguatkuasakan supaya perintah itu dapat dilaksanakan. Memang yang tidak patuh kepada perintah Tribunal boleh diambil tindakan kerana tidak mematuhi perintah Tribunal tetapi perintah Tribunal misalnya dalam soal gantirugi, bagaimana prosedur pengguna untuk menguatkuasakan bagi terus mendapat gantirugi berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan tadi bahawa saya percaya selepas daripada ini, mereka yang sebelum ini tidak mendapat pembelaan oleh kerana masalah tidak cukup wang kerana susahnya hendak bawa ke mahkamah akan bertumpu kepada akta ini untuk membuat pengaduan. Dan seperti yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, bahawa kementerian mesti bersedia dan kalau boleh sistem yang saya katakan tadi untuk mempermudah proses pengaduan tadi jangan - misalannya ada satu borang khas mesti dihantar kepada pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Kalau boleh di tiap-tiap pejabat jajahan diberi kuasa untuk menerima pengaduan ataupun pengaduan secara bertulis, melalui tulisan pun ia boleh buat supaya dipermudahkan misalannya orang pergi ke kedai ia tidak puashati ia boleh balik terus tulis. Jangan jadikan proses ini satu proses yang sukar. Kalau jadikan proses ini satu proses yang sukar, saya bimbang hasrat akta ini nanti tidak akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pengguna di negara ini seperti yang saya katakan tadi, bukan sahaja FOMCA selama ini yang memperjuangkan nasib dan memperjuangkan hak-hak kepenggunaan dalam negara ini tetapi mana-mana pengguna lain termasuk Ahli-ahli DAP sendiri pun patut memberi sokongan kepada akta ini kerana saya katakan tadi, sebelum ini mereka tidak mendapat pembelaan misalannya dalam pengaduan-pengaduan mengenai penyelewengan

di dalam pembelian rumah, sebelum ini memang ada undang-undang kalau boleh Akta Pemaju Perumahan, ada. Tetapi ianya memakan masa dan proses yang lama tetapi sekarang dengan adanya akta ini maka boleh dibuat pengaduan terus kepada Tribunal. Cuma satu saya hendak bangkit, kalau tidak silap saya, apabila saya terbaca akta ini, jumlah gantirugi yang boleh diaward tidak melebihi RM10,000 kalau saya tidak silap dalam akta ini. Pada saya jumlah RM10,000 ini terlalu kecil Tuan Yang di-Pertua. Kalau boleh selepas ini Menteri mempertimbangkan jumlah ini, RM10,000. Saya beri contoh misalnya dalam soal perumahan, kalau ia berlaku late delivery, iaitu .... [*Disampuk*]

**Tuan Yang di-Pertua:** ..... Yang Berhormat.

**Tuan Tan Kok Wai:** Point of order.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Duduk dulu.

**Tuan Tan Kok Wai:** Point of order.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Duduk dulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Point of order Yang Berhormat, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Ada apa?

**Tuan Tan Kok Wai:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya berucap diberi hanya 10 minit. Yang Berhormat bagi Machang sudah berucap hampir 20 minit sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat....

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya gulung Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Tan Kok Wai:** Ini tidak ada keadilan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulung Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Saya gulung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Ini point terakhir, Tuan Yang di-Pertua.

Insya-Allah, point yang terakhir.

**Seorang Ahli:** Cemburu.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Misalannya soal late delivery perumahan Tuan Yang di-Pertua.....[Disampuk] Katakan dia lewat, dia lewat 10 bulan Tuan Yang di-Pertua, 10 bulan, kalau damages setiap bulan yang ia berhak digantirugi ialah, katakan RM1000, sudah RM10,000 kalau lewat 10 bulan, kalau 12 bulan sudah RM12,000. Tribunal tidak ada kuasa lagi untuk memberikan gantirugi. Jadi, saya menyeru supaya pihak kementerian khususnya Yang Berhormat Dato' Menteri selepas ini kaji semula jumlah ini dan ini boleh dilakukan dengan perintah Menteri dan sebagainya. Maklumlah sekarang wang kita telah menjadi terlalu kecil dan jumlah RM20,000 pada saya ini terlalu kecil dalam keadaan sekarang. Peninggikan sedikit jumlah ini supaya Tribunal nanti boleh meliputi banyak kes untuk dibicarakan dan ini dapat menyelesaikan banyak keluhan dan resahan yang disuarakan oleh pengguna selama ini.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila. Ramai sangat hendak berucap ini.

**Seorang Ahli:** Lagi ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila.

**Seorang Ahli:** Ramai belum bangun.

**11.18 pagi.**

**Tuan Tiong Thai King [Lanang]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas dan mengemukakan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999. Terlebih dahulu saya menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna pasti satu berita baik bagi para pengguna. Ini kerana pada masa lampau banyak kes yang merugikan para pengguna seperti harga barangan yang tidak berpatutan dan menerima perkhidmatan yang kurang memuaskan. Mereka tidak dapat saluran untuk mengadu. Walaupun para pengguna membuat aduan kepada pembekal atau mengambil tindakan mahkamah tetapi bayaran guaman terlalu tinggi dan kebanyakan pengguna tidak dapat

mengambil tindakan selanjutnya. Ada sesetengah kes yang diadu ditangguh sehingga beberapa tahun. Ada yang selama 10 tahun tetapi masih belum mendapat penyelesaian.

Tuan Yang di-Pertua, seorang rakan saya yang terlibat dalam satu kes jual-beli tanah kerana membuat aduan di mahkamah tetapi setakat ini lapan tahun sudah berlalu dan kes tersebut masih belum diselesaikan.

Seorang rakan lain telah menandatangani perjanjian dengan pihak pemaju rumah untuk membeli sebuah rumah teres, pembinaan rumah itu memakan masa empat tahun dan setelah ia siap, didapati bahan-bahan binaan tidak mengikut syarat-syarat dalam syarat perjanjian. Ia ingin membatalkan pembelian rumah tetapi tidak diterima oleh pihak pemaju. Saya rasa itulah masalah yang sering dihadapi oleh para pembeli rumah tetapi mereka tidak ada tempat untuk mengadu.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pelancaran kempen gunakan elektrik dengan jujur oleh Tenaga Nasional Berhad pada hari Khamis minggu lepas, dalam satu sidang akhbar TNB telah menyatakan bahawa jika ia kekal mengutip balik pada menyelesaikan masalah kerugian yang ditanggungnya sebanyak RM250 juta setahun akibat kegiatan curi elektrik, kemungkinan besar TNB terpaksa menaikkan tarif elektrik atau mengagihkan kerugian ini ke atas para pengguna. Kerugian tersebut berjumlah RM250 juta iaitu 2% hingga 3% daripada jumlah kegunaan elektrik tahunan. Punca kerugian tersebut masih tidak dapat dikenal pasti walaupun ramai yang berpendapat bahawa ada kemungkinan besar akibat perbuatan kegiatan curi elektrik.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya TNB tidak dapat menyelesaikan masalahnya sendiri, lalu meminta kerjasama orang ramai dalam membanteras kegiatan curi elektrik. Namun jikalau cara ini turut gagal, maka TNB akan mengagihkan kerugian yang ditanggungnya kepada para pengguna yang jujur. Cara penyelesaian TNB ini adalah tidak rasional, tidak adil, tidak munasabah dan tidak dapat diterima. Jika cara penyelesaian TNB ini diluluskan, maka perbuatan ini mungkin akan turut diikuti oleh para peniaga dan pembekal yang lain

umpamanya, Lembaga Air, JPJ, Telekom Malaysia, jika mereka juga mengalami kerugian atas pelbagai sebab, maka sesi perbahasan yang diadakan pada hari ini langsung tidak membawa apa-apa makna.

Saya berharap kementerian berkenaan akan mengambil berat tentang perkembangan hal tersebut dan melindungi kepentingan para pengguna yang jujur.

Tuan Yang di-Pertua, ada banyak perkara yang tidak dapat dinyatakan sepenuhnya di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya berkeyakinan bahawa tentu semua pengguna menyambut baik dan menyokong penubuhan rang undang-undang ini sementara kita dapat mengawal dan membasmi kegiatan perniagaan yang tidak bermoral yang mengambil langkah kotor untuk mengaut keuntungan. Oleh itu penubuhan rang undang-undang ini pasti berperanan untuk melindungi hak pengguna khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna bergabung dengan Majlis Penasihat Pengguna Negara serta Tribunal Tuntutan Pengguna menyenaraikan peranan pengguna mengikut jenis kualiti standard kategori kandungan dan perkhidmatan yang jitu untuk menetapkan satu jadual harga yang berpatutan bagi rujukan para pengguna. Kemudian membuat pengubahsuaian yang sesuai mengikut kawasan-kawasan yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan beberapa pandangan saya berkaitan dengan penubuhan kedua-dua pertubuhan ini, yang pertama, bagi pengguna yang rendah bergantung kepada mahkamah tetapi kes-kes yang belum diselesaikan dapatlah mereka mengemukakan aduan lagi kepada Tribunal sebagai pilihan lain. Yang kedua, mengikut rang undang-undang seluruh negara akan menubuhkan 17 tribunal, satu di Sarawak dan satu lagi di Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, keluasan Sarawak lebih kurang sama dengan Semenanjung Malaysia, kemudahan pengangkutan tidak lengkap bagi penggunaan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana yang ingin membuat aduan, kos

pengangkutan amat membimbangkan para pengguna, maka saya mencadangkan supaya menubuhkan lima tribunal seperti di Kuching, Sibul, Miri, Limbang dan Sarikei untuk memudahkan pengguna tempatan membuat aduan.

Yang ketiga, pihak berkuasa seharusnya menyelesaikan aduan dan tuduhan yang dikemukakan oleh pengguna dengan secepat yang mungkin dan secara adil.

Yang keempat, setelah penubuhan Majlis Tribunal, sesi dialog harus dianjurkan antara pertubuhan-pertubuhan setempat dan pengguna supaya para pengguna lebih memahami peraturan dan kandungan rang undang-undang tersebut.

Yang kelima, membantu usaha kerajaan dalam membasmi perdagangan yang tidak bermoral dan yang membahayakan kesihatan para pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian.

**11.27 pagi**

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kubang Kerian]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah kepada persatuan-persatuan pengguna, FOMCA, CAP dan lain-lain di atas perjuangan mereka dan akhirnya kerajaan membuat rang undang-undang untuk melindungi pengguna dan perjuangan mereka walaupun mungkin bukan 100% lagi berjaya seperti kehendak FOMCA, CAP dan sebagainya, tetapi usaha-usaha mereka sekarang sedang menuju kejayaan.

Rang undang-undang ini kita hendak baca pun mengambil masa sejam, tetapi hendak bahas sepuluh minit, jadi susahlah kita hendak korek di mana untuk kita hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, tujuannya untuk melindungi pengguna, ini tujuan utama rang undang-undang ini, tetapi selalunya bila berlaku pertarungan antara pengilang, peniaga dan pengguna, selalunya menang di pihak majikan, pihak pengguna, contohnya kita lihat apabila syarikat-syarikat menurunkan harga minyak dan ianya memberi faedah kepada pengguna, Esso turun, Caltex turun,

selepas itu bila ia memberi faedah kepada pengguna, ada tekanan daripada pihak lain akhirnya penurunan harga minyak itu dihentikan, ertinya pengilang-pengilang ataupun pihak Petronas ataupun pihak kerajaan dapat mempertahankan dan akhirnya harga minyak itu tidak jadi turun, tidak jadi berlawan walaupun peringkat awalnya ianya sedikit menguntungkan pengguna.

Jadi, kita nampak dalam pertarungan pengguna dengan tauke dengan pengilang, selalunya menang di pihak pengilang ataupun pihak tauke, pihak majikan.

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna ini bagus tetapi kita kena lihatlah pelaksanaannya nanti berjalan betul-betul dan ianya dapat pihak kementerian tidak boleh ditekan oleh pihak majikan yang besar-besar untuk memberi faedah kepada mereka.

Dan saya juga ingin menyentuh pada pagi ini tentang trend sekarang ini iaitu barang-barang pengguna ini dipolitikkan, ini .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin bangun.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Sekejap bolehlah, sedikit sangat masa.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja. Saya soalan sedikit, saya mengucapkan syabas kepada Yang Berhormat yang menyokong rang undang-undang ini, kita hayati benar-benar sokongan Ahli Yang Berhormat, tetapi saya hendak tanya satu sahaja. Bila malam-malam nanti dalam ceramah Ahli Yang Berhormat adakah Yang Berhormat sanggup juga menyokong rang undang-undang ini. *[Ketawa]* Selalunya siang lain, malam lain.

**Tuan Haji Mohamad bin Sabu:** Saya benda yang baik itu saya sokong. Perkara yang baik saya sokong. Pemerintahan Tun Razak saya puji, pemerintahan Perdana Menteri Dr. Mahathir saya tidak sokong, macam itulah. Yang baik kita puji. *[Ketawa]* Yang Berhormat bagi Rompin pun kadang-kadang kita puji tetapi banyak kita hentam. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita lihat, saya kata dipolitikkan barang-barang pengguna itu. Misalnya, untuk lakukan barangan mereka, orang-orang PAS letakkan ‘kicap cap bulan’. Ini satu perkara yang dari segi pengguna tidak berapa baiklah. Begitulah juga kalau kita lihat ‘baja cap dacing’. Baja yang diberi kepada rakyat cap dacing, ini dipolitikkan barang-barang pengguna itu dan kebelakangan ini paling dahsyat, simbol Petronas pun ditukar kerana simbol Petronas kononnya ada macam simbol bulan. Jadi, perkara-perkara begini, tidak baiklah trendnya. Nanti PAS keluar barang-barang semuanya bulat, Barisan Nasional pengilangnya keluar barang-barang semuanya macam dacing. Ini kita lihat trend seperti ini, pihak kementerian cuba kawal, tidak patutlah kita ubah simbol Petronas semata-mata ia macam simbol bulan, padahal kami pun tidak sangka, timbul dalam Perhimpunan Agung UMNO, baru kami sedar perkara itu dan hendak buang yang itu berapa juta pula hendak habis wang, semata-mata hendak tukar simbol itu. Jadi, trend-trend seperti ini tidak baiklah, macam saya sebut tadi ‘baja cap dacing’, orang PAS marah dia buat ‘kicap cap bulan’. Jadi perkara-perkara seperti ini pihak kementerian dapat control.

Begitulah juga misalnya, soal muzik. Kita dengar khabar lagu *Oh Azizah* telah di‘ban’kan. Pengguna hendak mendengar pun tidak boleh kerana kalau didendangkan lagi lagu *Oh Azizah* orang teringat kepada Anwar dan teringat kepada KeADILan. Kita bimbang lagu P.Ramlee pun selepas ini kena ban juga sebab ada sebut banyak hal “bulan”, *Engkau Laksana Bulan, Bulan Di pagar Bintang* dan sebagainya. [Ketawa] Jadi, ini satu trend yang tidak baik yang dibuat oleh pemerintah itu sendiri yang kita harap perkara ini dapat dikawal. Kita tidak mahu barang-barang kegunaan dipolitikkan ataupun disimbolkan dalam mana-mana parti politik, tidak kiralah walaupun dibuat oleh pihak PAS sendiri pun. Kita harap pihak kerajaan boleh control perkara ini supaya ia tidak menjadi satu trend baru dalam politik Malaysia pada masa yang akan datang.

Lagi, saya ingin kemukakan iaitu masalah pengguna ini iaitu masalah haram-halal. Apakah badan ini akan mengambil alih tanggungjawab daripada Jabatan Agama Islam (JAWI) dari segi menentukan haram atau halal bila pengguna dapati barang itu dikatakan halal tetapi selepas diselidiki didapati ianya tidak sah. Adakah aduan ini termasuk aduan yang akan diambil berat nanti oleh Tribunal atau badan ini untuk menjaga soal haram dan halal. Sebab sekarang ini mengenai haram-halal ini kita lihat macam-macam jenis pamphlet. Pamphlets ini perlu juga dikawal, kadang-kadangnya ada yang mengatakan Maggie itu haram, campuran ini dan sebagainya dan pengguna-pengguna kadangkala terpengaruh. Sebab itu kita harap pihak kementerian juga dapat mengawal pamphlets yang dikeluarkan, kadangkalanya bukan untuk menentukan soal haram-halal sangat tetapi untuk sabotaj lain-lain kompeni atau syarikat.

Kita harap pihak kementerian dapat mengambil berat perkara ini sebab saya lihat pamphlets ini banyak sekarang ini bertaburan di masjid-masjid dan sebagainya yang mengatakan itu haram, ini halal. Yang pentingnya biar yang dikata halal itu betul-betul halal termasuklah kita lihat barang-barang yang dibuat daripada lemak. Walaupun ianya lemak lembu tetapi kalau ianya tidak disembelih, maka bagi orang Islam, ia diletak dalam kategori haram walaupun ia daripada lemak lembu. Jadi, ini yang pihak kementerian, kita harap kalau tidak ada kuasa penuh tetapi berganding bahu dengan kuat dengan Jabatan Agama Islam ataupun badan-badan Islam yang ditauliahkan untuk mengawal soal haram-halal ini.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah juga kita harap pengguna selepas ini bebas, misalnya kalau barang yang mereka beli itu tidak berkualiti seperti yang dikhabarkan, mereka boleh hantar balik. Misalnya, kalau di Amerika, kita boleh beli baju, kot macam ini pakai dahulu, seminggu atau dua minggu, kemudian kita boleh hantar balik tetapi ada pengguna salah guna, biasalah itu. Kadang-kadang pelajar kita hendak graduan, dia sengaja pergi ambil kot dahulu, kemudian dia pakai seminggu, dia hantar balik tetapi di sana tidak ada masalah kerana itu hak pengguna sama ada hendak pakai atau hendak check kualitinya untuk hantar balik.

Kita harap sampai ke peringkat itu supaya pengguna-pengguna kita benar-benar dapat barang-barang yang berkualiti.

Pihak kementerian juga kena mengambil perhatian. Kadangkala jualan secara langsung sekarang ini yang kita lihat dijanjikan, kalau tidak baik ubat ini dalam masa tiga bulan boleh hantar balik, tetapi apabila didapati satu-satu ubat itu tidak baik dalam masa tiga bulan kita hendak hantar balik, syarikat itu pun sudah tidak ada, syarikat itu pun sudah 'mati'. Bagaimana kita hendak lindungi pengguna-pengguna jenis ini? Ini yang kita lihat jualan langsung ini terutama sekali hal-hal perubatan tradisional ataupun daripada herbs yang kita lihat dijanjikan dengan enam bulan kalau tidak baik boleh hantar balik tetapi hendak hantar balik syarikat itu sudah tidak ada ataupun nama syarikat telah berubah yang menyebabkan pengguna tidak boleh mendakwa lagi di mahkamah.

Itulah beberapa perkara untuk menarik perhatian pihak kementerian tentang persoalan yang saya timbulkan. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tawau.

**11.40 pagi.**

**Puan Chua Soon Bui [Tawau]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan pembentangan rang undang-undang yang sudah terlalu lama ditunggu-tunggu. Kerajaan telah melaksanakan banyak pelan dan dasar untuk membaiki kebajikan sosial rakyat jelata serta menaikkan taraf mutu hidup khususnya kepada kementerian kerana kini sampailah masanya untuk mencapai keadilan sosial khususnya di antara penjual-penjual dan pelanggan-pelanggan dengan sekatan undang-undang demi perlindungan hak-hak pengguna.

Rang undang-undang ini akan memanfaatkan peniaga-peniaga yang beretika kerana ia menyediakan satu saluran untuk aduan-aduan terhadap peniaga-peniaga yang kurang beretika dan yang membekalkan barangan yang kurang selamat atau kontrak perkhidmatan yang tidak adil. Dengan adanya rang undang-undang ini

peniaga-peniaga atau pengguna-pengguna dapat menuntut hak mereka daripada peniaga-peniaga yang kurang beretika.

Di negara-negara rantau Asia seperti Jepun, Thailand, Korea, India, China, Taiwan dan sebagainya, rang undang-undang seperti ini dikuatkuasakan untuk mengelakkan pembuatan barangan yang merbahaya atau yang kurang bermutu di negara-negara itu. Barangan kategori ini biasanya dieksport ke negara-negara yang tidak ada rang undang-undang seperti ini. Justeru itu rang undang-undang ini akan mempertingkatkan kualiti barangan import negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini menjamin kualiti barangan, bahkan menjamin kualiti perkhidmatan. Jika seseorang pembekal barang atau perkhidmatan gagal memenuhi syarat-syarat yang dijanjikan, maka pengguna yang terlibat ada hak untuk meminta pembetulan oleh pembekal. Pembekal itu seharusnya membaiki barangan atau memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberi itu.

Saya pernah menerima aduan daripada seseorang pengguna yang telah membeli sebuah kipas elektrik dan kamera yang didapati cacat. Peniaga yang berkenaan mengambil balik barangan itu dan hantar barangan itu kepada pengilang untuk diperbaiki. Hanya selepas satu tahun sahaja, pengguna itu terima balik barangan baru itu yang diperbaiki.

Rang undang-undang ini mesti dapat memberi jaminan yang lebih baik kepada pengguna-pengguna. Jika barangan yang dibeli itu didapati cacat, pengguna seharusnya diberi pilihan sama ada dapat barangan gantian atau dikembalikan wang harga pembelian, bukan menunggu satu tahun sebelum dapat diselesaikan masalahnya. Pengguna seharusnya dibenar mengembalikan barangan sahaja jika barangan yang baru didapati cacat, bukan hantar balik untuk diperbaiki.

Tuan Yang di-Pertua, ramai wanita yang menerima rawatan persolekan kulit dan kosmetik telah didapati mengalami kerosakan serius kepada kulit dan bahagian-bahagian tubuh seperti mata, hidung dan sebagainya. Ini adalah akibat kerja yang kurang profesional yang dilakukan oleh pakar-pakar .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Rompin bangun, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Puan Chua Soon Bui:** *[Ketawa]*...perunding persolekan *[Disampuk]* *[Ketawa]* yang tidak mempunyai kemahiran, pengetahuan dan pengalaman profesional.

**Seorang Ahli:** Ada buat rawatankah, Yang Berhormat?.

**Puan Chua Soon Bui:** *[Ketawa]* Saya ingin tahu adakah kerugian wanita-wanita itu dapat diberi pampasan atau ganti rugi daripada pakar-pakar itu di bawah rang undang-undang ini. Saya berharap kerajaan dapat memberi perhatian terhadap masalah yang dialami oleh pesakit-pesakit yang disalah periksa oleh doktor-doktor perubatan atau yang mengalami derita sakit kerana doktor pembedahan telah meninggalkan kapas atau kain, potongan plastik atau alat-alat operation di dalam badan pesakit selepas pembedahan tamat. Saya ingin tahu, apakah perlindungan yang ada bagi pesakit-pesakit yang malang ini.

Saya memang menyokong rang undang-undang ini terutama kemudahan Tribunal Tuntutan Pengguna yang boleh menjimatkan wang ringgit pengguna yang ingin membuat tuntutan daripada peniaga atau pengilang kerana barangan cacat atau perkhidmatan yang tidak memuaskan. Ini adalah satu langkah yang positif dan memberi saluran mudah kepada pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan-perkhidmatan seperti penyelenggaraan kereta, dry cleaning, memperbaiki rumah atau bangunan seharusnya dinyatakan dahulu supaya kerja itu dilakukan dalam satu tempoh masa yang munasabah, dengan kualiti dan jagaan yang mencukupi dan dengan menggunakan alat-alat gantian yang berkualiti. Dengan cara itu, kecekapan pembekal perkhidmatan negara kita dapat dipertingkatkan dan perkhidmatan yang cemerlang pula dapat menarik lebih ramai pelancong asing dan pendapatan wang asing bagi negara kita.

Saya ingin tahu sama ada rang undang-undang ini akan memberi perlindungan bagi pengguna-pengguna perkhidmatan bekalan air, elektrik dan telefon. Jika tidak, bagaimanakah pengguna-pengguna dilindungi di bawah rang undang-undang ini. Adakah terlalu biasa berlakunya seseorang pengguna dipaksa

membayar bil yang menuntut bayaran yang terlalu tinggi dan tidak berpatutan sebelum dia dapat membuat aduan atau rayuan. Contohnya, jika bil itu tidak dijelaskan dahulu, perkhidmatan yang berkaitan akan dipotong. Memang ini adalah tidak adil bagi pengguna yang tidak ada jalan untuk menyuarakan kesulitannya sedangkan kesilapan memang berlaku pada pihak pembekal perkhidmatan.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Batang Lupar.

**11.48 pagi.**

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membahaskan rang undang-undang ini dengan secara ringkas dan menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyuarakan soal prosedur oleh kerana soal prosedur ini amat penting bagi pengguna kerana kalau pengguna itu adalah orang bandar dan mungkin mendapat nasihat-nasihat daripada bijak pandai dan pengamal undang-undang, berkemungkinan mereka boleh menjalankan kompelin dan sebagainya kepada pihak yang tertentu dengan cara yang teratur tetapi masalah pengguna bukan sahaja kepada orang bandar tetapi melibatkan orang di luar bandar. Jadi, orang di luar bandar mungkin tidak mengenali prosedur dan sebagainya.

Jadi, dengan itu saya berharap pihak kementerian di dalam menggubal satu tata cara di bawah undang-undang ini untuk diguna pakai, pihak Tribunal hendaklah menggubal satu prosedur yang tidak kompleks dan tidak sangat melibatkan banyak borang untuk diisi. Oleh kerana, ini akan membebankan pihak pengguna terutama sekali yang di luar bandar yang mungkin tidak mempunyai pendidikan yang tinggi. Jadi, saya berpendapat soal prosedur ini adalah amat penting kepada kementerian untuk melaksanakan undang-undang ini nanti.

Yang kedua, saya juga ingin menyuarakan persoalan Tribunal. Kita banyak melihat kalau di Semenanjung ini yang mana network, transportation dan

sebagainya begitu baik dan canggih.....[Pembesar suara tidak berfungsi] di sesuatu tempat dengan cepat sekali tetapi kalau di kawasan saya umpamanya, kawasan saya, walaupun hampir sebesar negeri Melaka tetapi negeri Melaka lebih senang, seorang MP service daripada kawasan saya di service oleh sepuluh MP kerana perhubungan network nya dua kampung sahaja. Ada jalan raya, yang lain semua naik sungai. Jadi, musim tengkujuh, musim air cetek tidak boleh – cetek buaya banyak, tengkujuh lubang besar, jadi dua-dua menjadi masalah.

Jadi, saya berharap tribunal ini diadakan sebagaimana kawan saya dari Lanang yang memang mahir dengan soalan ini iaitu di Sarawak mesti diberi satu penekanan iaitu tribunal mesti diadakan di tiap-tiap bahagian. Ini menyenangkan pihak-pihak yang tertentu membuat aduan kepada tribunal ataupun agensi kerajaan yang telah dilantik untuk mengendalikan undang-undang ini. Kalaupun dalam masa yang singkat, saya bersetuju yang kementerian tidak boleh menubuhkan Tribunal dan agensi-agensi mereka di setiap daerah dan bahagian di Sarawak ataupun di Semenanjung, umpamanya, sekurang-kurangnya Tribunal ini dibenar ataupun diberi arahan supaya membuat persidangan mereka di mana-mana tempat, jabatan-jabatan dan daerah-daerah yang ada tempat persidangan boleh dibuat. Maknanya, orang mengadu tidak pergi ke Tribunal tetapi orang yang mendengar iaitu hakim-hakim Tribunal ini pergi ke tempat di mana kes ini boleh didengar.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sedemikian saya pernah melihat – dalam saya mempraktikkan undang-undang yang mana kadang-kadang kita terjumpa dalam satu agreement yang dibuat oleh pihak-pihak perbankan umpamanya, mengatakan kalau ada berbangkit masalah di bawah agreement ini, jurisdiction mahkamah ialah Mahkamah Kuala Lumpur.

Jadi, kalau tuntutan dan perbalahan itu berhubung dengan kes hanya RM5,000, RM4,000, mustahil orang dari negeri Sarawak dan negeri Sabah boleh datang. Berkemungkinan juga orang negeri Kelantan, Perlis pun tidak hendak datang ke Kuala Lumpur kerana kos mengendalikan kedatangan mereka ke sini lebih mahal daripada benda yang dituntut. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian,

semua kehendak kerajaan dan urusan kerajaan itu defeated oleh syarat-syarat yang disebabkan oleh pihak perbankan ataupun finance company membuat syarat-syarat yang sedemikian.

Jadi, saya berharap pihak kerajaan melihat juga soalan-soalan sedemikian walaupun saya pernah membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini tetapi masih ada juga syarat-syarat yang mana jurisdiction ini dihad oleh pihak-pihak tertentu dalam kontrak tertentu di antara pengguna dan mereka sendiri. Jadi, dalam keadaan yang sedemikian dalam undang-undang ini tidak ada kuasa yang menggubal syarat-syarat yang sedemikian kalau berbangkit dalam satu-satu kertas perjanjian sama ada dipaksa, diterima ataupun tidak kerana tiap-tiap agreement itu bukan sahaja ditulis tetapi juga yang lisan yang mungkin tidak ditandatangani umpamanya, juga kontrak di antara pengguna dan penjual tetapi kadang-kadang ada orang kata 'the small lettering, small print' dan sebagainya itu juga mengikat pihak tertentu yang berkenaan.

Jadi, dalam soal yang sedemikian pihak kementerian masih melihat persoalan-persoalan ini supaya hak pengguna itu tidak dikelirukan, tidak dimanipulasikan oleh pihak-pihak yang tertentu dengan menggunakan 'small print' dan syarat-syarat yang membebankan.

Tuan Yang di-Pertua, yang kedua,, kita terpaksa berjalan dengan cepat sedikit, mengenai soalan limitation. Tadi ada juga kawan-kawan yang membangkitkan persoalan bila masanya, berapa banyak masa diberi kepada pihak yang telah teraniaya atau terkena dengan membeli barang-barang ataupun menggunakan sesuatu benda terpaksa membuat laporan kepada kementerian ataupun pihak-pihak yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dalam keadaan yang sedemikian ada dua perkara yang saya ingin sebutkan iaitu di Malaysia, saya tidak tahu di Sabah, tetapi di Sarawak kita mempunyai satu undang-undang berasingan iaitu undang-undang Limitation Act. Di Semenanjung kita ada satu, di Sarawak ada satu. Jadi, umpamanya seorang hamba Allah itu membeli barang di Kuala Lumpur dan

selepas itu dia bawa balik ke Sarawak, membeli sehelai baju umpamanya. Apabila dia bawa balik dia dapati baju itu tidak sesuai, rosak ataupun tidak memenuhi syarat-syarat yang telah disebutkan dalam undang-undang ini di dalam Seksyen 32, kalau tidak salah, guarantee yang tersirat umpamanya. Jadi, kalau dia balik, dia buat laporan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, ada dua persoalan yang berbangkit. Satu, di bawah undang-undang 'limitation' manakah syarat ini dikenakan sama ada Limitation Act Sarawak ataupun Semenanjung kerana berlainan. Yang kedua, Tribunal, di mana 'jurisdiction Tribunal', tribunal di Kuala Lumpurkah ataupun tribunal di Kuching ataupun di Ulu Kapit di mana dia duduk. Jadi, dalam undang-undang ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, barang kali dia sebut berkenaan dengan 'limitation' dalam undang-undang ini. Ada, saya baca tiga tahun, Yang Berhormat. Ya, jika yang demikian di Sarawak pun tiga tahun dan di sini pun tiga tahun juga.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya tidak hendak ulas panjang lebar kerana Tuan Yang di-Pertua sudah cakap begitu, saya terima sahaja. Jadi, pernah berlaku pada saya, my Field Force Commander, dia beli barang dari Pulau Pinang menerusi telefon. Apabila kes itu dibawa ke Pulau Pinang tidak ada 'written contract'. Jadi, apabila benda itu tidak dibayar oleh mereka dari Sarawak, persoalan berbangkit ialah Limitation Act. Oleh kerana kalau di Sarawak 'verbal contract' itu lain dia punya consideration dan 'written contract' itu lain dia punya consideration.

Jadi, penghabisannya Commander Field Force itu dinasihat untuk bayar sahaja kerana kalau dia pergi ke Pulau Pinang pun mungkin dia belanja lebih besar lagi. Jadi, 'justice was not done for reason that there was a doubt'. Jadi, dengan keadaan yang sedemikian walaupun Tuan Yang di-Pertua telah beri, saya masih terima juga. Saya patut juga menyarankan supaya pihak kementerian melihat

Limitation Act ini. Kalau Ordinan Sarawak itu mungkin tidak sesuai lagi, saya minta kepada kementerian supaya perkara ini dibawa kepada kerajaan dan Kabinet supaya buat satu Limitation Act untuk seluruh negara Malaysia. Dengan keadaan yang sedemikian, kita tidak ada perasaan curiga lagi soal had-had 'limitation' ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi Tribunal tadi ini kadang-kadang ada had kawasannya. Saya berpindah kepada barang-barang yang dijual murah. Kadang-kadang apabila ada orang buat jualan murah, ada barang yang sepatutnya tidak dijual murah. Kalau kita pergi ke negara-negara lain, kalau benda yang dijual pada musim sejuk akan dijual murah dan 'next season' tetapi di sini barang-barang yang dijual murah ialah bukan barang yang daripada stor itu sendiri. Dia cari benda yang betul-betul murah dari kawasan lain, di kedai lain, benda yang umpamanya dia hendak jual dengan harga RM20, dia cari baju yang betul-betul di 'manufacture' dengan kos dan harga RM20. Dia bawa ke satu stor yang besar dan mahal umpamanya di Parkson, Yaohan dan sebagainya. Disimpan di situ, dia kata ini jual murah tetapi sebenarnya barang itu memang barang murah. Sepatutnya bukan jualan murah.

Jadi, perkara macam ini berlaku berleluasa. Jadi, kalau orang beli dia kata dia beli di Yaohan. Sebenarnya benda itu di Chow Kit pun memang dijual RM20. Dikeluarkan dari manufacturer pun memang RM20. Jadi, nampaknya ini satu penipuan kepada minda manusia walaupun mungkin benda itu berkualiti juga.

Tuan Yang di-Pertua, jadi persoalan ini saya berharap pihak kementerian melihat juga persoalan penipuan besar-besaran oleh pihak yang menjual barang jualan murah ini walaupun barang itu memang tidak turun harga. Kalau barang itu dijual di Chow Kit Road RM20 dan dia dijual di store Yaohan RM10, itu barulah jual murah. Tetapi kalau Chow Kit Road jual RM20, dijual di store dia RM20, dia kata ini jual murah turun 50%. Ini bohong.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, kalau pembohongan sedemikian dibuat, sepatutnya undang-undang ini juga cover dan patut ditekankan pada persoalan jual murah .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa Yang Berhormat cukup, ya.

**Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya cakap sedikit sahaja. Hendak habislah ini. Jual murah ini juga kalau benda 'defected material manufacturing', umpamanya baju, celana dan sebagainya manufacturing nya rosak, bukan dijual di tempat murah. Sebenarnya tidak boleh dijual murah, sepatutnya jatuh juga di tempat yang di'guarantee' dalam undang-undang ini tetapi benda yang defect dalam penjualan ini sepatutnya dalam 'Reject Shop' yang dijual supaya tidak mengelirukan orang.

Oleh kerana saya tidak boleh menyentuh panjang dan masa saya sudah habis, dengan itu saya mohon menyokong, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Rompin.

**12.00 tgh.**

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya seperti rakan-rakan dalam Barisan Nasional tidak seperti DAP, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaan khususnya Dato' Menteri sendiri kerana dengan 'single-handed', dengan izin, dapat mengemaskini satu rang undang-undang yang baik untuk melindungi pengguna-pengguna di negara kita.

Saya rasa ini menunjukkan bahawa kerajaan amat peka dan sensitif kepada kehendak pengguna. Bermakna dengan adanya rang undang-undang ini kita boleh dianggapkan seperti satu negara yang maju di Barat di mana pengguna-pengguna dilindungi dengan satu rang undang-undang yang khusus bagi pengguna-pengguna. Syabas kepada kementerian dan syabas kepada kerajaan.

Tadi kita juga merasakan bahawa rang undang-undang untuk pengguna ini amat penting sekali. Mungkin kita ada rang undang-undang yang lain, yang melindungi juga pengguna-pengguna seperti rang undang-undang kepada tuntutan yang boleh dibuat kepada badan-badan profesional seperti doktor, engineer dan lain-lain tetapi yang perlu diberikan satu penghargaan kepada kerajaan bahawa rang undang-undang ini spesifik kepada yang kecil 'the so-called man on the street' yang kalau dahulunya mengikut rang undang-undang yang ada, mereka ini terpaksa pergi ke mahkamah dan mungkin apabila pergi ke mahkamah sudah semestinya akan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk membuat satu tuntutan di mahkamah kerana memerlukan seorang peguam atau penasihat peguam. Tetapi dengan adanya rang undang-undang ini akan diwujudkan Tribunal, bermakna mereka ini terus pergi ke Tribunal untuk menuntut hak-hak mereka sebagai pengguna. Usaha ini amatlah dihargai iaitu Kerajaan Barisan Nasional memelihara hak demokratik pengguna. Macam DAP hak demokratik dalam parti sendiri pun tidak ada. Bagaimana hendak bercakap hak demokrasi .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Apa kena mengena dengan pengguna ini?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....kepada orang-orang Malaysia secara lebih umum. *[Disampuk]* Kalaupun kita DAP betul-betul sensitif kepada hak demokrasi, masyarakat Malaysia, mengapa kita tidak membuktikan bahawa demokrasi itu betul-betul wujud di dalam DAP? Betul, Cheras macam Teluk Intan - supaya cuba membuktikan apabila Tanjong anaknya kena rehat sementara, Teluk Intan cuba menyuarakan kononnya dia ini anak-anak muda, generasi akan datang yang akan mewarisi pihak DAP. *[Disampuk]* Tidak ada chance Teluk Intan, Jelutong ada stand-by duduk di sebelah Tanjong itu. *[Ketawa]*

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul, dan Cheras sudah lama senyap, mengapa Cheras hari ini baru bangun? *[Disampuk]* Bagan pun begitu, sebab di Pulau Pinang DAP sudah lumpuh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, Bagan bangun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .... dan saya difahamkan Tanjong sendiri .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, .....

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .....akan datang akan bertanding di Perak, akan lari dari Pulau Pinang.

**Seorang Ahli:** Bagan, 36(1), Bagan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Balik kepada tajuk.

**Tuan Lim Hock Seng:** 36(1)?

**Seorang Ahli:** Ya. *[Ketawa]* Saya sudah nampak 36(1), duduklah.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** .... di Pulau Pinang .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Sila balik kepada tajuk, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya bercakap hak demokrasi, demokrasi pengguna di antara pengguna ahli DAP itu sendiri.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada modal ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Betul. Di Pulau Pinang, saya yakin Tanjong akan bertanding di Perak, tidak akan bertanding di Pulau Pinang sebab Bagan sendiri belum tahu menyokong Tanjong.

**Tuan M. Kulasegaran:** Ambil saya punya speech, tolong ambil. 30 pages ada di sini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Ya, makan cili baru rasa pedas. Hak demokrasi kepada rakyat Malaysia dan akta ini hak demokrasi masyarakat Malaysia dan ramai daripada mereka juga golongan pengguna. Dia ada 'democratic rights', dilindungi oleh Kerajaan Barisan Nasional. DAP buat apa? Cakap sahaja macam tadi Cheras, bercakap kononnya mengapa tidak rang undang-undang ini melindungi juga mereka yang membuat tuntutan kepada doktor. Ini tidak belajarkah? Ya, kalaulah ada orang buat tuntutan – kalau dia buat satu pembedahan, ada satu perkara yang kadang-kadang kita dengar cerita tidak dibuat dengan baik, dia boleh ambil tindakan mahkamah dan tuntutan kepada 'panel of doctors', dia ada panelnya, ada badan 'council'nya, mengapa tidak? Inilah untuk yang kecil-kecil .....

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ya, minta penjelasankah?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah!

**Tuan Lim Hock Seng:** Penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Dia tidak beri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Duduklah.  
Mungkin bertanding pun belum tahu akan datang sebagai DAP.....

**Tuan Lim Hock Seng:** Sila duduk sana, sila duduk sana.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak ada. Panas dah?

**Tuan M. Kulasegaran:** Hendak jadi menteri ini.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Tidak. *[Ketawa]*

**Tuan M. Kulasegaran:** Sekarang Pasir Salak tidak ada kerja.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** *[Ketawa]* Tidak, saya mengatakan DAP selalu.... *[Disampuk]* mengatakan bahawa dia menjuarai masyarakat Malaysia, dialah menjuarai hak demokrasi di negara kita. Saya cabar

DAP. Saya hayati pemimpin-pemimpin DAP memang hendakkan demokrasi tetapi tunjukkan ada transparency, ada demokrasi dalam parti itu sendiri. Kata nepotisme, tengok anak kepada Tanjong sendiri. Saya dengar Jelutong pun anak dia hendak bertanding akan datang. Ini bukan nepotismekah? Apa cakap? ....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak ada asas.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** ... dalam parti sendiri ada nepotisme, katakan kerajaan ada nepotisme.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Standard Barisan Nasional.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya dalam isu ini dan juga saya difahamkan kementerian mengambil masa sepuluh tahun untuk menggubal satu akta ini. Syabas, kita tetap berhadapan dengan tanggungjawab kita. DAP, saya hendak cabar Teluk Intan, bila betul-betul hendak mendemokratikkan DAP? Kita buat sepuluh tahun untuk pengguna, DAP sanggup buatkah? Betul-betul demokratikkan DAP. Nama sahaja parti demokratik tetapi sebenarnya parti yang paling tidak demokratik.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kalau kritik UMNO, pecat juga. Tumpat, Tumpat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** I Isu yang kedua tentang keahlian Tribunal, ini saya juga baca sedikit dalam akhbar, FOMCA ini memang baik, banyak idea yang kerajaan berikan platform kepada mereka supaya memberikan pandangan kepada mereka. Saya rasa sedikit-sebanyak kita tidak boleh juga menolak sumbangan FOMCA untuk memberikan pandangan kepada kementerian. Kementerian sendiri akui ia memang selalu adakan hubungan dan perbincangan dengan FOMCA. Tetapi satu yang saya minta iaitu dari segi Tribunal ini mintalah orang tengah, ia tidak memihak kepada pengeluar dan tidak memihak kepada pengguna supaya apa juga yang diputuskan oleh Tribunal itu bukan sahaja adil tetapi also seen to be fair.

**Tuan Tan Kok Wai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Hendak beri jalankah, Yang Berhormat?

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** DAP Bagan, Penang sudah tidak ada kuasa, semua kaki sudah dipotong tinggal badan sahaja. Tangan sudah potong, kaki sudah potong oleh Tanjong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Apa, tidak ada kuasa lagi.

**Seorang Ahli:** Sarawak ada lagi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sarawak pun tidak ada. Kuching pun sudah lari dari DAP. *[Ketawa]*

Yang terakhir, Tuan Yang di-Pertua, tentang luar bandar. Saya bersetuju dengan pandangan Machang tadi bila adakan Tribunal ini jangan hanya ada di bandar besar sahaja. Adakan juga di ibu-ibu negeri seperti di Timur supaya adakan di Kota Bharu, adakan di Terengganu, adakan di Kuantan dan juga di bandar-bandar ibu negeri yang lain. Kadang-kadang masyarakat di luar bandar kita tahu bahawa harga barang amat tinggi, kadang-kadang ada jualan murah di pasar-pasar raya kecil luar bandar tetapi mereka tidak ada tempat untuk mengadu. Katakanlah di kawasan saya Rompin, mungkin dia ini peneroka kalau hendak pergi ke Kuala Lumpur amat jauh, sekurang-kurangnya membelanjakan RM100, RM200, hendak pergi Kuantan pun jauh.

Saya minta supaya bukan sahaja Tribunal ini diletakkan juga di kawasan-kawasan seluruh negara tetapi mesti juga ada satu hubungan dengan daerah juga, kita ada majlis daerah ataupun pejabat daerah, mungkin pejabat-pejabat kementerian. Selain daripada ada pejabat sendiri untuk mendapat maklumat daripada pengguna-pengguna ini, adakan juga hubungan tertentu dengan jabatan-jabatan kerajaan yang ada di luar bandar supaya kerajaan dapat mendengar kadangkala keluhan daripada luar-luar bandar sendiri.

Saya juga tidak bersetuju kalau disarankan supaya kementerian menubuhkan pejabat di tiap-tiap kawasan luar bandar kerana itu akan menyebabkan perbelanjaan yang besar. Tetapi ada jabatan-jabatan kerajaan yang sedia ada yang boleh memberikan maklumat ataupun memberikan data dan input feedback kepada kementerian dalam isu-isu untuk menjaga kepentingan pengguna.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Pokok Sena.

### **12.10 tgh.**

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bangun seperti Rompin untuk mengucapkan tahniah kepada kementerian yang saya difahamkan sudah tiga menteri dan enam ketua etiausaha baru kita dapat berjaya pada kali untuk membentangkan Akta Pelindung Pengguna ini. Saya juga bersama Rompin ingin memberi tahniah selain kepada kementerian juga kepada NGO terutama sekali Persatuan Pengguna. Tetapi kepada NGOs yang lain, saya difahamkan ada NGOs yang registered NGOs - empat-lima orang sahaja sudah menjadi NGOs dan NGOs ini berlagak sebagai NGO tetapi sebenarnya ia bukan NGO, bukan Non Governmental Organization, tetapi opposition support group sebab kebanyakan bila mereka bincang, mereka bincang dengan opposition, selepas itu ia mencerminkan pemikiran opposition.

Kita tidak mahu NGOs yang semacam ini. Kita hendak semacam Consumer Association, saya pujilah Profesor Hamdan, selalu berbincang dengan kementerian memberi pendapat yang bernas. Jadi, yang baik itu kita kata baik, tetapi ada NGO macam yang dipimpin oleh Irene Fernandez, saya difahamkan mereka empat orang sahaja ada satu syarikat, empat orang sahaja menjadi Lembaga Pengarah seumur hidup NGO itu.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tadi saya tidak kacau pun Yang Berhormat. [*Ketawa*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Saya hendak bertanya, saya bersetuju majoriti 99% NGO ini baik, tetapi ada 1%, 2% yang kecil-kecil, adakah kemungkinan semacam orang Teluk Intan yang menajakannya? *[Ketawa]*

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kira NGO kena main peranan sebagai NGO, dia membela masyarakat. Sama juga dengan ulamak, kalau ulamak dia kena betul-betul berjuang untuk agama, jangan ada kepentingan diri. NGO jangan ada kepentingan diri, baru NGO berjuang untuk masyarakat. Ini NGO banyak yang menyokong pembangkang. Teluk Intan pun macam saya kata tadi bila ada meeting NGO dia selalu ada. Tetapi NGO yang benar-benar NGO itu yang kita hendak. Saya hendak kementerian daftar NGO yang benar-benar ini. Kita beritahu kepada pihak pendaftar supaya bubarkan NGO yang mencari kepentingan. Bila ada tubuh satu parti baru maka pemimpin kumpulan NGO ini masuk parti baru, baru kita tahu ini niatnya. Dia hendak masuk NGO kerana cari peluang masuk satu parti untuk bertanding. Ini NGO yang salah. Saya hendak supaya NGO memainkan peranannya yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi saya bangkit.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:** Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak penjelasan pasal NGO.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Injury time.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tadi Yang Berhormat sebut mengenai Tenaganita. Tenaganita ini NGOkah ataupun persatuan perniagaan?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Saya difahamkan ia adalah salah satu NGO sebab dia mengaku dirinya NGO. Tetapi sebenarnya dia opposition support group (OSG). Salah seorangnya yang duduk di hujung itu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara yang saya hendak bangkit berhubung dengan banyak barang, saya hendak cadangkan kementerian ini supaya

tubuhkan consumer product research centre, sebab banyak barang terutama sekali ubat-ubat yang dijual misalnya air gamat, betulkah dia bela ibu gamat yang mana air gamat itu datang daripada ibu gamat. Yang ini kena buat research centre. Kalau Tongkat Ali, betulkah Tongkat Ali atau Ali buta punya tongkat, dia potong dia buat serbuk, kita dok telan, kita ingat Tongkat Ali betul. Walhal Ali itu nama orang, buta duduk minta sedekah, kita ingat itulah Tongkat Ali.

Lagi satu, minyak kambing gurun. Saya difahamkan kepala kambing gurun itu sudah 30 tahun dia dok campur minyak dan dia jual minyak kambing gurun. Kita pun faham kambing gurun ini adalah sejenis binatang kalau ia luka ia jilat sendiri. Jangan salah faham, bila saya sebut jilat kambing gurun ia jilat di tempat luka itu ia baik. Sebab itu orang ambil kepala kambing gurun dan rendam dalam minyak dia jual minyak kambing gurun.

Tetapi saya hendak kementerian ini buat satu research, macam Institute of Medical Research. Selepas itu kementerian ini buat consumers product research centre. Kita buat research, kalau seorang itu jual minyak daripada buah yang panjang-panjang dan bulat-bulat kita kena siasat betul-betul. Kalau macam saya katakan tadi makjun – dahulu semasa saya kecil ada seorang jual makjun bom storming, kalau makan siang berak jauh, kalau makan malam berak dekat dia kata, sebab takut hantu. Bila makan ia buang angin. Bila saya pergi di rumah emak saudara saya, saya tengok dia tumbuk biji cempedak buat makjun, bila makan memang ia keluarkan angin. Jadi, bila orang kampung makan makjun ini keluar angin, sendawa, kentut kuat, rupanya dia jual biji cempedak, dia tumbuk buat makjun.

Ini yang kita hendak research centre. Siasat semua barang. Kalau kita pergi kedai sinseh, ini cerita, saya minta maaf, saya faham orang Melayu kalau jual ubat kepadanya dan kata kalau awak makan ubat ini orang tidak akan kata orang Melayu mesti beli, orang Melayu takut kena kata. Kalau orang Cina pergi kedai sinseh sebab orang Cina takut mati, sorry. Kalau kita makan ubat ini panjang umur dia mesti beli. Sebab itu kita hendak supaya mencari kedai sinseh macam-macam

dijual, kepala gajah, kepala unta semua ada dijual, kena siasat betul-betul supaya masyarakat seperti yang dikeluarkan dalam akta ini masyarakat kita tidak tertipu.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkara, tujuan kementerian ini untuk menjaga lapisan bawah supaya kita tidak kena tipu dan RM10,000 ke bawah dia boleh lapor kepada Tribunal. Bagaimana pula tentang orang pertengahan yang ada sedikit duit macam setengah Ahli-ahli Yang Berhormat yang berlebihan. Jadi, kita boleh pergi ke mahkamah dan kita boleh pilih salah satu mahkamah ataupun Tribunal. Yang saya hendak bangkitkan di sini Tribunal hendaklah selain daripada mengambil tindakan ia juga menjadi sebagai tempat nasihat di mana hendak pergi sebab orang kampung terutama sekali orang kawasan saya kalau payah sangat dia tidak ambil tindakan.

Misalnya, kalau kes besar seperti kes insurans, ada orang di kawasan saya accident. Lawyer dia beri RM40,000 kepada orang kampung, itu memang besar bagi orang kampung. Tetapi sebenarnya lawyer itu tuntutan RM200,000 RM300,000 life spent dia sebab dia lumpuh dan mempunyai anak. Tetapi duit yang datang daripada insurans pergi kepada akaun lawyer, ini ikut suka lawyer. Ini bukan semua lawyer tetapi lawyer, doktor ini jenis manusia juga. Ada kadang-kadang doktor tertinggal gunting dalam perut. Ini bukan main-main. Biasa orang buat caesarean operation dia tinggal gunting dalam perut, tinggal cotton perkara biasa tetapi ada orang tinggal gunting.

Jadi, kes-kes yang besar macam ini biasanya kita pergi ke mahkamah, tetapi kalau orang susah dia dengar mahkamah pun dia sudah takut. Kita minta Tribunal ini kalau ia tidak boleh menghukum perkara ini besar, ia menjadi sebagai badan penasihat.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu perkara berkenaan dengan jual janji palsu. Ini bukan saya kata kepada PAS, mereka pun banyak juga jual benda palsu. Kalau kes kecil Tribunal ambil tindakan, bagaimana pula kalau bahagian pengeluaran ini oleh sebab benda yang kecil Tribunal ada mengambil tindakan, ia akan tertumpu

kepada bahagian yang lebih besar supaya Tribunal ini tidak boleh mengambil tindakannya.

Kita tahu bahawa tindakan mahkamah ini lambat sedikit, kena bicara, kena ambil lawyer, kalau orang macam saya tidak ada duit PPRT punya Ahli Parlimen tidak boleh mengambil lawyer, hendak pergi kepada Tribunal sebab kes itu besar sedikit. Jadi, kita minta kementerian ini supaya mengkaji supaya bukan sahaja golongan yang rendah tetapi golongan yang sederhana dan yang kaya asalkan masyarakat kita tidak tertipu oleh pengeluar-pengeluar ataupun kumpulan yang mengeluarkan barang-barang ini.

Jadi, saya tidak mahu makan masa yang panjang, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap cadangan saya tadi untuk menubuhkan consumer product research centre ini diwujudkan supaya kita dapat sama-sama memberi manfaat kepada masyarakat di Malaysia ini. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Teluk Intan.

**12.20 tgh.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Speaker. Kalau kita meneliti rang undang-undang ini, saya rasa satu di antara perkara yang sangat mustahak ialah class action di mana peruntutannya tidak ada dalam rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana negara yang ada rang undang-undang dan akta-akta yang sama membenarkan class action, dengan izin. Saya ingin membaca apa makna 'class action'. Action. Kita semua tahu di Malaysia sekarang ini class action tidak diiktirafkan oleh mahkamah biasa. Saya sangat terperanjat bahawa rang undang-undang ini tidak ada satu clause mengenai perkara ini. Apakah sebab ianya tidak dibenarkan dilaksanakan?

Tuan Yang di-Pertua, inilah yang diperkatakan mengenai class action, dengan izin, *class action arises "when a small wrong is committed that affects many people, none of them may have a sufficient amount at stake to justify*

*individual litigation. Thus, the wrongdoer may profit hugely, by conducting fraudulent or deceptive behaviours comprised of numerous and recurring small transgressions”.*

Tuan Yang di-Pertua, definisi ini akan menunjukkan bahawa di mana situasi khas kepada aduan-aduan melibatkan 70 sen, 80 sen, RM1, takkan mereka membawa kes ke Mahkamah Tribunal. Perkara seperti ini perlu satu class action di mana organisasi pengguna-pengguna (consumer) atau pihak-pihak yang lain diberi kuasa supaya tindakan dapat diambil untuk semua pihak. Ini sangat mustahak kerana ini akan dilaksanakan di semua negara termasuk di India atau di mana sahaja di mana rang undang-undang ini diwujudkan dan bermula di negara Uganda kalau tidak silap saya, dan di Amerika.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada satu kes yang telah diputuskan oleh Mahkamah Agung Amchem di Amerika. Dengan izin, saya membaca kerana ia merangkumi semua mengenai apakah faktor-faktor class action, the case Amchem inilah keputusannya.

*“The class action’s continuing mandate has been justified on the following principles: Efficiency and economy in judicial administration; Universal access to civil justice; and Empowerment of small Claimants to achieve equality between human and corporate persons.*

*The class action is a powerful tool of private enforcement far preferable, less intrusive and more efficient to the alternative of pervasive government controls. It encourages corporations to compete in conformance with quality and fair play, and enables the law-abiding to conduct their business without the impediment and cost of increased government supervision and regulation. Government regulation imposes a daily burden and penalty of cost and inconvenience, on all businesses, regardless of fault.*

That is why, throughout this century, in good and bad economic times, during periods of liberal and conservative ascendancy alike, the US Supreme Court has repeatedly asserted the need for the class action mechanism. The Court

says that "Class action ... permits the plaintiffs to pool claims which would be uneconomical to litigate individually ... most of the plaintiffs would have no realistic day in court if a class action were not available".

Inilah masalah, saya rasa apabila Yang Berhormat Menteri membentangkan, mengatakan rang undang-undang ini menyeluruh, merangkumi, menunjukkan bahawa semua faktor telah diambil kira, saya rasa ini tidak benar. Apakah sebab class action ini tidak ada di dalam rang undang-undang yang dicadangkan? Memandangkan perkara ini sangat mustahak, lebih-lebih lagi ia akan memberi benefits yang tertentu kepada semua pengguna, lebih berefektif daripada rang undang-undang yang dicadangkan di hadapan Dewan ini.

Saya tahu dalam rang undang-undang ini ada beberapa fasal menunjukkan bahawa pengguna-pengguna diberi beberapa situasi di mana mereka memulakan tindakan. Tetapi kita perlu faham undang-undang Caveat Emptor di mana buyer beware. Saya rasa, Cave at Emptor dengan rang undang-undang yang dicadangkan maka satu situasi yang baru berlaku di mana Caveat Emptor tidak terpakai tetapi adakah itu betul?

Apabila saya analisa rang undang-undang ini tidak semestinya kerana banyak fasal dalam rang undang-undang ini menunjukkan memberi lebih weight kepada pihak-pihak suppliers dan manufacturers. Apakah sebabnya dan bagaimana kita boleh memanggil satu Rang Undang-undang Pengguna walhal ia, dengan izin, protect the manufacturers and suppliers?

Saya hairan bahawa menteri boleh mencadangkan dalam rang undang-undang ini satu cross claim. Apa makna cross claim? Cross claim adalah misalnya seorang pengguna mengambil tindakan undang-undang untuk RM3,000, cross claim itu boleh menjadi RM6,000. Mana ada kita menyelamatkan pengguna, sebaliknya kita menyeksa mereka. Adakah ini maksud rang undang-undang ini kerana saya hairan ada satu peruntukan sedemikian?

Saya tahu sebelum ini Yang Berhormat Menteri ada mengatakan slimming programme dan sebagainya tetapi satu perkara yang Menteri tidak menyatakan

apabila slimming programme di rang undang-undang tersebut mengatakan bahawa 5% daripada wang itu akan dirampas oleh suppliers. Mengapa kita memberi satu protection kepada suppliers tersebut yang tidak terdapat dalam rang undang-undang sebelum ini? To protect whom? Not the consumers, the suppliers!

Ini satu faktor yang tidak boleh diterima oleh pengguna-pengguna di negara ini. Dahulu mereka lebih selamat, tidak perlu membayar 5%, macam mana kita boleh protect mereka? Ini bukan protect, ini dengan sengaja tolak mereka ke dalam satu lubang yang besar. Apakah ini rang undang-undang untuk pengguna? Saya tahu banyak di antaranya ada kebaikan tetapi di satu tangan (in one hand) kita memberi benefits, di satu tangan kita menarik balik dan memberi satu undang-undang yang tidak baik kepada pengguna-pengguna.

Selain daripada itu faktor yang utama, saya difahamkan FOMCA, ERA dan sebagainya ada di Dewan ini pada hari ini. 70% aduan-aduan di negara ini adalah berkaitan dengan perumahan (housing) dan kesihatan. Kenapa skop rang undang-undang ini tidak merangkumi kedua-duanya? Apakah sebabnya? Saya difahamkan ada beberapa Ahli Yang Berhormat mengatakan, menjustifikasikan peranan rang undang-undang tetapi kalau kita tengok, kita tahu di Malaysia ramai orang menggunakan fasiliti klinik dan perubatan di swasta di mana mereka memerlukan pertolongan dan undang-undang dalam perkara ini.

Saya juga tahu bahawa Kementerian Kesihatan yang satu-satunya kementerian yang tidak mahu undang-undang ini, mereka telah mendapat realisasi akhir sekali. Akhirnya undang-undang yang ingin menolong pengguna tidak berbuat sedemikian kerana kesihatan yang menjadi faktor yang sangat mustahak di negara di mana an average person, average consumer is affected, yang kurang dari RM10,000, kurang dari RM2,000, kurang dari RM500, kurang dari RM200, bagaimana mereka boleh mengambil tindakan. Kalau kerajaan mengatakan mereka boleh pergi ke mahkamah mengambil tindakan, n tidak perlulah rang undang-undang ini.

Mengapa kita telah 'weakened'kan, mengapa kita telah membawa satu undang-undang which has no teeth, toothless tiger. Tidak ada efeknya langsung, adakah ini satu PR exercise? Sebelum ini beberapa orang Ahli Parlimen Barisan Nasional telah mengatakan satu perkara yang telah dibuat oleh Menteri adalah sangat baik. Tetapi adakah ini benar, adakah ini hajat dan adakah ini yang diperlukan, yang disanjung oleh pihak organisasi-organisasi pengguna?.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Tuan M. Kulasegaran:** Saya akan gulung. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa oleh kerana kita mengelak skop-skop, health care and housing, satu perkara yang aneh telah berlaku di mana-mana negara di dunia ini tanpa kedua-dua ini, di mana 70% dari aduan-aduan adalah berkenaan dengan perkara ini. Maka dengan adanya rang undang-undang ini adalah untuk safe keeping in the library sahaja, bukan untuk kegunaan atau perlindungan pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya juga ingin menyentuh mengenai Tribunal di mana saya rasa Tribunal ini tidak ada mengatakan bahawa ia akan bersidang pada hari Sabtu, hari Ahad, selepas office hours. Kita perlu faham bahawa kebanyakan atau semua pengguna yang pergi ke market, ke supermarket dan sebagainya adalah perempuan di mana mereka yang terlibat dan mereka lebih senang selepas waktu pejabat. Semua tribunal yang disediakan oleh akta-akta yang sama, akta-akta yang kita copy dari Uganda, India, UK dan Amerika bersidang pada hari Sabtu, hari Ahad, selepas office hours. Kita boleh gunakan office space, mahkamah-mahkamah yang sedia ada dan juga representasi perempuan, hak wanita di tribunal-tribunal tidak disenaraikan dan ini sangat mustahak kerana mereka adalah pihak-pihak yang betul-betul, yang affected di dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada banyak hal yang saya hendak ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Masa Yang Berhormat sudah lebih.

**Tuan M. Kulasegaran:** Satu perkara sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya harap memandangkan beberapa faktor yang sangat mustahak, saya mohon agar rang undang-undang ini dihantar ke Select Committee supaya meneliti balik, supaya kita boleh mengambil pandangan yang lebih dari pengguna-pengguna termasuk organisasi pengguna-pengguna dan rang undang-undang itu boleh dibawa balik dengan satu model yang terbaik di dunia. Bukan membawa satu rang undang-undang semacam hendak certified PR exercise kerajaan Barisan Nasional.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Gelang Patah.

**12.32 tgh.**

**Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]:** Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana dapat membentangkan Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999 yang bertujuan untuk melindungi kepentingan para pengguna daripada menjadi mangsa peniaga-peniaga yang tidak jujur.

Sebelum ini pihak FOMCA pun dapat kumpul lebih satu juta tandatangan dan ini adalah dikira satu sokongan kepada pihak kerajaan supaya mewujudkan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah kandungan rang undang-undang ini menyentuh banyak aspek utama berhubung dengan perlindungan pengguna, namun usaha juga perlu diambil untuk mendidik para pengguna supaya lebih memahami tentang hak-hak mereka sebagai pengguna. Walaupun dalam beberapa tahun kebelakangan ini, semakin banyak aduan telah dibuat berhubung kegiatan para peniaga yang tidak jujur atau mempraktikkan tipu helah dalam

penjualan, kita perlu sedar bahawa banyak lagi kes seumpama ini masih belum didedahkan. Salah satu sebabnya ialah masih terdapat ramai pengguna yang tidak mengetahui apakah tindakan yang boleh mereka ambil.

Oleh yang demikian prosedur yang senang perlu diadakan seperti, dengan mengadakan borang-borang tertentu untuk pihak pengguna membuat aduan dan borang-borang ini senang didapati seperti didedahkan di Pejabat Pos atau di pejabat-pejabat pihak berkuasa tempatan yang mana bila orang membayar cukai pintu atau membayar bayaran lesen untuk para pengguna mendapatkan borang tertentu ini, untuk membuat aduan terhadap peniaga-peniaga yang tidak jujur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan harus mengadakan lebih banyak seminar untuk mendidik orang ramai tentang hak-hak mereka sebagai pengguna. Seminar-seminar ini boleh menyentuh berbagai aspek perlindungan pengguna. Ini termasuklah penerangan tentang barangan yang harga jualannya dikawal serta jumlah harga jualan yang berkenaan.

Pendedahan tentang proses pengaduan mengenai kegiatan peniaga yang tidak jujur, penerangan tentang hak-hak para pengguna apabila mereka mendapati barangan atau perkhidmatan yang dibeli tidak setara dengan faktor yang dipaparkan dalam iklan dan juga pengenalan tentang prosedur yang terlibat, sekiranya para pengguna ingin merujuk sesuatu kes kepada Tribunal yang baru diwujudkan di bawah rang undang-undang ini. Di samping itu, kerajaan juga harus memperbanyakkan iklan dalam televisyen dan radio untuk menyebarkan maklumat tentang perlindungan pengguna kepada orang ramai kerana dua jenis media ini mempunyai liputan yang luas.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan rang undang-undang ini untuk menubuhkan Tribunal khas bagi menangani kes-kes pencabulan hak pengguna memanglah satu cadangan yang baik dan wajar. Ini adalah kerana kewujudan Tribunal ini akan mengurangkan kos yang terlibat dalam proses tuntutan ganti rugi. Walau bagaimanapun, saya difahamkan bahawa buat permulaannya hanya terdapat tiga

Tribunal akan diwujudkan di Wilayah Persekutuan, satu di negeri Sabah dan satu lagi di negeri Sarawak.

Pada pendapat saya , kita tidak akan mampu menangani dengan pantas kes-kes yang dirujukkan daripada para pengguna di seluruh negara dengan hanya mempunyai lima Tribunal sahaja. Di samping itu, Tribunal-tribunal ini hanya akan terdapat di beberapa tempat sahaja. Ini akan menyusahkan para pengguna yang datang daripada utara dan selatan Semenanjung Malaysia. Saya berharap jumlah Tribunal yang akan diwujudkan akan dapat diperbanyakkan secepat yang mungkin sekiranya kita benar-benar mengambil berat tentang soal perlindungan pengguna sekurang-kurangnya harus terdapat satu Tribunal di setiap negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, institusi-institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta negara ini telah mengambil ramai pelajar daripada negara asing. Ini merupakan satu perkembangan yang mengembirakan. Dukacitanya sepanjang pengamatan saya, terdapat banyak kes yang dilaporkan dalam surat khabar mengenai institusi pengajian tinggi swasta yang gagal menawarkan perkhidmatan pendidikan yang dijanjikan kepada para pelajar masing-masing. Aduan seumpama ini bukan sahaja dibuat oleh pelajar tempatan tetapi juga oleh pelajar asing. Para pelajar ini sebenarnya juga merupakan pengguna-pengguna perkhidmatan yang harus kita lindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik keputusan Kementerian Pendidikan mengadakan penilaian sistematik kes ke atas semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta di negara ini. Keputusan penilaian yang dilakukan melalui Lembaga Akreditasi Negara mengenai kedudukan atau ranking institusi-institusi pengajian tinggi tempatan akan memberi satu gambaran kepada para pelajar tentang kualiti perkhidmatan pendidikan di sesebuah institusi.

Walau bagaimanapun, ini adalah tidak cukup untuk melindungi para pelajar daripada menjadi mangsa kolej-kolej swasta yang menggunakan faktor-faktor tidak tepat dalam proses pengiklanan untuk menarik pelajar.

Saya berharap pihak berkuasa dapat memberi perhatian yang sewajarnya terhadap isu ini. Perbuatan pembekal perkhidmatan pendidikan yang tidak jujur ini bukan sahaja satu soal pencabulan hak-hak pengguna, sekiranya dibiarkan juga akan mendatangkan kesan negatif kepada imej negara terutamanya jika para pengguna yang menjadi mangsa merupakan pelajar dari negara asing.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan daripada perkembangan perdagangan elektronik atau e-commerce, semakin banyak pembelian dan penjualan telah dilakukan melalui ruang siber atau cyber space. Salah satu kelemahan perdagangan elektronik ialah para pembeli tidak dapat memeriksa barangan yang dibeli untuk menentukan mutunya. Ini juga bermakna mereka yang membeli melalui Internet menghadapi risiko yang lebih tinggi dalam soal tertipu oleh penjual atau pembekal barangan. Oleh yang demikian, kerajaan juga harus bekerja lebih kuat untuk merumuskan satu sistem yang lebih berkesan untuk melindungi golongan pengguna yang membeli melalui Internet.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat ...

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, saya gulung.

Kita perlu sedar bahawa kewujudan tribunal-tribunal di bawah Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999 hanya akan dapat memudahkan proses tuntutan ganti rugi. Tribunal-tribunal ini dengan sendirinya tidak akan mengurangkan kegiatan tidak jujur para peniaga. Justeru itu, pihak berkuasa harus

mengadakan pemeriksaan terkejut dengan lebih kerap untuk membantut sebarang niat atau perbuatan tidak jujur para peniaga sebelum para pengguna menjadi mangsa. Hanya dengan berbuat demikian, para pengguna di negara ini akan dapat dilindungi dengan lebih memuaskan.

Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Wangsa Maju.

**12.42 tgh.**

**Datuk Haji Dr. Kamal bin Mat Salleh [Wangsa Maju]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang untuk menyertai perbahasan mengenai Akta Perlindungan Pengguna ini juga bersama-sama dengan rakan-rakan Yang Berhormat yang lain ucapkan tahniah dan syabas kepada pihak kementerian khususnya kepada Yang Berhormat Menteri atas keupayaan membawa akta ini ke hadapan Parlimen dan dalam Dewan ini untuk dibahas kerana masa telah begitu lama seperti disebutkan lebih kurang sepuluh tahun untuk akta ini sampai ke peringkat ini kerana banyak yang cukup berminat dalam hal yang berkaitan dengan pengguna.

Tadi, dalam perbahasan Telun Intan banyak menimbulkan kritikan-kritikan terhadap akta ini yang mendakwa ianya satu akta yang memberi tekanan lebih berat kepada pengeluar dan pengedar walhal pengguna yang sebenarnya patut dilindungi tidak diberi keutamaan, satu kontradiksi dalam terms. Walau bagaimanapun, juga disebutkan bahawa inilah satu akta yang tidak mempunyai gigi dan tidak mempunyai kuku bagi pihak pengguna untuk tujuan perlindungan dan dapat recost ataupun compensation bagi apa-apa yang merupakan penyelewengan daripada pengeluaran dan pengedaran barang-barang dan perkhidmatan. Ada juga kritikan mengatakan bahawa ianya tidak lengkap kerana tidak mengambil kira lain-lain bidang seperti perumahan dan kesihatan, makanan dan juga pendidikan seperti yang disebutkan soal pendidikan oleh rakan saya dari Mentakab.

Saya telah difahamkan dari taklimat dan juga membaca perkembangan perdebatan ini merasakan bahawa tujuan akta ini ialah untuk melengkapi segala apa peruntukan yang telah dibuat melalui akta-akta lain termasuk akta yang ada dalam bidang kuasa kementerian ini juga untuk tujuan memberi perlindungan menyeluruh kepada pengguna-pengguna.

Jadi, isu-isu yang berkaitan dengan lain-lain bidang kuasa itu diharapkan telah dapat dibawa masuk ke bawah akta-akta tersebut. Maka satu daripada tugas kementerian saya rasa ialah untuk mengkaji kesemua akta-akta bukan sahaja yang dalam kementerian tetapi di kementerian-kementerian lain, mungkin sudah pun dibuat supaya tidak ada langsung yang tertinggal dan juga kalau ada pertindihan supaya kepentingan pengguna itu betul-betul dapat diperlindungi dengan penambahan kepada akta ini.

Saya merasakan akta ini seperti yang telah digubal mempunyai dua kaedah. Pertamanya memberi satu ruang bagi pengguna untuk mendapat *compense* dan *recost* kepada tribunal bagi claim yang kecil terutama sekali melibatkan perkhidmatan dan barang-barang yang sudah tidak mengikut standard perdagangan yang adil. Jadi, dalam konteks ini, saya rasa ianya sudah dapat mengimbang semula kepentingan antara pengeluar dan pengedar dengan pihak pengguna sendiri dan ini satu isu yang mungkin dapat diperdebatkan tetapi saya rasa sendiri ini adalah satu yang memang pihak-pihak persatuan pengguna pun merasa sangat perlu diketengahkan dan diluluskan melalui Dewan ini.

Keduanya, saya merasakan bahawa dengan wujudnya akta ini, ianya akan memberi satu instrument ataupun kuasa sedikit kepada pengguna menjadikannya sebagai *deterrent* dan pencegah kepada pihak pengeluar dan pengedar dan lain-lain merchandises supaya tidak sewenang-wenangnya mengeluarkan bahan-bahan mengambil kesempatan keperluan hak pengguna, mengambil kesempatan bahawa kita dalam pemulihan ekonomi ini meggalakkan kepenggunaan yang meningkat supaya menjanakan pemulihan ekonomi melalui perbelanjaan. Keduanya,

mengambil kesempatan kempen membeli barang buatan Malaysia dan dengan itu standard dan lain-lainnya tidak dipedulikan oleh pengeluar-pengeluar.

Saya rasa kedua-dua faedah ini iaitu satu, sebagai recost, dengan izin, oleh pengguna dan keduanya sebagai pencegah ataupun preventive dan deterrent, dengan izin, kepada mereka yang menyeleweng dalam soal kewangan dan perkhidmatan.

Saya hendak bangkitkan empat isu. Pertamanya ialah dengan adanya akta ini memberikan pula satu peluang bagi persatuan-persatuan pengguna untuk menjadi advocate pengguna ataupun consumer advocacy. ..Dengan itu meningkatkan peranan pengguna untuk mengambil kepentingan pengguna ke satu tahap lagi dalam konteks peranan persatuan-persatuan ini. Yang perlunya ialah persatuan pengguna itu pula dalam memainkan peranan yang saya kira positif dalam konteks kepenggunaan negara ini tidak bersikap tidak bertanggungjawab dalam soal menentengahkan isu-isu untuk penggunaan dan pengguna, hak-hak pengguna. Sama juga kita tidak mahu pengeluar dan pengedar dan lain-lain peniaga menyalahgunakan kesempatan dan ruang yang diberikan oleh kerajaan untuk mereka mengembangkan perniagaan dan pembuatan dalam negeri dan juga untuk diimport. Jadi, ini memerlukan satu tanggungjawab dua hala dan saya rasa akta ini memberi ruang bagi kedua-dua pihak memainkan peranan yang bertanggungjawab demi kepentingan pengguna dan kepentingan negara.

Yang keduanya, saya ingin membangkitkan, saya minta maaf kepada saudara rakan-rakan yang selalunya mungkin mahu membangkitkan soal standard of product. Saya bersetuju sangat dengan cadangan Yang Berhormat bagi Pokok Sena yang mengatakan perlu adanya satu badan untuk mengkaji kedudukan standard of product and services ini memangnya begitu luas sama ada ada keupayaan di peringkat kementerian dalam konteks ini. Kalau tidak pun, dalam akta ini ada diberikan peruntukan untuk merujuk kepada badan-badan lain yang mempunyai kepakaran. Jadi, saya ingat perkara ini perlu juga dikaji dengan lebih

mendalam termasuk SIRIM dan lain-lain badan yang berkaitan dengan agro-product, MARDI dan sebagainya.

Yang ketiganya, isu yang saya rasa harus diambil perhatian oleh kementerian ialah tribunal ini mempunyai keupayaan untuk menangani claim yang di bawah RM10 ribu. Tentu sekali ramai pengguna yang akan melalui proses ini, kemungkinan perlu ada satu, mungkin saya salah baca, proses vetting sebelum ia dihadapkan ke tribunal ataupun untuk tujuan melaksanakan tribunal proses bahawa apa yang dilakukan itu janganlah terlalu birokratik sehinggakan dia melambat-lambatkan kes yang sebenarnya kecil tetapi oleh kerana banyak claimant maka ini menjadi isu.

Itu sebabnya saya sedikit sebanyak bersetuju dengan pihak Teluk Intan tadi mengatakan tentang class action bahawa dalam akta ini harus diberi ruang untuk class action. Mungkin dibawa oleh persatuan pengguna sebagai mewakili keseluruhan pengguna atau salah satu kes yang mungkin telah diberi keputusan oleh tribunal bagi pihak pengguna. Maka ini akan melibatkan lain-lain pengguna yang mempunyai kes yang sama ataupun hampir-hampir sama maka ini perlu dikaji, kalau tidak kes yang sama itu berulang dan ini akan tie-up tribunal sehingga melewatkan semua kes yang pending.

Jadi itulah tiga perkara, yang empat itu saya tinggalkan kerana kesuntukan masa. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Bukit Bendera

**12.50 tgh.**

**Tuan Chia Kwang Chye [Bukit Bendera]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya memang tidak faham tentang sikap atau pendirian ahli DAP semasa

kita membahaskan rang undang-undang, jadi, apakah pendirian dan nampaknya cogan kata sekarang ialah semua adalah PR exercise kerajaan sebab semasa membahaskan Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak-hak Asasi Manusia pun cakap begitu. Nampaknya cuma membangkitkan perkara yang sia-sia. . Yang selalu berbangkit adalah nombor sahaja, macam hendak main nombor ekor.

Dulu nombor 20 hendak ditukar ke nombor 12. Sekarang nombor 10 hendak di tukar ke nombor 25. Saya pun tidak faham tentang ini. Tetapi yang mustahak sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak menegaskan bahawa ahli-ahli tribunal termasuk pegawai-pegawai penguatkuasa perlu diberi latihan yang sempurna dalam semua bidang yang mereka perlu, dalam usaha melindungi pengguna-pengguna kerana dalam produk-produk sekarang, khasnya produk-produk yang berteknologi tinggi memang selalu berubah. Jadi, jika pengalaman atau pengetahuan tentang produk-produk tidak mencukupi, saya khuatir bahawa keputusan yang dibuat itu mungkin tidak dapat satu keputusan yang baik.

Ini akan membawa kita ke satu ruang siber atau internet kerana dalam dunia digital dan elektronik, banyak perdagangan elektronik atau e-commerce boleh dijalankan dan ini bertambah mustahak. Dan semua orang pun tahu, kita boleh membeli barang melalui internet dan menggunakan nombor-nombor kredit. Ada orang yang dicaj oleh bank-bank atas pembelian melalui internet walaupun orang itu tidak mempunyai akaun internet atau tidak pernah menggunakan internet. Jadi, apakah perlindungan ke atas kes seperti ini? Jadi, saya berharap agar kita dapat mengkaji semula tentang bidang ini.

Mengenai cara membuat aduan, selain daripada mempermudah borang-borang atau mengedarkan borang-borang di tempat orang ramai seperti di pejabat pos dan pasar raya, saya hendak mencadangkan kepada kerajaan supaya membenarkan atau menggalakkan pengguna-pengguna membuat aduan melalui internet atau e-mail kerana ini bukan sahaja boleh mempertingkatkan penggunaan teknologi tetapi juga dapat melicinkan urusan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Perlindungan Pengguna adalah undang-undang yang sangat dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia yang juga merupakan pengguna dalam negeri. Dalam negara kita berlumba-lumba mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Aspirasi rakyat atau pengguna dalam negeri semakin meningkat dan semakin kompleks. Pengguna alaf baru mahu barang dan perkhidmatan yang bermutu, menepati standard dan mempunyai nilai sewajar dengan harga. Maka, saya percaya rang undang-undang ini akan membawa pengguna ke arah yang lebih menepati satu masyarakat consumer yang peka dalam teknologi maklumat.

Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna pada hemat saya adalah baik kerana dapat memperluaskan perlindungan kepada pengguna-pengguna dalam negeri. Barangan dan perkhidmatan yang dahulunya tidak dikawal oleh mana-mana undang-undang seperti permainan kanak-kanak, kain, pakaian, pengangkutan awam, utiliti, kenderaan bermotor, barangan rumah seperti perkakas dapur, perkhidmatan pelancongan, perkhidmatan hotel, bahan-bahan yang boleh mencederakan seperti glue, cat, varnis pun boleh dikawal di bawah akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga memberi kuasa kepada Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk melarang sebarang barangan atau perkhidmatan yang dianggap tidak selamat dan mungkin menyebabkan kecederaan kepada pengguna. Selain daripada itu, rang undang-undang ini juga mempunyai peruntukan untuk mewujudkan piawai atau standard keselamatan bagi barang-barang seperti mana yang telah dirumus oleh menteri bahawa rang undang-undang ini nampaknya memberi satu jaminan atau dengan izin, implied guarantee, bahawa pengeluar atau pembekal barang atau perkhidmatan akan menjamin barang keluaran mereka adalah mempunyai kualiti yang boleh diterima dari segi keselamatan, ketahanan dan rupa bentuk adalah bebas daripada kecacatan.

Saya berpendapat bahawa Rang Undang-undang Akta Perlindungan Pengguna adalah satu rang undang-undang yang harus dilulus dan dikuatkuasakan

dengan secepat mungkin. Namun demikian, ada beberapa perkara yang saya harap agar pihak kementerian dapat meneliti supaya objektif undang-undang ini dapat disempurnakan.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu rang undang-undang tidak membenarkan mana-mana pihak diwakili oleh peguam di Jemaah Aduan Pengguna tetapi membenarkan syarikat pengeluar atau pengedar atau pembekal, diwakili oleh kakitangan yang bergaji termasuk mereka yang berkelayakan peguam. Oleh itu, nampaknya syarikat pengeluar atau pembekal mungkin mempunyai satu advantage, maka, dalam keadaan seperti ini saya cadangkan supaya pengguna diberi peluang untuk diwakili oleh badan bukan kerajaan (NGO) atau mana-mana wakil yang boleh menjaga kepentingan mereka.

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang keperluan bagi pengedar dan pengeluar khususnya pengeluar untuk mengemukakan maklumat terkini dalam placard atau label mengenai produknya iaitu nama pengeluar atau pengedar, isi kandungan, bahan-bahan yang digunakan, apa jua amaran tentang kesan penggunaannya sama ada barang itu pernah dilarang di negara lain seperti di Amerika Syarikat dan sebagainya.

Maklumat ini adalah seharusnya dicetak dan dikemukakan, bukan sahaja sebelum barang diimport malah pengeluar atau pengedar mestilah memaklumkan maklumat terkini mengenai barang-barang. Kita perlu mengkaji semula sama ada wajar dijadikan satu kesalahan jika pengeluar atau pengedar gagal mengemukakan maklumat ini. Dengan adanya satu maklumat terperinci, maka pengguna akan dapat membuat perbandingan yang berasas di antara produk supaya boleh membuat pilihan yang baik tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang memaksa pengeluar mencetak harga cadangan jualan atau recommended retail price di kotak atau pada barangannya.

Ini kerana pasaran amat dinamik dan harga boleh naik atau turun. Dalam keadaan ini, jika kita memaksa supaya harga ini dicetak mungkin akan menimbulkan banyak masalah. Jadi, satu cara yang lebih baik ialah jika harga ini

dapat diwartakan atau dalam keadaan persaingan ini dapat diiklankan dalam surat khabar atau dipamerkan di kedai-kedai.

Jadi, dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Balik Pulau.

**12.58 tgh.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi saya peluang dan saya juga turut seperti kawan-kawan saya yang lain mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kepada kementerian khususnya kepada menteri kerana dapat mengemukakan rang undang-undang yang pada saya adalah satu rang undang-undang yang sangat bererti kepada pengguna dalam negara ini dan memang sepatutnya rang undang-undang seperti ini diperkenalkan untuk complement berbagai-bagai lagi, saya kira ada sepuluh lagi rang undang-undang yang khususnya di bawah bidang kuasa kementerian ini yang menjaga kepentingan pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita hendak melakukan penipuan ini, dia kena ada dua pihak, satu pihak hendak menipu dan satu pihak lagi boleh ditipu atau terkena tipu. Kedua-dua pihak ini duduk dalam suasana yang membenarkan pihak yang hendak menipu itu menipu dan pihak yang hendak kena tipu itu tertipu. Jadi, rang undang-undang ini agak comprehensive kerana ia mengkhusus kepada dua pihak ini dan juga persekitaran kerana dalam sebahagian daripada rang undang-undang ini mengecilkan ruang untuk orang yang hendak menipu untuk menipu dan lagi satu bahagian daripada rang undang-undang ini khususnya dalam penubuhan tribunal, mengkhusus kepada kalau orang itu sudah kena tipu, dia hendak pergi ke mana dan kita ada tribunal untuk membekalkan orang yang kena tipu itu satu avenue atau satu jalan untuk dia dapat recost.

Satu lagi yang ditubuhkan oleh rang undang-undang ini ialah majlis penasihat dan kita harapkan dengan adanya Majlis Penasihat Pengguna ini, ia

mewarnai persekitaran yang mengecilkan ruang-ruang untuk menipu dan ruang-ruang untuk kena tipu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam cerita tipu dalam penggunaan ini, kadang-kadang dia tipu harga, kadang-kadang dia tipu dari segi pemalsuan, deception dan sebagainya dan kadang-kadang dia tipu dari segi standard dan kadang-kadang dia tipu dari segi jaminan ataupun guarantee pos selepas jualan dan berbagai-bagai.

Saya hanya hendak fokus, oleh sebab masa tidak mengizinkan kepada penipuan ataupun kepada konsep harga itu sendiri. Tuan Yang di-Pertua, semasa saya belajar pasal harga ini, ia bukanlah sesuatu yang mudah hendak kita takrif tetapi dalam rang undang-undang ini telah ada tiga takrifan harga yang digunakan. Satu di bawah tafsiran Seksyen 3, digunakan ada harga, termasuklah balasan dalam apa bentuk termasuk secara langsung atau tidak langsung dan termasuklah apa-apa balasan yang pada hakikatnya berhubungan dengan perolehan ataupun pembekalan barang atau perkhidmatan, walau kononnya berhubung dengan apa-apa perkara atau benda yang lain.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Dan kemudiannya, ada pula.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Yang Berhormat, boleh sambung sebelah petang.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

*Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.*

*Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.*

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Balik Pulau sila sambung.

**2.30 ptg.**

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya sambung. Dalam seksyen 8 Bahagian II tentang representasi palsu ini. Takrif “harga” yang digunakan adalah dalam 8(b) iaitu (i) “agregat jumlah wang yang dikehendaki supaya dibayar oleh pengguna bagi atau selainnya berkenaan dengan pembekalan barang atau perkhidmatan itu”, dan juga ada roman (ii). Dan berikutnya perkataan istilah “harga” ini juga digunakan dalam seksyen 14(5) iaitu “harga biasa” ertinya harga yang padanya barang atau perkhidmatan yang seumpamanya biasanya dijual di pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek penipuan harga ini adalah suatu yang penting dan sebenarnya rang undang-undang di bawah kawalan kementerian ini banyak bersangkutan dengan kawalan harga ini. Jadi harga ini, sebab saya baca ketiga-tiga tafsiran harga ini dia tidak berapa jelas pada saya, oleh itu saya minta supaya ada penjelasan yang lebih terang kepada saya, mungkin saya kurang memahami perkara ini. Harga ini bukanlah sesuatu yang ada kriteria, ukuran yang subjektif. Ianya agak begitu objektif kerana kadang-kadang kalau kita kata harga itu bergantung kepada kos dan juga kita campur premium sedikit sebagai untung. Itu pun tidak tepat, kerana kadang-kadang harga itu adalah di bawah daripada kos. Itu sudah menjadi satu lambakan pula.

Jadi, harga ini pada umumnya ialah kos campur dengan premium. Premium ataupun keuntungan dan boleh campur lagi sedikit kos campur keuntungan dan campur premium lagi iaitu premium dalam bentuk sewaan ekonomi yang mampu dicaj oleh penjual itu kerana penjual itu dibekalkan dengan kuasa-kuasa pasaran yang memungkinkan dia melakukan demikian.

Oleh sebab masa tidak cukup, saya bercakap fasal harga ini. Jadi satu daripada pengawalan sudut yang mula tadi yang saya cakap dari segi kemampuan untuk menipu ialah kita hendaklah mengurangkan premium ataupun kemampuan ruang yang mana orang yang hendak tipu dari segi harga itu boleh tipu. Bawah

daripada kos susah dia hendak tipu. Kos campur untung, okey setakat itu orang kata fair price. Tetapi premium yang diperolehi melebihi daripada kos campur untung adalah yang kita hendak kurangkan. Kalau kita hendak kurangkan yang itu maka apa yang perlu dibuat ialah kita membekalkan maklumat yang lebih kepada pengguna dari segi pendidikan kepenggunaan dan sebagainya.

Yang keduanya ialah kita mengurangkan kemampuan penjual itu untuk mengenakan premium yang tersebut dengan mengurangkan kuasa pasarnya. Jadi apa yang telah lengkap dengan rang undang-undang ini dan dicomplementkan dengan rang undang-undang yang lagi sepuluh yang ada dalam bidang kuasa kementerian ini. Saya cadangkan supaya selepas ini kerajaan melihat kepada anti-competition ataupun fair competition act yang mana kalau ada rang undang-undang ini maka dia mengambil ruang atau menutup ruang untuk penjual-penjual mengenakan harga yang campur premium yang mampu dibuat olehnya kerana dia ada kuasa pasaran.

Kalau kita adakan rang undang-undang yang meliputi fair competition ataupun anti-monopolise act ini maka sekali gus kuasa pasaran itu sendiri akan mengawasi pasaran itu sendiri. Maknanya kalau sudah cukup competition yang banyak dalam industri-industri tertentu, barangan pengguna dan sebagainya maka kemampuan penjual untuk kenakan harga itu telah ditutup oleh sebab adanya competition. Oleh sebab itulah maka kalau kita ada anti-monopolise atau fair competition act ini maka kita tidak perlu sangat bergantung kepada penguatkuasaan oleh pegawai-pegawai daripada kementerian untuk pergi check satu-satu kerana bagaimana kita buat pun, berapa ramai yang kita pakai pun tidak akan sempat kita hendak pergi check semuanya.

Jadi kita kena tengok balik apakah industri-industri yang mana ruang unfair competition ini wujud. Sama ada industri itu over regulation dari segi licensing dan sebagainya, ada perlesenan, ada halangan untuk orang hendak masuk dalam industri itu dan sebagainya yang membekalkan orang yang sedia ada dalam industri itu kuasa-kuasa pasaran yang membolehkan dia caj harga yang tinggi. Ini

untuk compliment usaha perlindungan pengguna. Selain daripada rang undang-undang ini saya harap selepas ini kita tambah rang undang-undang yang memantau tentang fair competition ini. Kalau ada yang itu dan ada yang ini, ada akta kawalan bekalan, akta perihal dagangan dan sebagainya maka sebagai satu kelompok kesemua rang undang-undang ini akan menjamin bahawa pengguna akan dilindungi oleh praktis-praktis yang tidak adil ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut dan mungkin yang kedua sahaja saya boleh pergi ialah dalam Bahagian III mengenai Keselamatan Barang dan Perkhidmatan. Perkara yang saya ingin timbulkan di sini ialah berkenaan dengan standard tadi. Saya sekali lagi ingin mengulangi apa yang telah dikatakan oleh rakan saya bagi Wangsa Maju. Standard ini merupakan satu benda yang bermasalah sikit kerana dalam perdagangan antarabangsa pun dalam pada kita hendak melaksanakan akta misalnya ataupun dalam pengalaman kesatuan Eropah untuk mengadakan custom union yang menjadi masalah ialah untuk menentukan standard. Kita terima dalam kod itu ini kerusi, ini meja. Apa dia? Tapi standard apa kerusi, apa meja itu berlain-lain.

Jadi dalam bahagian ini dia guna takrif standard ini dan dalam bahagian ini tidak diperjelaskan tetapi diberikan kuasa misalnya dalam 19(5) itu dikatakan “agensi berwibawa” mana-mana boleh dilantik oleh Menteri untuk menentukan standard sesuatu perkhidmatan atau barangan yang hendak dijual. Tetapi tidak ditubuhkan satu institut atau satu badan yang secara khusus menetapkan piawaian kepada mana-mana produk.

Mungkin dalam perkhidmatan tetapi perkhidmatan itu tidak masuk dalam professional services, accounting, architect, pengamal perubatan dan sebagainya, dia ada rang undang-undangnya sendiri tetapi dalam barang pengguna (consumer goods) yang biasa ini kita ada SIRIM yang merupakan satu agensi piawaian dalam industri, tetapi untuk pengguna ini misalnya toys, barang-barang permainan dan

pelbagai barang pengguna yang lain kalau boleh dibentuk satu badan, satu entiti yang khusus yang melakukan pengesahan piawaian untuk barang ini. Maksudnya semua barang yang ada dijual itu adalah memenuhi piawaian itu. Maksudnya kalau ada ditawarkan memang consumer semua yakin bahawa barang itu memenuhi piawaian ataupun standard yang minimum.

Jadi untuk menjamin benda itu terjadi kita kena fikir bagaimana hendak membentuk satu identiti khusus yang melihat kepada perkara ini sahaja. Sekaligus kalau ada yang ini sebab negara kita banyak berdagang barang pengguna yang masuk dalam pasaran negeri kita yang dibeli oleh pengguna adalah barang-barang yang diimport dari luar negara. Banyak barang yang diimport dari luar negara. Dan nanti kalau adanya AFTA, WTO, GATTs, semua berjalan, banyak barang pengguna ini dari luar negara. Dan kita ada Akta Anti Lambakan dan counter veiling duties oleh MITI untuk melindungi industri tempatan daripada terjejas oleh sebab pengeksport melambakkan, maksudnya dia jual dalam negara kita pada harga kos yang lebih rendah daripada negara dia. Jadi dia lambak, dia boleh bunuh pengeluar-pengeluar tempatan kita.

Dalam konteks ini juga kalau ada satu set standard untuk pengguna maka tidak akan terjadi dumping yang satu lagi iaitu dumping dari segi pengeluar-pengeluar luar negeri ini men'dump' bukan dalam konteks international trade tetapi dalam konteks kepenggunaan ini dia meletakkan barang-barang yang inferior ke dalam negara kita yang tidak laku. Katakan di negara-negara yang lebih maju dia ada standard, produk standard yang tinggi, yang mana tidak laku dia bawa longgok dekat kita pada harga murah.

Itu sebab dia berkait, kadang-kadang lebih baik dia jual kurang daripada kos tetapi mutu yang inferior, lepas itu digunakan sebagai barangan cheap sale untuk pengguna kita. Jadi takrif harga dengan takrif standard tadi perlu diberi perhatian yang khusus kerana dia saling berkait. Standard dengan harga, harga tidak semestinya seperti yang digunakan oleh harga biasa itu. Harga biasa macam ini dia kata yang seumpamanya yang biasa dijual di pasaran. Dia kena kemas

sedikit daripada itu sebab harga biasa itu mungkin sudah pada satu tahap yang rendah daripada kos. Jadi dia dumping daripada international market ke dalam negara kita untuk dia dump.

Takrif 'dump', dump itu pada harga kurang daripada kos dan kalau hendak guna takrif harga biasa untuk menjadi threshold ataupun orang kata base line pricing untuk menentukan sama ada jadi cheap sale ataupun jadi jualan ataupun tidak, yang itu tidak apa. Maksudnya harga jualan murah mestilah rendah daripada harga jualan biasa. Tetapi harga jualan biasa itu masih lagi mempunyai unsur-unsur yang mungkin tidak fair, tidak adil dari segi nilainya. Jadi, perkara-perkara macam ini perlulah kita beri perhatian.

Di dalam konteks ini juga dalam para 4 ini ada saya minta penjelasan tentang dia kata guna satu ungkapan di sini, saya petik "mematuhi standard keselamatan yang munasabah yang dijangkakan oleh pengguna yang munasabah". Jadi yang ini pun, Tuan Yang di-Pertua, boleh jadi kacau juga.

"Standard keselamatan yang munasabah yang dijangkakan oleh pengguna yang munasabah". Jadi standard keselamatan yang munasabah itu jadi satu ungkapan yang subjektif dan pengguna yang munasabah itu pula menjadi satu ungkapan yang subjektif. Nanti takut bila pergi ke tribunal itu kalau hendak jadi argument tentang 'you bukan consumer yang munasabah, you punya jangkaan terlalu tinggi dan sebagainya'. Jadi dalam hal-hal ini kalau kita boleh mengoperasikan istilah itu dalam bentuk-bentuk dan kriteria yang lebih objektif maka mungkin kita akan lebih address masalah ini.

Dan akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta hanya 2 minit sahaja iaitu tentang Seksyen 17, kontrak perkhidmatan hadapan. Kontrak perkhidmatan hadapan dalam Seksyen 17 ini dia mengenakan bahawa kita bayar dulu, lepas itu kita hendak dapat perkhidmatan masa-masa hadapan. Dalam seksyen ini di bahagian (2) dikatakan kalau pengguna itu membatalkan kontrak dia kena 5% amaun bayar balik ataupun dia kena kos kalau dia batal, itu fair sebab komitmen

yang ditunjukkan itu menyebabkan pembekal itu kena sedia inventori untuk tujuan itu, kalau dia batal dia kena bayar sedikit Compensation.

Tetapi dalam hal ini saya juga hendak bercakap ada banyak perkhidmatan sekarang ini di mana pengguna bayar dahulu tetapi tidak ada pembatalan tetapi penggunaan perkhidmatan ataupun barangan yang diguna itu adalah pada masa depan. Misalnya, contoh yang pernah saya bawa dalam Dewan ini, macam PLUS punya Touch 'n Go. PLUS punya Touch 'n Go ini kita bayar dahulu, kita sebenarnya authorise syarikat kad kredit kita untuk kita charge kepada kad kredit kita RM200. RM200 kita tidak pakai lagi tetapi bila kita lalu dekat tol baru kita calit sekali baru dia potong, calit sekali baru dia potong, mungkin dua minggu, sebulan baru hendak habis.

Jadi sebagai pengguna kita sudah bayar tetapi perkhidmatan itu dibekalkan kepada kita berperingkat-peringkat pada masa depan. Dalam kes macam ini sepatutnya adalah sedikit perlindungan kepada pengguna. Dia ada discounted sedikit, kalau kita advance cash payment, maka transaction itu berlaku. Kalau pertukaran akad itu berlaku, saya bayar dan ambil barang, okeylah harga tentu tetapi kalau bayar dulu, saya janji hendak ambil barang minggu depan ataupun bulan depan, harganya kena lain. Kalau saya ambil dulu, saya janji hendak bayar minggu depan, harganya pun kena lain. Tiga jenis transaction yang berlainan. Jadi kes-kes macam ini hendak di 'cover' dekat mana?

Macam saya pun, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya bayar dahulu saya guna Touch 'n Go ini dia kenalah bagi discount sedikit kepada saya, kalau tidak, saya sudah bayar dahulu, dia sudah ambil duit dulu. Lepas itu sebulan atau dua minggu selepas itu baru dia hendak bekalkan kepada saya perkhidmatan yang saya bayar itu.

Perkara yang berikutnya seperti kalau kita pergi minta detail billing penggunaan kita kepada dia. Dia kata boleh bagi billing itu tetapi kita kena bayar billing fees pula. Jadi macam telefon mobile, Tuan Yang di-Pertua, kita sudah

bayar servis itu RM60.00 sebulan, lepas itu kalau kita hendak detail billing kita kena bayar pula RM3.00 atau RM5.00 sebulan.

Jadi, macam orang jual rumah, kita setuju beli rumah, jadi takrif rumah itu kena jelaslah. Nanti kalau saya sudah bayar duit rumah, saya ambil rumah dan diberi rumah, lepas itu saya tengok-tengok tidak ada tingkap. Jadi saya pergi pula kepada orang yang jual rumah itu, jadi saya kata rumah ini tidak ada tingkap, jadi dia kata kalau hendak tingkap pun boleh tetapi kena bayar lebihlah sedikit baru ada tingkap. Jadi benda-benda macam itu kita kena elakkan, maknanya kita memperjelaskan takrif rumah. Kalau rumah maknanya rumah ada pintu, ada tingkap, ada semuanya.

Jadi bila exchange itu berlaku maka kedua-dua pihak tahu apa yang terpaksa dia bekalkan dan apa yang patut dia terima. Kalau dia hendak minta accessories untuk letak air-cond, itu cerita lainlah. Tetapi kalau pintu atau tingkap memang kena ada. Jadi kalau ada services macam ini, itemise billing sepatutnya menjadi sebahagian daripada kos transaksi yang asal dan bukannya kos lebihan untuk kita dapat kemudahan itu. Jadi perkara macam ini yang secara tidak disedari macam kita sebagai pengguna kita menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan seperti ini maka kadang-kadang kita bayar sahajalah. Tetapi kalau kita fikir balik ini lagi banyak kes, maknanya secara mandatori. Kalau orang hendak itemise billing semua kena bayar, extra RM3.00. Kalau ada 100,000 pengguna Plus Tag, Touch 'n Go kad, kalau dia sudah bayar RM100 maknanya cash advance itu sudah berapa ringgit yang dia dapat dulu dan kalau kita campur pula dengan interest value yang dia boleh dapat dengan dia memegang duit kita dulu sebelum dia membekalkan perkhidmatan itu maka cukup banyak.

Ini adalah aspek-aspek dari segi perlindungan kepada pengguna yang mungkin sebab rang undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, dia tebal sedikit, saya tidak sempat untuk 'go through' secara terperinci yang saya bimbang yang mungkin tidak ada tetapi mungkin ada sebab saya tidak baca dengan secara detail.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi:** Oleh sebab masa tidak ada, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan saya sangat-sangat menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**2.50 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, dalam 10 minit susahlah hendak kita bincangkan rang undang-undang ini yang begitu tebal 150 perkara.

**Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** Buang masa, bolehlah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, itu Cenderoh, main-main aje.

Yang pertamanya, saya nampak ada usaha oleh Yang Berhormat Menteri untuk mengadakan satu cara memelihara pengguna dan memang pada prinsipnya kita setuju kalau nak memelihara pengguna tapi Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999 ini, kalau kita lihat dengan teliti boleh disifatkan sebagai Rang Undang-undang Perlindungan Pengilang 1999. Sebab ada beberapa perkara di dalam itu hendak memelihara dan memperlindung pengilang atau pembekal. Ini memang satu masalah berpunca daripada 6, 7 tahun yang lepas bila pihak kementerian sudah menggubal satu rang undang-undang perlindungan pengguna. Tapi nampaknya bantahan daripada kementerian-kementerian termasuk Kementerian Kesihatan, Kementerian Pertanian, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan itulah masalah sekarang kerana pendapat daripada kementerian masing-masing tidak serupa. Ada yang hendak memelihara pengilang dan pembekal, ada yang hendak menjaga bidang kuasa dan kawasan sendiri termasuk kesihatan.

Dan bila Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendak membuat sesuatu perlindungan memang pihak Kementerian Kesihatan tidak setuju kerana dia tidak nampak mengapa Yang

Berhormat Menteri mesti mengambil alih bidang tugasnya. Walau bagaimanapun, ini bermakna rang undang-undang ini adalah kurang teratur. Pada sebahagiannya memang melindungi para pengguna tapi sebahagian yang lain memperlindungi pihak pengilang.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai tribunal. Kalau ia boleh berfungsi, boleh dikuatkuasa dengan baik, benar-benar memperlindungi para pengguna memang kita tak bantah. Cuma ada beberapa perkara termasuk saya nampak majlis misalnya. Majlis ini tak nampak ada wakil wanita. Sebab apa kita mesti ada wakil wanita, kita lihat kalau kita pergi ke pasar, kita pergi ke pasar raya dan kedai-kedai kita nampak bilangan terbesar adalah wanita, merekalah yang membeli itu - yang terbesar. Sebab itulah saya mencadangkan supaya satu kaedah diadakan mungkin kita memasukkan daripada 30% hingga 50% wanita didalam majlis. Ha, ini benar-benar memperlindungi kaum yang ada kena-mengena dengan para pengguna. Sebab saya percaya kalau di Malaysia majoriti pengguna itu yang terlibat dengan akta ini ialah wanita. Sebab itu sebelah situ tak begitu berminat dengan hal ehwal wanita. Ha, tak ada masa. Ada nak bela wanita?

**Tuan Yang diPertua:** Ya, ya.

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman:** Terima kasih, Tuan Yang diPertua, saya dengar ucapan Yang Berhormat tadi, Yang terhormat sebut akta ini bukan akta pelindung pengguna, tetapi pelindung pengilang dan Yang terhormat sebut tentang bantahan beberapa kementerian seolah-olah Yang Berhormat di dalam kerajaan. Saya nak tanya apakah tujuan Yang Berhormat menimbulkan perkara ini? Apakah Yang Berhormat bertujuan untuk melaga-lagakan kementerian dalam negara, sama juga yang parti Yang Berhormat buat di luar Dewan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, ini kita membincangkan hal pengguna, para pengguna. Kalau itulah kementerian Yang Berhormat Menteri untuk mewakili para pengguna, itulah hak para pengguna. Apa pasal kita mesti kira orang yang lain? Kalau pihak pengilang hendak adakan akta, itu mereka

boleh berusaha melalui MITI. Ini kementerian yang menjaga para pengguna. Jangan kita tak nampak sangat. Kalau ikut Yang Berhormat sampai bila pun tak boleh diluluskan satu undang-undang yang lebih bermakna untuk para pengguna. Dan banyak masalah, termasuk inilah walaupun pada mulanya lagi akta ini tidak terpakai untuk perkhidmatan jagaan kesihatan yang diadakan atau yang akan diadakan oleh profesional, apa-apa urusan perdagangan yang dilaksanakan dengan cara elektronik dan sebagainya tak termasuk dan bahan-bahan pertanian pun tidak termasuk. Begitu juga walaupun lebih banyak untuk perumahan, tapi tak cukup lagi. Tak cukup lagi. Ya, kerana perumahan ini memang menimbulkan pelbagai kemusykilan dan masalah. Memang itu ada lebih sikit untuk perumahan tapi yang lain tidak ada.

Ini bermakna kita mesti adakan lebih koordinasi dengan kementerian berkenaan, misalnya mengenai ubat-ubat palsu, sama ada panadol ataupun dolpana dan sebagainya. Memang ujud ubat palsu. Dan undang-undang yang ada sekarang tidak cukup, tidak berkesan untuk mencegah - tidak berkesan. Dan kalau pihak Kementerian Kesihatan tidak mampu untuk mencegah ubat-ubat palsu, maka kita serah kepada kementerian yang berupaya, bermampu, mungkin kemampuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk mencegah ubat-ubat palsu. Itu satu misalan sajalah. Dan banyak lagilah masalah, kerana kita tak ada masa, sekurang-kurangnya satu setengah jam untuk membincang. Itu 150 perkara, bukan main-main. Ha, bukan main-main.

Misalnya saya sendiri ada masalah bukan sahaja yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri mengenai Mercedes. Bila beli Mercedes, deposit RM10,000 tak dapat diambil balik kalau ada sesuatu yang berlaku. Begitu juga dengan Proton Saga kita. Proton Saga kita, kalau kita nak beli..ehh..bukan sahaja beli kereta itu tetapi aksesori di dalam, pelbagai aksesori dipaksa terutamanya orang-orang kampung, mereka tak tau, Balik Pulau tengok uuu...mereka tak tau di dalam tu emm...termasuk radio pun ada, apa saja tak ada di dalam yang dipaksalah, secara paksa oleh pihak Proton Saga. Ha, itu saya nampak Yang

Berhormat Menteri pun tak masuk Proton Saga kerana Jepun takut orang di dalam Proton Saga akan menekan dialah. Mungkin, mungkin, itu masalah, itu dengan Proton Saga. Ada banyak perkara lagi.

Bila kita beli TV, misal Sony, dia pengaruh dan mungkin dia boleh pelawa Yang Berhormat Menteri untuk majlis makan malam dan sebagainya. Dia banyak wang, banyak wang. Saya sendiri ada beli satu TV, set TV you know, Sony. Yang lama sudah rosak, beli TV baru. Kemudian letak situ tak boleh pakai, tak boleh pakai, bila kita panggil itu syarikat, dia pun hantar orang dan dia tengok, tak boleh pakai, tak bolehkah saya tunggu? 2, 3 bulan, selepas desakan demi desakan sampai saya hantar satu surat kepada Jabatan Hal Ehwal Pengguna di Shah Alam, baru dia datang untuk memperbaiki, 2, 3 bulan. Itu TV baru. Tak kira yang lama, yang lama tak payahlah dia nak selenggara, susah, kerana sekarang susah. Itu perkhidmatan setelah jualan itu sangat kurang sama sekali. Ha, sebab dalam itu ada beberapa perkara yang sentuh mengenai perkhidmatan jualan, tapi tak cukup kerana kita boleh nampak di dalam jawatankuasa mungkin kita boleh bincang dalam satu dua perkara lagi. Biasanya di dalam kita nampak, walaupun pihak kementerian hendak memelihara para pengguna dari segi perkhidmatan setelah jualan, tapi ada perkara-perkara yang hendak memelihara pihak pengilang pulak. Ha, inilah masalah, masalah. Macam mana kita boleh bermain dwifungsi ini - susah. Biarkan pengilang sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Minta gulung, Yang Berhormat.

2002-03-11

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hendak gulung, tetapi banyak lagi, 150 perkara. Bukan sahaja dengan TV sahaja, komputer pun begitu, telefon bimbit pun begitu juga. Dua tahun yang lepas saya beli satu daripada Mutiara misalnya. Selepas itu

dia minta cepat untuk kita tandatangan surat perjanjian yang panjang itu dan kemudian saya dapati ini tidak begitu baik, beberapa kawasan tidak boleh terima dan saya tidak boleh gunakan, di dalam bilik saya pun tidak ada servis macam mana boleh pakai. Saya pun batalkanlah pembelian telefon itu. Bila kita batalkan deposit itu hilanglah. Itu pun susah hendak urus. Perkhidmatan setelah jualan untuk telefon bimbit mudah alih ini susah, Tuan Yang di-Pertua. Bukan main susah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, itu tak bersangkutan dengan undang-undang ini.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang sangkut, ini mengenai hak-hak para pengguna.

**Tuan Yang di-Pertua:** Benda itu berlaku yang lepas.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang lepas ke?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau sekiranya ada undang-undang ini di bawah guarantee.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Untuk akan datang?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, akan datang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi tidak ada di dalam untuk memelihara mengenai .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada, perkataan “guarantee” ada, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Guarantee tidak ada, elektronik tidak termasuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Elektronik tidak ada masuk di dalamnya pada mula-mula lagi. Apa-apa urusan perdagangan yang dilaksanakan dengan cara elektronik tidak termasuk.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan cara elektronik.....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan mengenai dengan elektronik, saya ingat ....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak termasuk elektronik, elektronik tidak termasuk di dalam, undang-undang lain. Yang Berhormat Tanjong Karang dia memang tahu dengan ikan sahaja. Kalau mengenai alat-alat elektronik saya ingat dia tidak faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak bagi jalan ke tidak? Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah habis.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak ada masa.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Bagi jalan ke ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia bagi jalan dah.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak faham. Dia cakap pasal kesihatan. Pasal kesihatan dia hendak marah pasal apa? Di bawah Kementerian Kesihatan sahaja saya ingat banyak undang-undang lain yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan di bawah Akta Pemakanan, Akta Keracunan. Jadi, kita akta lain, kita janganlah bincang dalam akta yang baru kita hendak buat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang tidak faham. Kalau begitu 103 orang mati kerana wabak, macam mana? Maknanya pihak Kementerian Kesihatan tidak begitu cekap dan berkesan, tidak boleh memainkan peranan yang lebih bermakna, sebab itulah ada 103 orang mati dengan begitu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Begitu juga dengan hal-hal .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sudah cukup. 9 minit sahaja, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah lebih, Yang Berhormat, 13 minit Yang Berhormat [*Ketawa*]

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Pilah.

**3.05 ptg.**

**Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang [Kuala Pilah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya pun mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk membahas serba sedikit berkenaan suatu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perlindungan pengguna menubuhkan Majlis Penasihat Pengguna Negara dan Tribunal Tuntutan Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini telah banyak menyuarakan pendapat dan saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan khususnya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia yang telah begitu comprehensive sejak lebih kurang 20 tahun akhirnya dapat membentangkan satu akta yang cukup besar maknanya kepada rakyat Malaysia yang akan memasuki alaf baru di tahun 2000 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, jelas sekali undang-undang ini ataupun akta ini merangkumi tiga aspek iaitu hak-hak pengguna yang boleh bawa ke pihak pengadilan dalam bentuk baru. Kalau dahulu tidak ada peruntukan undang-undang seperti ini untuk memberi peluang kepada rakyat untuk mengemukakan banyak masalah yang pelbagai macam sekarang ini yang menggugat keperluan kepada pengguna-pengguna. Ada 150 Fasal dalam 14 Bahagian. Di sini nampaknya dari segi usaha-usaha peruntukan bagi mewujudkan satu undang-undang yang baru membolehkan pihak-pihak tertentu mengambil tuntutan, kalau hendak bawa ke mahkamah ada undang-undang banyak sekarang ini. Ini tidak menjejaskan undang-undang yang sedia ada. Undang-undang ini diadakan semata-mata bertujuan saya rasa kepada pihak yang berkenaan untuk memberi peluang kepada rakyat membuat suatu tindakan secepat mungkin dan juga mengambil tindakan supaya masalah-masalah dapat didengar dan diberi pengadilan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, di sini kita perlulah bersikap proaktif kerana undang-undang ini satu perkara yang baru. Saya harap kementerian apabila

adanya undang-undang baru seperti ini yang merangkumi ramai, melibatkan sebilangan masyarakat sejagat di Malaysia ini yang kebanyakannya tidak begitu arif dalam penggunaan undang-undang maka wajarlah satu promosi atau pendedahan ataupun satu persiaran secara menyeluruh dibuat dan berbentuk begitu komprehensif dan mungkin juga kadangkala apabila undang-undang baru ditimbulkan, yang memberi ruang untuk rakyat menghargainya, dari segi praktikalitinya mungkin kementerian wajar mengadakan satu bentuk format yang lebih senang diketahui oleh pihak umum untuk menggunakan undang-undang ini untuk kepentingan mereka.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang dibangkitkan di sini, iaitu saya hendak sentuh berkenaan Fasal 32, iaitu memberi jaminan tersirat kepada pengguna untuk menerima bekalan barang-barang yang mempunyai kualiti yang boleh diterima sebagai acceptable quality, dengan izin. Apabila disebutkan acceptable quality ini, saya nampak rasanya bagaimana satu Fasal berikut turut menyatakan bahawa sesuatu barang itu disifatkan mempunyai kualiti yang boleh diterima sekiranya seorang pengguna yang munasabah, yang tahu sepenuhnya sifat dan keadaan barang itu termasuk apa-apa kecacatan tersembunyi akan menganggap barang itu sebagai dapat diterima.

Tuan Yang di-Pertua, soalnya siapakah yang dimaksudkan pengguna yang munasabah? Seterusnya apakah bentuk kayu pengukurnya digunakan? Adakah kita mahu menyamakan seorang pengguna desa terpencil dengan pengguna di bandar? Ini saya rasa perlu pihak-pihak bertanggungjawab ataupun dalam bentuk garis panduan kerana akta ini adalah satu undang-undang baru, satu bentuk precedent atau garis panduan perlu diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga memberi sedikit komen berkenaan tafsiran yang jelas perlu dibuat dengan memadamkan perkataan “munasabah” agar perlindungan yang mahu diberikan kepada para pengguna ini menjadi lebih berkesan.

Dari segi Fasal 36(2) dan 36(3) yang menafikan hak pengguna untuk menolak sesuatu barang sekiranya ditipu oleh peniaga yang mengenakan harga yang tinggi. Hak yang diberikan kepada pengguna dalam kes seperti ini ialah hanya untuk enggan membayar lebih daripada harga yang munasabah.

Di sini, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya pengguna yang berasa tertipu dengan harga itu diberi hak untuk terus menolak barangan tersebut dan mendapatkan semula wangnya kerana seperti yang diberi oleh undang-undang kontrak.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya contoh peruntukan mengenai kontrak perkhidmatan hadapan. Satu perkhidmatan yang berterusan untuk suatu jangka masa, perkhidmatan program menguruskan badan dan kelas komputer contohnya ataupun tuition adalah antara contoh-contoh kontrak perkhidmatan hadapan. Dalam konteks ini saya rasa juga bahawa setakat ini kita terima dahulu dan mungkin melalui apabila dari segi aplikasinya melalui badan penasihat pengguna Malaysia dan bidang kuasa menteri yang ada menjadikan satu input untuk merealisasikan, untuk merangkumi permasalahan yang saya bangkitkan sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa keanggotaan Majlis Penasihat Pengguna Negara, bahawa setakat ini nampaknya Ketua Setiausaha Kementerian akan menjadi ketua dan pihak menteri berkuasa melantik 16 orang anggota yang mempunyai keupayaan, kepakaran dan bidang kuasa bermacam-macam bentuk profesion untuk mengelakkan, apa salahnya dikhususkan mereka ini dalam bentuk, katalah dari bidang FOMCA contohnya seorang, ataupun semua ini adalah budi bicara pihak Yang Berhormat Menteri apabila digunakan sampai masanya dalam perlantikan tersebut.

Seterusnya, saya juga ingin menyokong pendapat sahabat saya dari Machang pagi tadi, bidang kuasa yang RM10,000 tuntutan, di sini saya rasa buat permulaan ini kita terimalah tetapi apabila sampai masanya nanti, kalau nampaknya menampakkan tidak begitu berkesan mungkin agaknya Yang

Berhormat Menteri, yang saya percaya begitu sensitif dan mengikuti keadaan mungkin kita perlu mengubahsuaikan keadaan ini di masa-masa yang akan datang dari segi keberkesanannya yang begitu efektif.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan tadi wakil dari Teluk Intan ada menyebutkan kenapa tidak ada dimasukkan class action, sungguhpun didapati perlu dalam konteks ini pun saya berpendapat tidak perlu kita jadikan isu yang boleh menggugat kelulusan undang-undang yang bertujuan begitu baik pada hari ini, ini pun adalah bentuk pentadbiran ataupun garis panduan yang boleh diubahsuaikan dalam konteks apabila undang-undang telah pun kita wujudkan. Sekian sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Parit Buntar.

**3.13 ptg.**

**Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman [Parit Buntar]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya hanya akan mengambil masa sedikit sahaja untuk menyentuh beberapa perkara.

Terlebih dahulu saya ingin menyatakan sokongan penuh saya terhadap akta ini yang saya rasa merupakan satu breakthrough dalam gerakan kepenggunaan di negara ini. Akta ini seperti mana yang disebut tadi bertujuan untuk melindungi hak-hak pengguna, walaupun ada misalnya Kepong menyebut sebenarnya ia bertujuan untuk melindungi hak pengilang. Ini adalah satu remark yang saya rasa terlalu cynical berdasarkan kepada hanya beberapa exemption clauses, clause pengecualian yang terdapat dalam akta ini misalnya pengecualian terhadap dibuat dalam profesion perubatan dan juga e-commerce ataupun perdagangan melalui elektronik, bukan barang elektronik, perniagaan elektronik tidak sama dengan barang elektronik seperti telefon bimbit tadi.

Seperti mana yang saya sebut tadi walaupun ia mempunyai pengecualian-pengecualian tertentu tetapi dari masa ke semasa kementerian boleh mengambil langkah-langkah administrative untuk menambahkan barang-barang lain yang difikir sesuai dan perlu dari semasa ke semasa.

Banyak terdapat dalam akta ini kuasa-kuasa yang diberikan kepada menteri untuk berbuat demikian, untuk mengambil langkah-langkah administrative, misalnya dalam Fasal 23(1) dan (2) pun ada pengecualian, ada kuasa yang diberikan kepada menteri untuk mengisytiharkan apa-apa barang atau kelas barang sebagai barangan jika barang atau barang daripada kelas itu telah meyebabkan atau mungkin menyebabkan kecederaan kepada mana-mana orang.

Jadi, maknanya ada safety net dalam rang undang-undang ini walaupun pada zahirnya kalau kita lihat dari satu segi ia mempunyai kekurangan-kekurangan tertentu, tetapi kekurangan-kekurangan ini boleh diatasi dengan adanya kuasa-kuasa yang diberi kepada menteri.

Cuma yang ingin saya minta ialah seperti mana yang saya katakan tadi, akta ini bertujuan khusus untuk melindungi para pengguna, ia menjamin hak-hak tertentu yang ada kepada pengguna dan sudah barang tentulah apa yang boleh kita buat mulai sekarang, sekiranya selepas rang undang-undang ini diluluskan, saya ingin syorkan supaya kementerian mungkin dengan kerjasama badan-badan pengguna, menghebahkan akta ini kepada seluruh rakyat Malaysia supaya mereka tahu hak mereka.

Saya rasa adalah tidak memberi manfaat yang mencukupi kalau akta ini setelah diluluskan kita biar begitu sahaja seperti mana akta-akta yang lain, oleh kerana ia ini bertujuan melindungi pengguna, maka adalah perlu target undang-undang ini dimaklumkan tentang wujudnya. Saya yakin perbincangan kita di Dewan yang mulia ini, tidak banyak publisiti yang boleh diberi dan oleh itu saya mencadangkan agar kementerian dengan kerjasama badan-badan lain melancarkan satu kempen khusus untuk menerangkan kepada rakyat tentang adanya akta ini yang saya rasa dari segi jangka panjangnya akan banyak menolong pengguna.

Jadi, itu sahaja point yang hendak saya sebut, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong.

**3.17 ptg.**

**Tuan Lim Kit Siang [Tanjong]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah lebih dua dekad pergerakan pengguna ada mencadangkan patutlah mengadakan satu akta perlindungan pengguna dan inilah sebab kenapa pergerakan pengguna ada meletakkan harapan yang begitu tinggi atas rang undang-undang ini tetapi sungguhpun ia ada di sini, kita tidak menentang, kita menyokong mengatakan satu perundangan perlindungan pengguna-pengguna tetapi kita rasa kesal bahawa sungguhpun kerajaan mengambil dua dekad sebelum menyahut cadangan semenjak tahun 1978 untuk mengadakan satu akta perlindungan pengguna, bahawa kerajaan tidak menggunakan masa begitu panjang ini untuk menggubalkan satu akta yang boleh dikatakan yang terbaik sekali, yang boleh belajar daripada kelemahan-kelemahan dari negara-negara yang lain dan juga mengambil kira segala cadangan yang ada dikemukakan kepada kementerian berkenaan khasnya tidak boleh dinafikan bahawa kelemahan yang terbesar atau 'blame mesh' yang terbesar dalam Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna ialah di mana Kementerian Kesihatan sudah berjaya untuk menentang supaya perkara-perkara mengenai health care dimasukkan dalam bidang kuasa akta ini dan inilah satu blame mesh yang terbesar oleh kerana inilah satu bidang yang sangat mustahak dan sebab yang diberikan bahawa akta-akta sedia ada, bahawa ada 47 undang-undang yang bersangkutan paut dengan kesihatan, yang cukup memberi perlindungan kepada kepentingan pengguna-pengguna, ini tidak boleh diterima, sungguhpun ada akta-akta semacam article act, dangerous drug act, poison act, medicines advertisement sales act, private hospital act, telemedicine act, nurses act, midwife act dan lain-lain.

Oleh kerana kalau kita mengikut hujah-hujah ini pun tidak perlu mengadakan Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna, oleh kerana ada lebih kurang 30 perundangan-perundangan yang ada bersangkutan paut dengan kepentingan pengguna-pengguna, tetapi apa yang kita mahu ialah satu perundangan di mana boleh memberi perlindungan kepada pengguna-pengguna di mana ada satu sistem yang cekap, satu sistem yang efisien untuk mempertahankan

kepentingan pengguna-pengguna termasuk dalam bidang health care khususnya sekarang apabila kerajaan cuba untuk corporatisation hospital-hospital sungguhpun cadangan ini oleh kerana pilihan raya besar yang akan datang diketepikan untuk satu masa, sekarang sangat mustahak oleh kerana semua harga health care akan melambung naik dan inilah sebenarnya apa yang kita sepatutnya lakukan ialah menggunakan rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna sebagai satu tapak yang pertama untuk mengisytiharkan satu health bill of rights untuk semua pengguna dan bukan sebaliknya untuk mengecualikan health care daripada bidang ini.

Ini mustahak, oleh kerana kalau tidak banyak masalah yang akan terus timbul semacam hak semua pengguna, sebagai contohnya untuk mendapat emergency health care services. Baru-baru ini di Bukit Mertajam ada seorang prefect yang meninggal dunia oleh kerana sungguhpun beliau ada dalam mangsa kemalangan apabila dibawa ke Seberang Perai Hospital, empat jam tidak dilayani apabila transfer kepada Glenigal Hospital, sudah hilang begitu banyak darah sehingga beliau meninggal dunia, bukan oleh kerana accident, oleh kerana tidak ada hak asasi pengguna yang dihormati oleh segala hospital bahawa right to the emergency service, tidak kira siapa apabila perlu. Itulah bill of rights dan sebab itu, ini adalah satu ketinggalan yang sangat dikesali.

Akhirnya apa yang mustahak dalam apa-apa perundangan untuk memberi pelindungan kepada pengguna ialah bahawa semua mesti boleh memberi pelindungan atas isu kesihatan, atas isu keselamatan, atas isu environment. Dan di sini oleh kerana ada lagi rakan saya yang mahu mengambil bahagian, saya mahu mengutarakan satu isu sahaja bahawa apa tindakan yang telah dibuat oleh kementerian Yang Berhormat khasnya untuk memberi pelindungan kepada pengguna-pengguna atas masalah-masalah yang akan timbul oleh kerana Y2K, bukan sahaja daripada segi pembuat-pembuat atau SMI tetapi daripada segi pengguna-pengguna dan sampai sekarang telah diabaikan.

Kita ada membuat satu kajian yang mendalam mengenai rang undang-undang ini dan sebab itu Yang Berhormat bagi Teluk Intan ada mengemukakan banyak cadangan untuk meminda rang undang-undang ini supaya ia akan jadi lebih sempurna, lebih berkesan untuk mempertahankan kepentingan pengguna-pengguna dan yang saya tahu bahawa beliau ada mengemukakan 50 pindaan tetapi nampaknya apa yang saya lihat di sini ialah 12 sahaja, saya tidak tahu apa yang berlaku, tetapi ini bukti usaha, ikhtiar kita supaya kita ada rang undang-undang yang lebih sempurna, kita bukan menentang mengadakan satu akta ini tetapi kita mahu satu akta yang baik. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Lumut.

### **3.23 ptg.**

**Dr. Yap Yit Thong [Lumut]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya mengalu-alukan kerajaan membentangkan Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna 1999. Oleh kerana tidak cukup masa, saya ingin sentuh prinsip-prinsip berkenaan rang undang-undang ini sahaja.

Ramai orang terutama ahli-ahli dari persatuan-persatuan pengguna Malaysia telah menunggu lima tahun untuk rang undang-undang ini dibentangkan di Dewan yang mulia ini, walaupun draf Bil Pelindungan Pengguna telah digubal dan diserahkan kepada menteri berkenaan pada tahun 1994.

Tuan Yang di-Pertua, sama ada sebuah negara dianggap membangun atau tidak membangun bergantung kepada undang-undang pelindungan penggunanya. Memandangkan negara kita ingin mencapai status membangun dan Wawasan 2020, kita memerlukan undang-undang pelindungan pengguna, ianya mengiktiraf hak pengguna sejajar dengan Bil Hak Asasi Manusia yang baru diluluskan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap akta ini akan memberi pelindungan kepada, yang pertama, pencegahan lambakan barangan dan perkhidmatan. Dengan kedatangan WTO serta AFTA, perniagaan-perniagaan bebas di antara negara akan bertambah, tambahan pula dalam zaman IT e-commerce akan

mempertingkatkan perniagaan di seluruh dunia. Dalam dunia perniagaan terdapat permintaan perkhidmatan dan barangan dari sebuah negara ke negara lain, barang yang tidak selamat dan substandard serta barangan yang telah tamat tarikh luput sering kali dieksport ke negara yang mempunyai Akta Pelindungan Pengguna kepada negara-negara yang tidak mempunyai undang-undang yang mencegah lambakan barangan tersebut.

Di rantau ASEAN, negara Thailand dalam tahun 1979, negara Filipina dalam tahun 1991 dan negara Indonesia dalam tahun 1996 telah meluluskan dan menguatkuasakan akta tersebut. Negara membangun seperti Jepun telah mempunyai akta ini pada tahun 1968. Masa sudah sampai untuk negara kita, Malaysia juga mempunyai akta ini.

Yang kedua, berkenaan diskriminasi oleh pengeksport Malaysia. Pengeluar-pengeluar serta pengeksport di Malaysia yang mengeksport barangan mereka seharusnya menyelaraskan tahap kualiti barangan yang dieksportnya dengan pasaran tempatan supaya tidak menindas pengguna-pengguna di Malaysia. Sebagai contoh, sayur-sayuran yang dieksportkan ke Singapura memang berkualiti dan tidak tercemar dengan kimia dan racun serangga oleh kerana ujian untuk mengenal pasti pencemaran telah dibuat di pintu masuk Singapura. Sebaliknya, penguatkuasaan seperti ini tidak berlaku di negara kita dengan adanya kebanyakan sayur-sayuran di pasar tempatan memang tercemar dengan kimia dan racun serangga.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin)  
*mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang ketiga, berkenaan promosi standard etika. Akta ini dapat memanfaatkan peniaga beretika sementara memberi kesan kepada peniaga yang tidak beretika yang mengelirukan pengguna dengan memberi maklumat palsu, mengenakan syarat-syarat kontrak yang tidak adil kepada pengguna serta tidak memberi sebarang ganti rugi atau pampasan untuk barangan dan perkhidmatan yang tidak memuaskan. Saya harap akta ini akan mewujudkan kesedaran di antara

pengguna-pengguna berkenaan hak mereka dan khusus untuk mendidik pengguna-pengguna berkenaan hak pengguna perlu dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Jelebu.

**3.29 ptg.**

**Tuan Yunus bin Rahmat [Jelebu]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan terutamanya kepada Yang Berhormat Menteri, Ketua Setiausaha dan pegawai-pegawai di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kerana telah begitu berani dan bertanggungjawab untuk membawa suatu akta yang dinamakan Akta Perlindungan Pengguna pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini sudah menjadi perkara yang diperkatakan oleh masyarakat. Mereka telah merasakan banyak kali teraniaya dan sebagainya, maka saya berharap dengan adanya akta ini tentunya rakyat dan juga para pengguna yang ada di seluruh negara ini – di Semenanjung, Sabah dan Sarawak akan merasakan dilindungi dan diberikan layanan dan hak-hak mereka untuk menyatakan rasa ketidakpuasan hati mereka dan sebagainya.

Seperkara yang harus kita lihat mengenai dengan penguatkuasaan undang-undang. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan ini adalah merupakan suatu perkara yang harus kita pandang penting dan ianya mesti diutamakan di dalam apa juga pelaksanaan dasar dan undang-undang. Sekiranya penguatkuasaan tidak dilakukan dengan penuh bertanggungjawab dan berhemat, maka sesuatu dasar dan akta itu tidak akan berfungsi sepenuhnya.

Seperkara yang ingin saya sarankan, mengenai dengan anggota penguatkuasa. Saya percaya dan yakin bahawa pihak Yang Berhormat Menteri dan kementerian akan memikirkan untuk menambah anggota penguatkuasaan ini mengikut keperluan sebenarnya di seluruh negara. Saya yakin anggota yang ada

hari ini tidak mencukupi. Mungkin tidak diberikan kuasa yang penuh ataupun tidak diberikan perlindungan yang sepenuhnya kepada mereka ini oleh kerana anggota penguatkuasa ini akan melihat kepada seluruh penyelewengan yang berlaku dan dilakukan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan pihak-pihak yang cuba meraih keuntungan dengan cepat dan sebagainya. Makanya, anggota penguatkuasa ini haruslah diberikan tumpuan, pengisian jawatan baru ataupun pengisian jawatan-jawatan yang sedia ada haruslah dibuat dan ianya haruslah diutamakan kerana kita akan melindungi puluhan juta pengguna di negara kita ini. Begitu juga dengan perlindungan kepada mereka ini, tentunya mereka haruslah diberikan keistimewaan, anggota penguatkuasa diberikan perlindungan insurans ataupun persenjataan dan juga kemudahan-kemudahan untuk mengesan penyelewengan yang berlaku dan dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Begitu juga dengan penyimpanan barang-barang rampasan yang disita dan sebagainya. Saya ingat perkara ini memang pun telah difikirkan bahawa penahanan barang-barang ataupun barang kes ini haruslah diselia dan dibuat dengan begitu rapi. Ada tempat-tempat untuk disimpan, kalau memerlukan bilik sejuk dan sebagainya tentunya barang-barang ini dilindungi dan disimpan dengan lebih selamat supaya apabila kes-kes ini dibawa ke mahkamah bahan-bahan bukti ini tentunya akan memberikan bukti yang bertepatan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal penyelewengan yang biasa dilakukan oleh pihak yang memberikan perkhidmatan ataupun menawarkan barangan, seperkara yang harus kita lihat ialah mengenai dengan penjualan barang-barang yang terpakai. Dahulu pernah saya menyebutkan mengenai dengan kereta-kereta yang terpakai ini. Kebanyakan kereta yang terpakai ini apabila dijual, ianya telah banyak berubah. Kemungkinan enjin dan chasisnya telah terusik. Kadang-kadang di dalam dokumennya tidak begitu tepat tetapi apa yang telah dilakukan oleh pihak penjual kemungkinan telah menukarkan enjin kenderaan tersebut dan mengusik

chassis nombor bagi kenderaan-kenderaan tersebut, akhirnya pengguna dan bakal pembeli ini merasa tertipu dan ditipu.

Jadi, saya menyarankan supaya penguatkuasaan ataupun pemeriksaan ini haruslah juga dipanjangkan ke tempat-tempat jualan barang-barang yang terpakai terutamanya kenderaan-kenderaan yang menjadi pilihan masyarakat yang tidak berkemampuan dan sebagainya. Kemungkinan juga pihak kementerian akan boleh mengadakan perundingan dengan pihak Kementerian Pengangkutan ataupun pihak PUSPAKOM supaya mewajibkan kenderaan-kenderaan ini sebelum dijual hendaklah dipastikan bahawa dokumennya tepat dan juga identiti kenderaan itu adalah bertepatan dan tidak diganggu ataupun diusik.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, permasalahan dengan kenderaan-kenderaan terpakai ataupun syarikat-syarikat yang menjual kenderaan terpakai ini telah banyak menyebabkan kerugian yang telah dialami oleh kerajaan oleh kerana kenderaan-kenderaan yang terpakai ini tidak ditukar milik kepada syarikat yang dijual. Malah, kenderaan-kenderaan ini terus digunakan dengan nama penjual yang asal ataupun pemilik yang asal kemudian ditukarkan milik apabila kenderaan tersebut dijual kepada pembeli yang baru. Jadi, bermakna syarikat yang menjual kenderaan ini mendapat keuntungan, tidak perlu membayar RM300 kepada pihak JPJ untuk tujuan perubahan ataupun pertukaran hak milik dan kenderaan ini terus dijual, makanya kerajaan mendapat kerugian. Kadang-kadang bakal pembeli atau pengguna ditipu dengan masalah-masalah yang berlaku dan ditimbulkan oleh pihak syarikat. Jadi, saya ingat perkara ini juga haruslah dilihat oleh pihak kementerian supaya sebenar-benarnya pengguna akan dapat diberikan perlindungan yang sewajarnya agar mereka tidak tertipu dengan kaedah-kaedah ataupun perkara-perkara yang ditimbulkan oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah mengenai dengan perlindungan kepada pengguna ini yang harus kita tumpukan kepada masyarakat di kawasan luar bandar. Saya menjangkakan apabila akta ini telah diluluskan tentunya ia akan disebarikan untuk pengetahuan masyarakat. Pada waktu ini memanglah

kementerian melalui pejabat-pejabat cawangannya memainkan peranan yang cukup penting – mengadakan ceramah-ceramah penerangan, mengadakan kursus sivik dan sebagainya kepada masyarakat di luar bandar termasuk Arang-orang Asli ataupun kawasan-kawasan peneroka yang menjadi target ataupun sasaran kepada pihak-pihak yang ingin mengambil keuntungan yang segera, malah servis selepas jualan ini tidak diberikan tumpuan kepada mereka. Jadi, saya menyarankan supaya unit penerangan di dalam kementerian ini ataupun pejabat-pejabat di negeri-negeri akan sentiasa lebih aktif membawa program-program ke kawasan-kawasan luar bandar. Jangan hanya bergantung kepada permintaan daripada persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan ataupun masyarakat di kampung-kampung itu tetapi kita harus turun dan memberikan ceramah-ceramah ini dan penerangan kepada mereka supaya pengguna akan benar-benar faham apakah tanggungjawab mereka sebagai pengguna dan apakah tindakan yang harus dibuat apabila sesuatu penipuan berlaku dan dilakukan oleh pihak penjual.

Saya juga mencadangkan supaya program penerangan bersama dengan pelajar sekolah mengenai dengan hak-hak pengguna ini dan juga perlindungan pengguna ini ataupun akta yang baru ini dapat dibuat melalui program-program bersama PIBG ataupun persatuan-persatuan ataupun koperasi-koperasi sekolah dan juga kepada pelajar-pelajar di peringkat sekolah menengah ataupun di peringkat institusi pengajian tinggi haruslah dibuat. Kepada masyarakat Orang Asli umpamanya, juga perkara ini harus diperbesar dan diperluaskan supaya Orang-orang Asli yang tentunya selalu tertipu tidak akan dapat dibuat sedemikian dan mereka akan faham akan tanggungjawab mereka sebagai pengguna yang memerlukan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata ini, saya monyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Bagan.

**3.39 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya turut mengambil bahagian di dalam membahaskan rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, kami di sini memang menyokong rang undang-undang ini tetapi sejak pagi lagi kami telah menyatakan bahawa rang undang-undang ini ada kecacatan dan ada kelemahan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, Teluk Intan, Cheras dan Tanjong sudah memadai untuk menyatakan bahawa rang undang-undang ini bukan satu rang undang-undang yang cukup memihak kepada pengguna, malahan ia adalah juga disifatkan sebagai bukan consumer friendly, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Saya bersetuju dengan perbincangan seorang di antara Yang Berhormat dari sana bahawa dengan kelulusan rang undang-undang ini maka ada seribu satu perkara menunggu untuk diselesaikan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak memetik bahawa perkara yang perlu diselesaikan di hadapan mata kita adalah para pengguna selalunya ditipu oleh penjual-penjual barang atau mungkin juga pengguna-pengguna ditipu oleh kenderaan-kenderaan awam. Saya memang faham bahawa perkara-perkara ini adalah termaktub di dalam rang undang-undang ini iaitu barang yang bukan berkualiti atau barang yang tidak sesuai dengan apa yang dikatakan.

Saya cuma hendak mengambil satu contoh di mana walaupun perbelanjaan ini sangat kurang, sangat sedikit. Misalannya saya ambil contoh bahawa kami pergi ke Puduraya untuk menaiki satu bas ekspres pergi ke Butterworth, tambangnya hanya RM18 tetapi di antara bas ekspres-bas ekspres ini apabila kita hendak menaiki bas itu jadual berlepas daripada stesen tidak tepat. Dia kata pukul 2.30 petang tetapi sampai pukul 3.00 petang pun bas belum jalan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga driver bas yang suka-suka berhenti di kawasan luar daripada lebuhraya. Dari sini pergi ke Butterworth, dia tidak mahu singgah di tempat rehat atau di tempat-tempat untuk makan dan minum di tepi-tepi jalan raya tetapi dia masuk ke Slim River. Dia masuk ke kampung sana untuk

pergi ke satu kedai kopi yang sangat kotor, di mana driver bas boleh menikmati makanan mereka dengan free sahaja, dengan percuma dan juga dua kotak rokok diberikan kepada mereka dengan percuma. Selepas makan di sana mereka beralih balik ke lebuhraya dan terus ke destinasi. Ini adalah satu contoh apabila kami sebagai pengguna diperdayakan oleh pengusaha-pengusaha perniagaan.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga orang-orang yang beli barang di tepi jalan, misalnya, membeli buah-buahan. Mereka 'dimakan timbang', saya katakan 'makan timbang' iaitu beratnya tidak cukup. Misalnya, kita membeli dua kilogram tetapi apabila balik ke rumah dan apabila ditimbang hanya satu setengah kilogram sahaja.

Saya syorkan bahawa selepas rang undang-undang ini mungkin kementerian Yang Berhormat boleh menyediakan skill ataupun timbang di pusat-pusat membeli-belah, di tepi-tepi jalan dan kalau mampu boleh menyediakan seorang atau dua orang pegawai yang bertugas di sana. Di mana jikalau sesiapa yang membeli barang-barang disyaki beratnya tidak cukup, dia boleh pergi timbang semula (verify) di tempat timbang yang disediakan oleh kementerian dan jikalau didapati bahawa beratnya tidak cukup, dia boleh terus melaporkan kepada pegawai yang bertugas dan tindakan boleh diambil dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan bahawa ini cuma kerugian yang kecil tetapi kerugian yang kecil dihadapi oleh semua lapisan rakyat, semua orang walaupun RM1 atau RM2. Walaupun ditipu setengah kilogram, mungkin RM2 atau RM3 tetapi ini dialami oleh semua lapisan rakyat pada setiap hari, setiap masa dan setiap jam. Saya juga fikir selepas kelulusan rang undang-undang ini tribunal boleh mengembangkan skop kuasa mereka dan bukan sahaja bertindak atas action atau kompelin iaitu mereka boleh menentukan satu fee atau yuran. Misalnya di sekolah memandu kereta, apabila seorang pelatih hendak belajar memandu mereka dicaj fee sehingga RM1,500 tetapi ada sekolah memandu yang hanya caj RM800. Yang mana satu adil? Mungkin boleh meluaskan skop kerja

mereka supaya boleh menentukan satu fee atau satu yuran untuk sesebuah perkhidmatan atau sesuatu bidang perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kami sebagai pengguna atau retail kami selalu tidak berpuas hati dengan agensi-agensi kerajaan seperti TNB, Pihak Berkuasa Air, Telekom dan lain-lain agensi. Kami perlu memberi wang cagaran tetapi wang cagaran ini berjumlah berjuta-juta ringgit seluruh negara yang melibatkan setiap orang, setiap pengguna. Mereka bayar wang cagaran tetapi tidak dapat faedah atau tidak dapat rebet atau apa-apa yang lain. Tetapi jikalau kita bayar lambat, maka bekalan kita akan dipotong malahan akan dicaj pula untuk menyambung balik. Tuan Yang di-Pertua, ini juga satu rintihan atau satu rungutan yang dihadapi oleh consumer.

Saya juga ingin menyentuh pihak kerajaan tempatan, mereka mengutip assessment atau cukai pintu, mengenakan cukai tanah ke atas pemilik-pemilik pangsapuri. Walhal, jika sesebuah pangsapuri dipagar dengan pagar dan segala kerja penyelenggaraan dijalankan oleh pihak management sendiri, misalnya kutip sampah, cuci longkangkah, potong rumputkah, semuanya dijalankan oleh management tetapi mengapa kerajaan tempatan masih mengenakan cukai pintu yang sangat tinggi dan cukai tanah yang juga sangat tinggi. Cukai tanah, tanah diambil kira, jalan, community hall, bukit dan semuanya dilingkungan sekali dan dikira jikalau cukai tanah itu RM100 ribu, jikalau ada 100 unit, dikirakan RM100 satu unit. Semua kerja ini dijalankan oleh management sendiri, kerajaan tempatan tidak langsung memberi apa-apa perkhidmatan tetapi dikenakan cukai atau assessment atau apa-apa yang terlampau tinggi. Bukan kita tidak mahu bayar. Ini bukan satu kali sahaja tetapi tiap-tiap bulan, satu tahun 12 bulan dan tiap-tiap kali kena bayar.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya ada mendengar Yang Berhormat Menteri berkata jikalau pembeli-pembeli menghadapi masalah berkenaan dengan rumah yang ada tetapi tidak boleh diduduki. Saya ingat Fasal 11(3), maksudnya

berlainan, mungkin nanti Yang Berhormat boleh menjelaskan perkara ini dengan lebih jelas lagi.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Masa sudah cukup Yang Berhormat ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** .....dan saya juga ingin menanyakan kepada Yang Berhormat sama ada projek yang lama terbengkalai, misalannya projek yang tertinggal dekat sepuluh tahun tetapi hari ini belum lagi diselesaikan. Sama ada selepas rang undang-undang diluluskan, maka perkara ini boleh diserahkan kepada tribunal atau boleh diselesaikan oleh kementerian Yang Berhormat? Sekian sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Tanjong Karang.

**3.50 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terutama sekali saya bersama-sama rakan yang lain ingin mengucapkan tahniah di atas kesungguhan pihak kementerian ini mengemukakan suatu rang undang-undang yang baru yang begitu luas, yang telah pun diperkatakan ramai dan beberapa cadangan telah pun dikemukakan. Dengan adanya rang undang-undang ini sekali lagi membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional ini amat peka tentang masalah rakyat kerana minggu lepas kita juga telah meluluskan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, yang mana suruhanjaya ini juga kita kemukakan adalah demi semata-mata untuk kita memastikan rakyat kita mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Hari ini sekali lagi kita kemukakan rang undang-undang ini untuk memastikan pula bahawa pengguna-pengguna di Malaysia ini khasnya rakyat Malaysia akan terlindung hak mereka. Walaupun sekarang ini kita lihat beberapa agensi telah ada seperti Biro Pengaduan Awam dan kita harap bahawa tribunal yang akan ditubuhkan nanti dapatlah berfungsi lebih baik daripada Biro Pengaduan Awam.

Kalau dari segi undang-undang kita juga ada 'small claim court' di mana kalau tidak silap tuntutan-tuntutan di bawah RM5,000 boleh dibawa dibawah 'small claim court' ini mungkin apabila sebut mahkamah ataupun Mahkamah Majistret Kelas Kedua ini mungkin orang biasa apabila dengar mahkamah, mereka rasa gusar untuk pergi ke mahkamah. Mungkin mereka tidak berapa tahu prosedur-prosedur untuk pergi ke mahkamah, walaupun Mahkamah Kelas Kedua ini telah pun sedia ada dan jarang sekali sambutan yang diberi kepada Mahkamah Majistret Kelas Kedua ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita lihat pada hari ini beberapa peraturan yang begitu jelas, kadang-kadang yang telah dikeluarkan oleh pihak kerajaan, kita dapati pihak-pihak pengeluar masih lagi tidak mematuhi. Kita pergi ke kedai contoh-contoh yang senang, tempoh tamat (expired date) kadang-kadang tengok masih lagi tidak dibuat. Kemudian tanda harga walaupun kementerian sudah kata, letak tanda harga tetapi kita dapati masih banyak tanda-tanda harga ini tidak diletak. Kemudian, ingredients ini pun satu perkara penting yang harus diletakkan terutamanya di dalam ubat-ubat rempah sebagai contoh. Ini harus diletakkan 'ingredients'nya walaupun syarat-syarat ini adalah perkara umum tetapi kita dapati masih lagi tidak dapat dipatuhi oleh pihak-pihak pengeluar.

Tuan Yang di-Pertua, ketiga saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai Seksyen 13 di bawah tajuk Pengiklanan Umpanan iaitu di Representasi Palsu Atau Mengelirukan. Adakah Seksyen 13 ini, kalau yang saya faham hanya diambil tindakan kepada mereka yang membuat iklan. Adakah ini juga termasuk kepada media-media (third party) yang membuatkan iklan-iklan ini. Sebagai contoh hari ini banyak kita lihat iklan-iklan dikeluarkan bukan sahaja di dalam media-media tertentu tetapi sekarang ini media parti pembangkang pun banyak juga kita tengok iklan-iklannya. Dan kadang-kadang di dalam bulletin-bulletin tertentu yang diedarkan oleh NGO-NGO, mereka juga kadang-kadang membuat iklan dan kita lihat juga kadang-kadang ada di dalam buku-buku cenderamata pun diletakkan iklan-iklan tertentu.

Jadi, adakah Seksyen 13 ini juga merangkumi pihak third party ini dan jika kita tidak mengkomen mereka kita bimbang bahawa ada 'loophole' di dalam undang-undang ini di mana mereka mungkin menganggap bahawa kalau diri mereka sendiri yang mengeluarkan mungkin mereka tertakluk di bawah Seksyen 13. Tetapi kalau perkara ini tidak merangkumi third party kita bimbang bahawa ada pula pihak-pihak yang mengambil kesempatan di mana mereka tidak akan membuat iklan mereka sendiri tetapi mereka akan membayar yuran untuk disiarkan oleh pihak-pihak yang ketiga.

Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai peraturan 'This claim liabilities'. Sekarang ini kita lihat terutamanya, contoh yang paling mudah ialah parking kereta sama ada yang kita bayar ataupun kadang-kadang di hotel-hotel kita lihat ada ditulis di situ "*Park at your own risk*". Jadi, menunjukkan bahawa management tidak bertanggungjawab dan kadang-kadang kalau kita duduk di hotel pun dia sudah tulis siap-siap di situ, 'Jika barang-barang hilang pihak management tidak bertanggungjawab'. Jadi, kalau 'This claim liabilities' ini tidak diatasi, maka kita semua pihak pengeluar ini, management yang memberikan servis ini hotel dan sebagainya akan menggunakan peluang ini mereka ada defence, mereka akan bubuh 'sign board' besar-besar bahawa mereka tidak akan bertanggungjawab jika apa-apa berlaku. Terutamanya syarikat-syarikat yang memberi servis di dalam sesuatu perkhidmatan.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kementerian bagaimanakah cara kita untuk mengatasi 'this claim liabilities' yang kita lihat banyak syarikat besar menggunakan kemudahan-kemudahan ini dan menyebabkan kita kadang-kadang sukar. Apabila kita kompelin kepada management, dia kata kita sudah beri warning bahawa ini semua 'at your own risk'. Jadi, mereka selalunya tidak akan mengganti rugi apa-apa kerugian yang dialami oleh pihak pelanggan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai profesional jagaan kesihatan kita lihat tadi ramai yang bercakap, Pokok Sena pun bercakap fasal ubat-ubatan, jagaan

kesihatan. Kerana kalau kita tengok tarif profesional jagaan kesihatan ini terlalu luas dan yang membimbangkan saya ialah perkataan akhir selepas perkataan “kesihatan pergigian, pharmaceuticals atau apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan lain.” Jadi, kalau kita bubuh di situ apa-apa perkhidmatan jagaan kesihatan lain, ini saya rasa terlalu luas maksudnya. Apakah ini juga termasuk kesihatan health centre. Kadang-kadang ada ditulis health centre, ada juga kadang-kadang di luar bandar pun ada buat kesihatan tradisional, mandi lulur, urut dan sebagainya. Adakah ini juga termasuk di dalam jagaan kesihatan. Kadang-kadang ubat-ubatan jenis herba, rempah sekarang ini begitu popular dijual. Kalau ini tidak dijelaskan dengan terang kita bimbang nanti ada loophole di dalam tafsiran ini dan menyebabkan pengguna-pengguna tidak boleh menuntut hak mereka menggunakan tribunal di bawah penggunaan ini, kerana kita dapati di dalam tafsiran undang-undang ini sebagaimana yang ditulis itu tidak termasuk. Maknanya undang-undang ini tidak terpakai untuk profesional jagaan kesihatan atau penggunaan kesihatan yang lain. Ini juga harus diberikan penjelasan yang jelas.

Begitu juga tafsiran tanah. Tafsiran tanah ini pun bagi saya agak mengelirukan. Adakah tafsiran tanah di sini sama seperti tafsiran tanah di dalam Kanun Tanah. Kerana kalau Kanun Tanah memang termasuk rumah. Jadi, di dalam ini tidak diberi tafsiran tanah, hanya disebut ‘tanah’. Jadi, mungkin juga ini boleh dipertikaikan kalau ada yang menyatakan rumah juga tidak termasuk, tidak boleh kita membuat aduan di bawah akta ini.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai Bab C bagi kontrak yang dibuat sebelum tarikh akta ini mula berkuat kuasa. Ertinya semua kontrak ataupun agreement yang dibuat sebelum akta ini berkuat kuasa kita tidak boleh dakwa melalui tribunal ini. Saya pertikaikan, timbulkan masalah ini kerana kita dapati bahawa hari ini syarikat-syarikat besar, mereka sudah ada standard agreement. Kadang-kadang standard agreement ini kalau kita tengok memang berat sebelah. Jadi, kita harap tribunal ini kalau boleh mengkaji

semula standard-standard agreement. TNB pun sama, Jabatan Air entiti-entiti kerajaan, PLUS dan sebagainya sudah ada standard agreement. Kita dapati jika ada standard-standard agreement ini yang merugikan pengguna, maka standard agreement ini mesti diperbetulkan. Kerana kalau kita tidak perbetulkan standard agreement ini maka ianya akan terus menimbulkan masalah kepada orang ramai kerana ramai pengguna ini terlibat secara besar.

Sebagai contoh, sebagaimana yang dikatakan Telekom tadi saya pun banyak kali komen Telekom terutama di luar bandar. Kalau diikuti Telekom kena beri servis kepada kita. Ini kadang-kadang sampai dua bulan kita kompelin Telekom tidak ada datang repair pun. Bila kita telefon Telekom sebab apa lambat repair. Dia kata sudah diswastakan maintenance ini kepada syarikat lain. Bila cukup bulan bil jalan juga. Cukup bulan dia hantar bil, kalau tidak bayar bil akan datang jadi bil-bil tertunda. Jadi, perkara-perkara seperti ini servis yang diberi oleh syarikat besar ini harus kita ambil kira. Begitu juga TNB. Kita lihat kadang-kadang entah gila-gila punya bil sampai RM1,000, RM2,000 bil. Kalau kita hendak pertikaikan dia kata banyak lagi yang hendak disiasat dan sebagainya, dia suruh kita bayar dahulu. Kalau kita tidak bayar nanti dia akan potong api rumah kita.

Perkara-perkara seumpama ini standard-standard agreement yang dibuat oleh syarikat-syarikat besar ini harus dikaji, kalau boleh kita menubuhkan satu jawatankuasa supaya ianya lebih adil kepada pengguna secara keseluruhannya.

Dengan ini saya ingin menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**  
Bayan Baru. Selepas ini kementerian akan menjawab.

**4.00 ptg.**

**Tuan Wong Kam Hoong [Bayan Baru]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menghurai Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang dicadangkan untuk kelulusan Dewan ini. Saya mengalukan pembentangan akta ini. Keperluan untuk akta sedemikian sudah lama terasa. Sebelum akta ini, akta

mengenai perlindungan pengguna yang sedia ada hanya tertumpu kepada bidang makanan, ubat-ubatan, kosmetik, racun serangga, alat permainan, perniagaan secara sewa beli, pajak gadai, berat dan ukuran, kawalan harga dan setengah perkhidmatan yang profesional seperti peguam, doktor, arkitek, akauntan dan lain-lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan masing-masing.

Tanpa Akta Perlindungan Pengguna 1999 yang komprehensif, pengguna akan menghadapi risiko untuk ditipu oleh pembuat atau pembekal yang tidak bertanggungjawab. Sesuatu Akta Perlindungan Pengguna yang komprehensif perlu merangkumi bidang yang luas dan memberikan perlindungan yang luas kepada pengguna. Akta Perlindungan Pengguna ini yang dicadangkan telah berusaha untuk memenuhi ciri-ciri ini. Namun begitu, akta ini masih boleh dibaiki supaya penguatkuasaannya lebih berkesan dan menyeluruh. Dalam akta ini tidak terdapat peruntukan yang mewajibkan maklumat selengkapnya diberikan terhadap barang atau perkhidmatan yang pernah dilarang dan dikawal untuk penggunaan atau ditarik balik ke negara-negara lain. Setahu kita adanya syarikat-syarikat yang mengamalkan sikap berat sebelah walaupun barang mereka telah dilarang, dikawal atau ditarik balik di negara asalnya atau di negara lain namun mereka berdiam diri tanpa memberitahu negara-negara yang sedang membangun yang mengimport barang mereka itu. Kes-kes ini terdapat dalam sektor kereta, ubat-ubatan, racun serangga dan alat mainan.

Oleh yang demikian, akta baru ini harus diberi peruntukan untuk mewajibkan pembuat atau pembekal memberikan maklumat selengkapnya tentang produk yang telah dilarang atau ditarik balik di negara-negara lain. Kegagalan untuk berbuat demikian harus dianggap sebagai kesalahan dari sisi undang-undang. Jika tidak negara-negara yang kurang berhati-hati seperti negara kita mungkin menjadi tempat lambakan iaitu dumping ground untuk barang ini. Kewajipan untuk memberikan maklumat ini bukan sahaja setakat sebelum mengimport barang tersebut tetapi juga dari masa ke semasa apabila larangan, kawalan atau penarikbalikan dikenakan di negara-negara lain.

Peruntukan sesuatu akta mestilah tepat dan tidak menimbulkan kekeliruan dalam pentafsiran. Setengah-setengah perkataan dalam akta ini kabur dan menimbulkan kekeliruan dalam pentafsiran sehingga menjejaskan keberkesanan peruntukan ini. Misalnya, erti 'harga yang munasabah' dalam Seksyen 36(4) erti 'tindakan munasabah boleh didapati dengan munasabah dan tempoh yang munasabah' dalam Seksyen 37(1) dan erti 'masa yang munasabah' dalam Seksyen 40(2) perlu diperjelas dengan lebih tepat dan jitu. Ini kerana 'munasabah' adalah satu konsep yang relatif, berbeza erti dan pentafsirannya daripada seorang kepada seorang.

Seksyen 74(1) akta ini menetapkan keanggotaan Majlis Penasihat Pengguna Negara daripada pelbagai sektor masyarakat. Akta ini hendaklah menetapkan bilangan wakil daripada pelbagai sektor supaya wakil daripada pembuat dan pembekal tidak menguasai Majlis Penasihat Pengguna Negara sehingga menjejaskan kepentingan pengguna dan membelakangkan tujuan sebenarnya akta ini. Walaupun Seksyen 108(2) tidak membenarkan mana-mana pihak diwakili oleh peguambela dan peguamcara dalam sesuatu pendengaran tuntutan dalam tribunal tuntutan pengguna, namun peruntukan ini membenarkan perbadanan diwakili oleh pekerja yang dijagi sepenuh masanya. Dalam kebanyakan syarikat terdapat pekerja sepenuh masanya yang merupakan peguam meskipun tidak membuka praktis yang dapat membela kepentingan perbadanannya jauh lebih baik daripada pengguna biasa.

Dalam hubungan ini, akta ini hendaklah membenarkan orang daripada pertubuhan bukan kerajaan iaitu NGO atau kumpulan lain untuk mewakili pengguna secara lebih berkesan. Akta ini harus disambut baik kerana kepentingan pengguna secara umumnya telah dilindungi. Namun demikian, kepentingan satu kategori pengguna tidak diberi perlindungan oleh akta ini. Mereka ini ialah pembeli rumah pangsa kos sederhana dan kos rendah. Kepentingan golongan pembeli ini perlu diberi perlindungan yang lebih efektif dan adil kerana mereka merupakan golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang telah betungkus-

lumus untuk menabung, untuk membeli rumah pangsa itu. Malangnya, golongan inilah yang sering menanggung kerugian dalam pembelian rumah pangsa.

Dalam perjanjian jual beli standard bagi rumah pangsa itu telah tercatat cara untuk penyerahan pemilikan kosong yang berbunyi seperti berikut:

*“Upon the issuance of a certificate by the vendor’s architect certified that the construction of the said parcel has been fully completed, and water and electricity supply have been connected to the said parcel, and the vendor has applied for the issuance of the certificate of fitness for occupation from the appropriate authority and the purchaser having paid all money payable under clause 4(1) and accordance the third schedule and all other money due under this agreement and the purchaser having perform and absorb all the terms and governance on his part under this agreement, the vendor shall let the purchaser into the possession of the said parcel provided that such possession shall not give the purchaser the right to occupy and the purchaser shall not the said parcel until such time as a certificate of fitness for occupation for the said building is issued.”*

Pembeli-pembeli telah diberi pemilikan rumah pangsa itu dengan mendapat kunci daripada pemaju tetapi tidak dapat menikmati keseronokan untuk mendiami rumah pangsa itu kerana sijil penghunian belum dikeluarkan. Ada setengah-setengah pembeli rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana yang telah diberi kunci masih menunggu lebih daripada setahun atau dua-tiga tahun untuk mendapat sijil penghunian. Beberapa skim perumahan yang melibatkan beberapa ribu unit rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana terbabit dalam jumlah ini di kawasan saya. Pemaju begitu cepat menyerahkan kunci kepada pembeli-pembeli sebaik sahaja rumah pangsa itu siap dibina kerana hendak mengutip baki bayaran daripada pembeli-pembeli itu. Kasihanlah pembeli-pembeli rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana itu wang sudah dibayar tetapi rumah tidak dapat didiami kerana sijil penghunian belum didapati. Tambahan pula mereka terpaksa membayar faedah bank dan sewa rumah yang didiami sekarang. Nasib mereka

seperti kata peribahasa Melayu iaitu ‘sudah jatuh ditimpa tangga’ yang diucapkan oleh Yang Berhormat Menteri dahulu.

Majlis perbandaran tidak mengeluarkan sijil penghunian kerana syarat-syarat tidak dipatuhi oleh pemaju itu, penahanan sijil penghunian itu semata-mata hendak memaksa pemaju itu memenuhi syarat-syarat yang dikenakan. Sebaliknya pemaju yang sudah mengutip semua bayaran daripada pembeli-pembeli projeknya tidak mengambil pusing arahan majlis bandaran itu sama sekali. Pemaju itu bersikap demikian kerana pemaju tidak akan dihukum dan dikenakan penalti di dalam undang-undang yang ada sekarang, cubalah kita tepuk dada tanya selera, adilkah kepentingan pembeli rumah pangsa kos rendah dan sederhana itu diketepikan dalam perjanjian jual beli itu.

Kini tiba masanya kita memasukkan kepentingan pembeli rumah kos rendah dan kos sederhana ini dalam Akta Perlindungan Pengguna 1999, selain itu terdapat juga satu clause dalam perjanjian jual beli standarad bagi rumah pangsa kos rendah dan sederhana yang merugikan pembeli-pembeli, clause itu berbunyi seperti berikut, dengan izin, *‘the position, measurements, boundaries and area of the said parcel as given are believed but not guaranteed to be correct and if the measurements, boundaries and area as soon as the building plan shall be different from then in the strata title when issued the purchase price of the said parcel as calculated at the ringgit as be determined per square metre shall be adjusted accordingly.’*

Clause ini memberikan hak kepada pemaju menuntut bayaran yang lebih daripada pembeli-pembeli jika keluaran rumah pangsa dalam hak milik strata melebihi yang terdapat dalam perjanjian jual beli itu. Banyak pembeli rumah pangsa kos rendah dan sederhana di beberapa skim perumahan telah menerima surat guaman untuk membayar lebihan agar kerana kelebihan keluasan rumah pangsa itu, walaupun pembeli-pembeli telah menjelaskan bayaran yang tersebut di dalam perjanjian itu, pembeli-pembeli rumah kos rendah dan sederhana ini tiada tempat untuk mengadu, mereka telah menggunakan wang simpanan sepanjang

hayat mereka untuk membeli rumah pangsa kos rendah dan kos sederhana, malangnya mereka telah menerima nasib sedemikian. Selaras dengan masyarakat penyayang kita perlu mempertimbangkan kepentingan pembeli-pembeli rumah kos rendah dan kos sederhana ini dalam akta yang kita bahaskan hari ini. Dengan ini saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Yang Berhormat Datuk Menteri, sila jawab.

**4.12 ptg.**

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya dengan ikhlas mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan, saranan dan teguran yang dibuat oleh 22 orang Ahli Yang Berhormat yang telah berucap dalam membahaskan Akta Pelindungan Pengguna ini termasuklah juga Ketua Pembangkang.

Saya akui bahawa saya terpaksa menghadapi tembok-tembok yang begitu kebal dalam usaha membantutkan rancangan bagi mewujudkan akta ini. Namun saya terpaksa tabah dan sabar dalam usaha bersungguh-sungguh sehinggalah dapat saya meyakinkan pihak Kabinet untuk meluluskan akta ini dan dapat dibawa ke Dewan yang mulia pada hari ini. Yang penting bagi saya ialah menentukan bahawa akta ini diluluskan secara asas atau dengan izin, in principle.

Saya akui bahawa akta yang diwujudkan ini tidaklah sekemas seperti mana yang dikehendaki, namun dengan teguran, saranan dan pandangan Ahli Yang Berhormat dari masa ke semasa akta ini akan dikemaskinikan lagi agar peranannya benar-benar berkesan bagi melindungi hak pengguna di negara ini.

Dengan lain perkataan jika kita hendak mendirikan rumah, rumah itu dari segi bentuk harus didirikan dahulu, selepas itu barulah kita fikirkan tentang ceiling, tentang marble apa yang hendak kita letakkan atas lantai, langsir apa yang hendak kita kenakan untuk tingkap dan kitchen kabinet yang macam mana hendak kita letakkan di dapur. Perlu saya tegaskan kepada Ahli Yang Berhormat bagi

Cheras dan juga Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan tidak terlintas di hati saya untuk menjadikan kewujudan akta ini sebagai satu kempen menghadapi pilihan raya atau sebagai PR exercise sahaja.

Bagi Barisan Nasional, khidmat cemerlang kepada rakyat dan negara selama ini sudah cukup membuktikan kebolehan dan kemampuan Barisan Nasional memerintah negara ini dengan aman dan makmur. Kewujudan akta ini adalah seperti melukut ditepi gantang sahaja bagi Barisan Nasional dalam khidmat dan jasanya kepada rakyat dan negara.

Bagi saya, dengan izin, it is now or never, ianya sangat perlu diwujudkan dan kita akan sama-sama memikul tanggungjawab agar akta ini berjalan dengan sebaik-baiknya. Pihak saya telah mencatatkan semua isi hati wakil daripada Cheras terutamanya tentang perkara-perkara pelaksanaan akta ini kelak, masalah saranan ahli-ahli tribunal dan juga pasukan ahli-ahli tribunal yang mana juga telah dibangkitkan oleh wakil rakyat dari Machang yang telah dengan secara tidak langsung menerangkan dengan lebih jelas dan teliti akan perlunya akta ini dan apakah peranannya dan Yang Berhormat sendiri telah membangkitkan perasaan bimbang dan ragu-ragu bagaimana pelaksanaan akta ini dapat berjalan dengan baiknya.

Pihak kementerian akan meneliti terutama dari segi prosedur tuntutan juga dari segi kos bayaran yang hanya memerlukan RM10 dan juga menentukan bilangan pasukan tribunal yang diperlukan. Ini semuanya terpulang kepada sambutan dan sokongan orang ramai terhadap tribunal ini.

Jika perlu kita tambah kita tambah, jika perlu kita tokok kita tokok, jika perlu kita kemas kita kemas dari masa ke semasa dan saya sendiri akan mengawasi bahawa tidak wujud backlog dalam tuntutan-tuntutan ini.

Perkara yang sama telah dibangkitkan oleh wakil Lanang dan juga wakil bagi Kubang Kerian yang telah membawa satu perkara yang baru iaitu menentukan supaya janganlah cop barang-barang keperluan ini yang berbau

politik kerana semua masyarakat, semua ideologi politik memerlukan barang-barang, pakaian, makanan dan sebagainya.

Ahli Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang halal haram barang-barang, ini adalah dalam bidang kuasa JAKIM, namun kementerian saya akan membantu dan memberi kerjasama dengan pihak JAKIM untuk membendung perkara-perkara ini. Dari segi syarikat jualan langsung juga kita akan mengkaji dan melihat peranan mereka agar pengguna mendapat faedah yang maksimum.

Selain daripada Ahli Yang Berhormat bagi Tawau, Ahli Yang Berhormat bagi Batang Lupar telah membangkitkan perkara yang bersangkutan paut dengan masalah Limitation Act, jualan murah dan juga pelaksanaan akta ini di Sarawak yang merupakan kawasan yang begitu besar dan logistik yang susah.

Rompin pula telah memohon akta ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan terutama di kawasan-kawasan luar bandar dan memohon agar ahli-ahli tribunal terdiri dari mereka yang benar-benar terkecuali dan tidak memihak kepada pengeluar dan juga kepada pengguna.

Pokok Sena telah mencadangkan agar sebuah research centre oleh pengguna diwujudkan untuk mengkaji barang-barang yang kadangkala sungguh diragukan seperti minyak gamat, tongkat ali, minyak kambing gurun dan lain-lain. Kementerian saya akan mempertimbangkan hal ini dan saya yakin research centre ini boleh membantu kementerian saya dalam mewujudkan standard keselamatan barang-barang yang diperuntukkan di dalam Bahagian III rang undang-undang ini.

Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh wakil rakyat dari Machang agar tribunal boleh membantu dan melihat agar ada pihak-pihak yang boleh diketengahkan terhadap kesalahan-kesalahan yang telah mereka lakukan dari bidang kuasa tribunal ke bidang kuasa akta lain melalui mahkamah.

Tentang pendapat dari Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan yang mana 'class action' dimasukkan dalam akta ini, ingin saya nyatakan dahulu bahawa semua akta yang ada memerlukan bidang kuasa mahkamah untuk menyelesaikan masalah.

Hari ini setelah sepuluh tahun kita berjuang, baharulah kita dapat mewujudkan satu akta yang memberi kuasa kepada sebuah tribunal. Oleh kerana 'class action' tidak diiktiraf oleh mahkamah di Malaysia, maka 'class action' tidak boleh kita muatkan dalam akta ini. Perkara ini masih dalam kajian sistem perundangan di negara ini. Lain padi lain belalang begitulah lain undang-undang di Amerika dan lain pula undang-undang di Malaysia.

Bagi saya, janganlah bersila dahulu sebelum duduk, kita buat sesuatu benda itu biarlah peringkat demi peringkat, naik tangga biar satu-satu, kalau naik dua, tiga jatuh – patah kaki.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan tentang barang-barang yang bersangkutan paut dengan e-commerce.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]:**

Ya, Teluk Intang bangun Yang Berhormat, hendak beri jalan atau tidak?

**Datuk Seri Megat Junid bin Mugat Ayob:** Ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa undang-undang iaitu undang-undang Judges Law yang sedia ada menyatakan bahawa 'class action' tidak dibenarkan. Setakat itu saya bersetuju tetapi yang saya tidak bersetuju adalah saya hendak mendapat penjelasan, apakah sebab kita tidak membawa peruntukan-peruntukan dari segi undang-undang untuk membenarkan supaya pengguna-pengguna dapat memberi 'class action'. Kalau kita ada menggubal undang-undang tersebut, ia akan mengatasi judgement law, jadi kenapa perkara ini tidak dikaji, saya sangat berasa hati baik kerana Yang Berhormat Menteri sendiri menyatakan bahawa akta ini ada beberapa kecacatan dan adakah perkara ini akan dikaji balik memandangkan seperti yang saya huraikan sebelum ini, ini adalah satu perkara yang sangat mustahak.

Saya ingin katakan sedikit, kalau katakan lipstick yang kita beli mungkin yang dibeli oleh perempuan atau isteri kita lebih kurang berharga RM2, orang

macam ini mungkin tidak akan dapat membawa kes ke mahkamah tribunal kerana sangat kurang, tetapi kalau kita ada class action seluruh Malaysia dan ada peruntukan memberi peluang kepada organisasi membawa class action, perkara ini dapat diselesaikan dan boleh memihak kepada pengguna. Itulah yang tidak ada di dalam peruntukan ini, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa kita perlu mengkaji balik dan mengambil tindakan yang tegas.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih wakil Teluk Intan. Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi, saya sendiri terpaksa mengambil masa yang cukup panjang, cukup teliti seperti tarik rambut dalam tepung, rambut tak putus, tepung tak pecah untuk melahirkan akta ini. Jadi, dengan sebab itu berilah peluang kita tingkat demi setingkat.

Tadi ada wakil dari Balik Pulau yang telah bercakap tentang Competition Act, memang dalam hati saya, dalam pendapat pegawai-pegawai kementerian saya memang kita hendak mewujudkan Competition Act, tetapi kita mahu melihat dahulu berkesannya pelaksanaan Akta Perlindungan Pengguna ini, bila ini kita lihat sudah menjadi satu culture kepada masyarakat kita, kita akan masukkan competition ini, begitulah juga apa yang telah disarankan oleh wakil dari Teluk Intan itu. Kita akan lihat dari segi itu, jiwa kepenggunaan itu sudah mendalam dalam diri saya dan ramai lagi tetapi culture itu belum meresap di seluruh negara kita, dengan izin, to penetrate that, berilah tempoh yang lebih untuk kita melaksanakannya. Terima kasih.

Selain dari itu, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan tentang barang-barang yang bersangkutan paut dengan e-commerce ini, tetapi ingin saya nyatakan bahawa barang-barang ini dikeluarkan daripada akta ini kerana satu undang-undang khas akan diwujudkan tentang barang-barang yang bersangkutan paut dengan e-commerce.

Wakil rakyat bagi Wangsa Maju memohon agar kementerian meneliti dan membuat kajian yang terperinci terhadap akta yang sedia ada juga akta yang kita bincangkan hari ini agar semua akta ini dapat benar-benar membela pengguna

dengan jayanya. Kita melihat jangan ada ruang di mana penyelewengan dan penipuan dapat melarikan diri daripada tindakan.

Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bendera memohon agar semua kakitangan pelaksanaan akta ini termasuk ahli tribunal diberi taklimat yang mencukupi agar pelaksanaan akta ini dapat berjalan dengan baik dan berkesan.

Ahli Yang Berhormat bagi Balik Pulau telah banyak bercakap tentang yang menipu dan yang kena tipu dan beliau berharap akta ini memberi ruang yang luas untuk mereka yang kena tipu membela diri dan memperkecilkan ruang yang suka menipu untuk membebaskan diri.

Walaupun nama rang undang-undang ialah Rang Undang-undang Pelindungan Pengguna, undang-undang ini mestilah fair dan adil dan bukan sebelah kepada pengguna sahaja. Undang-undang ini bukan bertujuan untuk membunuh industri pengeluaran dan seharusnya adalah dilakukan agar tidak ada siapa yang menangis daripada pelaksanaan undang-undang ini, pengguna puas hati, industri puas hati, manufacturer puas hati, itulah tujuan kita. Ya, Kepong, silakan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Di dalam usaha Yang Berhormat untuk menjadikan satu balancing act untuk menjadi pelindung kepada para pengguna, macam mana Yang Berhormat dapat menjadi pelindung kepada pengilang pula, adakah ini satu serampang dua mata, macam mana kita mencapai matlamat ini, Yang Berhormat mesti pilih, sama ada Yang Berhormat memihak pengilang atau memihak pengguna kerana kementerian lain boleh memihak pengilang. Ha, itulah!

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, macamlah kalau kita ada seorang anak, kita manjakan kepada seorang, kalau dua orang anak, kita manjakan dua-dua orang. Seorang isteri kita manjakan satu orang, dua isteri pun sama juga, *[Ketawa]* kita kena pandailah. *[Ketawa]* Kita kena pandai buat supaya tidak wujud huru-hara. Walau bagaimanapun, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Balik Pulau supaya meluaskan ruangan untuk

pengguna membela diri mereka dan kita sempitkan ruangan untuk manufacturers membebaskan kesalahan mereka. Itulah lebih baik.

Yang Berhormat bagi Tanjong telah bercakap tentang adakah kita mengambil tindakan untuk menghadapi Y2K. Salah satu peraturan di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 sedang dibuat bagi mewajibkan pelabelan pemantauan Y2K pada barang-barang yang kita anggap Y2K compliance. Dengan berkuatkuasanya peraturan ini pengguna dapat membezakan produk yang mematuhi Y2K tanpa melarang penjualan produk yang tidak mematuhi Y2K. jadi, kita menyediakan keadaan yang demikian.

Saya memanglah tertarik juga tentang saranan banyak pihak agar kita menjelajah ke seluruh negara untuk menerangkan isi kandung akta ini atau perkara-perkara utama yang mengelirukan seperti mana yang telah pun disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Bayan Baru tadi yang mengatakan perkataan “munasabah” itu, ada yang mengatakan “tafsiran harga” dan sebagainya. Kita akan menjelajah melalui persatuan-persatuan pengguna, melalui badan-badan tertentu termasuklah badan-badan politik yang ingin mengadakan ceramah-ceramah seperti ini. Kita bersedia untuk menghantar pegawai-pegawai kita agar seluruh masyarakat walau apa sahaja ideologi politik mereka, dapat memahami akta ini dan dapat digunakan untuk membela nasib mereka jika mereka ditipu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat di atas sokongan, teguran dan pandangan terhadap akta ini. Marilah sama-sama kita berdoa agar pelaksanaan akta....

**Tuan M. Kulasegaran:** Belum jawab mengenai Tribunal, adakah ia akan bersidang selepas waktu masa pejabat, hari Sabtu, hari Ahad dan komposisinya. Adakah ia juga akan berfungsi di daerah-daerah? Perkara macam itu belum diterangkan. Juga mengenai adakah fee yang akan dikenakan memandangkan ada beberapa situasi di mana tidak ada fee langsung untuk sesiapa yang hendak failkan kes di mahkamah di mana peruntukan-peruntukan yang sedia ada kepada pihak-

pihak yang betul-betul miskin. Bagaimanakah keadaannya dalam perkara ini?

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya nyatakan awal tadi, semua apa yang telah diperkatakan oleh 22 orang Ahli Yang Berhormat saya catat. Kalau saya hendak jawab satu persatu ini.... tentang pelantikan kaum wanita yang dibawa oleh Yang Berhormat bagi Kepong, saya akan lantik, saya pun berkenan, jadi saya akan tentukan bahawa ada wakil wanita dalam Lembaga Penasihat ini.

Tentang masa itu, kita lihat bagaimana sambutannya. Kalau sambutannya begitu menggalakkan, back log begitu banyak, kita akan tentukan, hari Ahadkah, hari Isninkah, fasal apa di sini tidak ada beza. Kalau di Kedah, hari Ahad pejabat buka. Kalau hari Jumaat di Kedah cuti tetapi hari Jumaat di Kuala Lumpur pejabat buka. Jadi, kita akan tentukan bilangan pasukan Tribunal – akan kita tentukan. Saya akan pastikan tetapi apa yang saya pastikan kos untuk hendak bawa satu-satu tuntutan ialah RM10. Itu sahaja.

Jadi, marilah kita sama-sama berdoa agar pelaksanaan akta ini dapat berjalan dengan baik untuk kepentingan rakyat keseluruhan dan tidak sekali-kali untuk kepentingan politik mana-mana pihak kerana semua rakyat walaupun berlainan ideologi politik, agama dan sebagainya mereka adalah seorang pengguna yang harus dibela. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 24 -****4.30 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Bolehkah saya mendapat penjelasan mengenai makna yang dikatakan 'kesihatan atau kemudahan jagaan kesihatan'. Adakah ia merangkumi atau termasuk sinseh, bomoh dan sebagainya dan adakah mereka dikecualikan atau mereka di subject to this act atau mereka tidak ada kena mengena dengan akta ini kerana tidak terperangkap dalam skop act ini. Bolehkah saya mendapat penjelasan dahulu?

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, dalam perbincangan kementerian dengan Kementerian Kesihatan, hanya mereka yang diiktiraf sebagai pihak yang profesional sahaja yang tidak termasuk di dalam akta ini tetapi mereka yang bukan dianggap sebagai profesional maka ia termasuk dalam akta ini. Bermakna apabila kita kata dia profesional dia ada academic qualification yang boleh kita pegang. Kalau misalnya macam salon kecantikan, yang kita tidak tahu latar belakang kelulusan mereka yang membuatkan seseorang itu menjadi cantik dan sebagainya, ini termasuk dalam akta ini. Jadi, saya ingat Yang Berhormat bagi Kepong juga memahami ini. Kalau sinseh, tok bidan yang tidak ada bertauliah, yang jual rempah atau balut apa semua, yang bertangislah, berbarutlah dan semuanya, ini saya ingat termasuk dalam akta ini. Ini persetujuan yang telah kita capai di antara dua kementerian dalam akta ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

**4.32. ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan Fasal 11(3). Seksyen ini tidaklah terpakai bagi kemudahan perumahan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) kerana saya bangkitkan hal ini tadi. Saya ada sebutkan bahawa kawalan ke atas bahan-bahan seperti perumahan itu tidak cukup di dalam rang undang-undang ini dan kalau kita masukkan Fasal 11(3) dan bidang itu

disempitkan lagi apakah rasionalnya untuk mengadakan Fasal 11(3) ini sebab kita sama-sama hendak melindungi pembeli rumah?

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, yang sebenarnya kemasukan Kementerian Perumahan ini berlaku dalam masa yang cukup singkat. Pada mulanya kementerian ini memang tidak mahu masuk campur langsung dalam penglibatan akta ini tetapi di akhir-akhir dalam masa satu bulankah, maka Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah berbincang dengan saya dan cuba untuk memasukkan beberapa perkara yang perlu untuk menangani masalah-masalah penipuan yang berlaku di antara pembeli dengan pihak pemaju perumahan. Jadi, dengan sebab itu tentulah banyak lagi perkara-perkara yang belum kita senaraikan untuk kita tokok-tambah. Insyallah, dengan lulusnya akta ini kita akan duduk kembali berbincang apa yang patut kita tambah, apa yang patut kita senaraikan agar ia merupakan satu akta yang lebih berkesan untuk pengguna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, penjelasan. Mengenai Fasal 19(4). “Jika tiada standard keselamatan telah ditetapkan di bawah subseksyen (1), orang yang membekalkan atau menawarkan untuk membekalkan barang atau perkhidmatan hendaklah menerima pakai dan mematuhi standard keselamatan yang munasabah yang dijangkakan oleh pengguna yang munasabah, dengan mengambil kira jenis barang atau perkhidmatan yang berkenaan”. Ini “reasonable” dalam bidang pengguna apakah yang dianggap ‘reasonable’? Siapakah yang menetapkan ‘reasonable’? Memang ada kriteria yang tertentu. Saya faham di dalam bidang undang-undang pun ‘munasabah’ atau ‘reasonable’ digunakan tetapi di dalam bidang pengguna, bolehkah kita masih menggunakannya, mungkin perkataan yang lebih tepat digunakan ataupun mengikut sesuatu kriteria.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, oleh kerana yang sebenarnya kita mengkaji akta-akta yang wujud di negara-negara lain terutama di Uganda, the latest one, yang telah pun menggunakan ayat-ayat

sedemikian rupa tetapi saya sendiri akan diberi nasihat oleh pakar-pakar yang tertentu yang berada di dalam Majlis yang mana kita fikirkan dengan kewibawaan mereka, pengalaman mereka, dapat kita menentukan taraf minimum kemunasabahan sesuatu benda itu untuk dipergunakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Teluk Intan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, bolehklah saya merujuk kepada Fasal 17. Sebelum ini Yang Berhormat Menteri mengatakan mengenai slimming programme dan mengatakan bahawa, kalau saya tidak silap, Fasal 17 menyelesaikan masalah ini dengan saksama, bayaran balik ini adalah bagi jumlah kelas yang tidak dihadiri sekiranya pengguna itu mengambil keputusan untuk membatalkan kontrak perkhidmatan tersebut. Saya bersetuju setakat itu tetapi kalau kita tengok Fasal tersebut 17(2)(a) apa maknanya “Lima peratus daripada harga penuh kontrak”, adakah ia akan dirampas kerana ada sedikit kesalahan di sana, kalau kita baca “Lima peratus daripada harga penuh kontrak” dan perkataan “atau” atau “dan” tidak ada di sana kerana selepas itu kalau kita tengok (b) atau (c) memberi pilihan kepada pengguna atau “atau” tetapi untuk (a) tidak ada. Jadi, kalau ini adalah betul-betul yang diniatkan oleh pihak berkenaan, maka memberi satu situasi di mana pengguna-pengguna sekarang terpaksa membayar lima peratus oleh kerana akta ini yang sepatutnya melindungi pengguna, adakah itu hasrat (intention) undang-undang ini?

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Terima kasih. Seperti mana yang saya nyatakan, katalah seseorang suri rumah mengambil slimming course untuk 12 bulan – hendak kurus ini, lepas 4 bulan dia tidak kurus tetapi gemuk jadi, she wants to stop, ada another 8 months. Dulu, kalau dia berhenti, habis duit itu, satu sen pun dia tidak boleh dapat tetapi hari ini dia boleh claim hak apabila dia hanya akan bayar lima peratus kepada operator, 5% of the amount to the operator, others dia boleh ambil balik. Dulu satu sen pun tidak dapat.

Jadi, ini kita memberi keuntungan yang lebih banyak kepada pengguna tetapi tidaklah sampai kita tidak memberi apa sedikit pun kepada syarikat yang

mengendalikan slimming course itu. Jadi, saya ingat itu adalah berpatutan. Kalau dahulu tidak ada peluang langsung, you have to forget all the thing you.....you berhenti, habis! Tetapi di sini you just give lima peratus sahaja daripada keseluruhan kontrak, yang lain itu syarikat itu terpaksa bayar balik kepada pengguna.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi. Jadi, maksudnya macam ini kalau 'all future contracts' hanya rampas 5%, baki 90% akan diberi oleh kerana ada perlindungan mengikut Fasal 17. Itulah maksudnya, betul?

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya rasa 'its very simple'. Kalau empat bulan itu, katakanlah dia sudah belanja RM10,000 dia punya kos kursus for twelve months. Kalau four months, approximately, dengan izin, katalah RM4,000 tinggal RM6,000. 5% daripada RM10,000 is berapa ni – saya matematik pun tidak berapa – kalau 10% - RM1,000; 5% - RM500. Jadi, kalau RM500 daripada RM6,000 baki itu hanya diberi kepada pembekal, bermakna pengguna akan dapat RM5,400 yang dahulu dia tidak pernah mimpi hendak dapat. Adakah ini satu yang tidak adil. Itu sahaja yang saya ingin jelaskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, ada lagi?

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan, sebelum ini saya dengar hingga Fasal 25. Adakah pindaan saya ....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, belum sampai ke Fasal 25 lagi.

**Tuan M. Kulasegaran:** Baik, baik.

**Fasal 1 hingga 24** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 25** – [Pindaan daripada Y.B bagi Teluk Intan]

**4.42 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya telah membawa satu pindaan, sebenarnya saya telah membawa 48 pindaan

akan tetapi 10% yang saya dapat di atas kertas ini yang bakinya telah ditolak atas sebab-sebab yang tertentu. Walhal yang sedemikian, mengenai Fasal 25(1)(a), kalau kita betul-betul meneliti ini ia adalah untuk memberi satu lesson kepada pihak yang disabitkan kesalahan dan saya cadangkan bahawa “two hundred and fifty” digantikan dengan “five hundred”. Dan saya mengatakan sedemikian kerana sabitan-sabitan ini adalah satu fine yang patut kena kepada syarikat-syarikat yang lebih-lebih lagi membawa barang-barang dari luar negeri. Oleh kerana mereka ini semuanya berkemampuan dan jika kita tidak mengambil satu tindakan yang tegas mengenai perkara ini ‘safety standards’ akan dikompromi, maka apa yang dikatakan untuk mengelakkan perkara-perkara yang ‘sub standards’ dan ‘hazardous’ dibuang ke negara Malaysia ini, maka, saya cadangkan ialah denda dinaikkan daripada RM250 ribu ke RM500 ribu, pertama.

Kedua, adalah untuk RM500 ribu ke RM750 ribu dan asas saya adalah seperti yang saya katakan sebelum ini bahawa kita perlu memberi satu penekanan yang serius mengenai perkara ini dan mengambil tindakan yang tegas kepada syarikat-syarikat yang menyeleweng atau mengambil pengguna-pengguna dengan sesuka hati mereka.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah pun dibentangkan tadi terbuka untuk dibahas sekarang. Pokok Sena.

**4.44 ptg.**

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya membangkang cadangan ini oleh sebab nampak sangat parti pembangkang terutama sekali Yang Berhormat bagi Teluk Intan, kalau kita bubuh RM250 ribu, dia cadangkan RM500 ribu, kalau kita bubuh RM500 ribu, dia cadangkan RM750 ribu; kalau kita bubuh RM1 juta, dia cadangkan RM2 juta. Nampak sangat dia hendak tunjuk kata kita punya ini not perfect, dengan izin. Dia hendak supaya kita mesti pinda sebab saya tahu kementerian ini sebelum meletakkan RM250 ribu telah mengkaji semua aspek, dengan izin. Ini cuma

hendak menunjuk kata kita ini tidak perfect lagi. Dia hendak cadangkan supaya kita mesti pinda ikut kehendaknya.

Jadi, saya membangkang kesemua sekali cadangan dari Teluk Intan sekali gus [*Disampuk*]. Saya minta Tuan Pengerusi undi sahaja. Terima kasih.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Saya ingat untuk memendekkan masa saya merasakan penalti ini adalah wajar buat masa ini kerana penalti ini selaras dengan penalti dalam akta-akta lain yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, sebenarnya Datuk Menteri tadi sudah jawab.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Itulah saya katakan tadi. Sepatutnya Tuan Pengerusi, kena beri saya bangun tadi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak sempat hendak cakap pun.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Sebab saya tadi bangun berdua. [*Disampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Yang Berhormat tidak apa. Sudah jawab tadi.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Ya.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sudah jawab.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Diundi sekarang.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, tidak ada penggulungan. Tidak ada.

**Tuan M. Kulasegaran:** [*Menyampuk*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis:** Kalau dia hendak gulung, saya hendak cakap.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya sudah buat. Saya sebenarnya sudah maklumkan kepada Dewan yang mulia ini tempoh hari. Ini bukannya... Yang Berhormat tidak ertikah?

**Tuan M. Kulasegaran:** .....mengatakan saya tadi ada hak untuk menggulung. *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 25** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 26 hingga 30** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 31** – [Pindaan oleh Y.B bagi Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya bangkit untuk membawa pindaan kepada Seksyen 31(2) kerana kalau kita baca .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kurungan dua, bukan 'karungan'. Kurungan dua.

**Tuan M. Kulasegaran:** Kurungan dua. Subseksyen 2. Tuan Pengerusi, saya cadangkan sedemikian kerana yang sedia ada adalah bahawa secara lisan "orally" perkara ini dapat diberitahu dan ini adalah satu perkara yang akan selalu dipertikaikan di mahkamah dan lebih-lebih lagi di Tribunal, maka saya mengatakan bahawa ia perlulah dibuat secara bertulis "in writing" bahawa menulis akan membawa satu kepastian bahawa tidak akan ada penyelewengan kerana kerap kali kita tahu bahawa pengguna di negara ini, apabila kita membeli apa-apa barang, pihak-pihak penjual sangat senang untuk mendapat tandatangan kita. Lebih-lebih lagi kalau ia adalah secara lisan.

Jadi, hujah saya adalah bahawa ia perlu ditukar supaya ia melalui tulisan.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** *[Bangun]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat belum lagi.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Belum, kerana saya hendak pendekkan masa. Saya kasihan tengok Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat... *[Disampuk]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentang terbuka untuk dibahas sekarang.

*[Tiada perbahasan]*

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya memikirkan bahawa secara lisan sudah mencukupi. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi telah diambil kira dalam Seksyen 31(3). Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujukan.

**Fasal 31** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 32 hingga 35 -**

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat meneliti dengan jaminan tersirat mengenai kualiti boleh diterima? Seksyen 32(b) "*Seseorang pengguna yang munasabah dan tahu sepenuhnya tentang sifat dan keadaan barang itu termasuk apa-apa kecacatan yang tersembunyi akan menganggap barang itu sebagai dapat diterima dan sebagainya*". Bolehkah Yang Berhormat cuba bayangkan macam mana si pengguna itu yang tahu sepenuhnya tentang sifat dan keadaan barang itu kalau dia tahu, dia tidak akan beli. *[Ketawa]* Kalau dia tahu, dia tidak akan beli. Sebab dia tidak tahu tentang sifat dan keadaan barang itu, maka dia beli. Itulah, mungkin ini mesti dipinda pada suatu hari kelak. *[Ketawa]*

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, kadang-kadang ada orang dia tahu, dia beli [*Ketawa*] Dia tahu 'it is a rejected good,' dengan izin.

Di Taman Melawati ada satu pasar semuanya barang terpakai. 'Booking before hand' untuk beli. Maksudnya, belum sampai benda itu di pasar, orang sudah 'book' – itu benda terpakai. Jadi, ada setengah orang, dia tahu benda itu sudah terpakai, benda itu factory rejected, dengan izin, tetapi dia beli. Macam ini tidak bolehlah kita hendak – dia sudah tahu benda itu macam it, tiba-tiba dia hendak bawa ke tribunal, tidak bolehlah, kecuali benda-benda yang diakui tidak rosak, tidak catat, bukannya 'industry rejected' tetapi penjual tipu pembeli, pengguna. Itu kita boleh ambil tindakan.

Jadi, jangan kata ada – setengah orang itu dia janda, dia kahwin juga. [*Ketawa*] Betul tak? Although she was rejected by somebody. So, tidak ada hal. Jadi, jangan fikir bahawa benda-benda yang serupa itu orang tahu, dia tidak beli, dia beli.

**Fasal 32 hingga 35** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 36** – [Pindaan oleh Y.B bagi Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, .....

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, Point of Order.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, yang ke berapa?

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** 57(4)(b)(c), secara sekali gus Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sila.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Baik.

Tuan Pengerusi, pertama. Saya menghujahkan bahawa cadangan pindaan Fasal 36(2) dan 37(1) secara sekali gus, ianya adalah bercanggah dengan peruntukan Fasal 57(4) berbunyi – saya mahu menyebut satu-persatu. "*Pengerusi boleh enggan mengemukakan sesuatu pindaan itu kepada mesyuarat jika pada*

*fikirannya pindaan itu akan menjadi fasal atau tujuan yang hendak dipinda itu tidak terang maknanya atau salah jalan bahasanya”,.*

Tuan Pengerusi, (a) dahulu khususnya berhubung dengan pindaan 36(2), semua notis pindaan ini diberikan dalam Bahasa Malaysia dan dicadangkan hanya versi dalam bahasa Inggeris, sedangkan naskah sahnya adalah dalam Bahasa Malaysia. Tanpa meminda peruntukan naskah sah dalam Bahasa Malaysia menjadikan bahawa kedua-dua rang undang-undang ini bercanggah iaitu versi bahasa Inggeris dipinda kemudian Bahasa Malaysia tidak dipinda. Saya terima notis dalam bahasa Inggeris, ini bercanggah, kedua-dua akta ini akan bercanggah sekali gus dan ianya akan menjadi salah dari segi jalan bahasanya dan menjadi suatu exercise yang sia-sia.

Tuan Pengerusi, seterusnya Fasal 36(2) ini bercanggah juga dengan Fasal 57- Peraturan Dewan Fasal 57(c). Iaitu jadi seakan-akan suatu cadangan hendak meninggalkan semua sekali isi sesuatu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat baru. Nampaknya cadangan kepada pindaan Fasal 36(2) ini iaitu untuk memasukkan ‘reject goods’ dan menambahkan pula syarat baru “obtain a full refund of money paid”. Ini adalah satu syarat baru dan dua daripada cadangan apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri. Jadi, dengan kata lain cadangan pindaan di bawah Perkara 36(2) ini menambahkan satu fasal dengan tujuan hendak memasukkan syarat-syarat lain.

Jadi, syarat-syarat lain yang dicadangkan di sini iaitu “or reject the goods and obtain a full refund of money paid” sedangkan dalam cadangan asal ini tidak terdapat. Jadi, bermakna cadangan ini telah menambahkan satu syarat baru kepada cadangan asal Yang Berhormat Menteri dan ianya adalah bertentangan dengan Peraturan 57(c).

Tuan Pengerusi, kemudian Fasal 37 pula kalau ia diterima ianya menjadi salah dan pada gaya bahasanya adalah tidak tepat sama sekali sebab .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, belum sampai ke Fasal 37. *[Disampuk]*

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, saya bangkitkan ini kerana ini satu notis.....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya tahu tetapi yang ini kena ikut peraturan juga.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** ... dalam satu notis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sebab sekarang ini berada pada Fasal 36.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Ya. Kalau begitu saya hujahkan Fasal 36 dahulu, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Baik.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Saya sudah hujahkan tadi. Bercanggah atas dua alasan, Tuan Pengerusi. Iaitu (a) dan (c) kedua-duanya bercanggah di bawah Peraturan 57(a). Saya katakan tadi pada awalnya kita hanya terima notis dalam bahasa Inggeris tanpa meminda versi dalam Bahasa Kebangsaan. Sedangkan naskah sahah ialah dalam Bahasa Kebangsaan. Kalau peruntukan bahasa Inggeris ayatnya dipinda, naskah Bahasa Malaysia masih kekal.

Jadi, bermakna dalam bahasa Inggeris peruntukannya sudah dipinda, dalam Bahasa Malaysia tidak dipinda. Dua-dua ini tidak selari. Jadi, gaya bahasanya sudah 'totally out', itu alasan pertama.

Tuan Pengerusi, keduanya ia menambahkan satu syarat baru kerana ayat "or reject the goods .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, tidak payah ulang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Cukup jelas itu. Sebenarnya cadangan pindaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Teluk Intan itu cukup banyak. Bukan sekadar apa yang dibangkitkan di sini dan setelah ditapis dan diteliti, maka pindaan-pindaan yang tertentu sahaja yang dibenarkan termasuk

Fasal 36 ini dan ini pun saya ambil kira juga apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Machang tadi. Walaupun terdapat ketidaksempurnaan seperti mana yang dibangkitkan tetapi saya rasa perbahasan itu saya izinkan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Seperti yang saya beritahu sebelum ini saya telah membawa lebih kurang 49 pindaan tetapi telah ditapis. Mengenai 36(2) ini adalah berkaitan dalam erti kata implied guarantee as to price. Tetapi kalau kita tengok Fasal 36(1)(a) dan sebagainya tidak ada apa-apa yang membenarkan pengguna untuk dengan izin, 'or reject the good and obtain full refund of money paid.' Yang ini mustahak kerana memberi lebih perunding kepada pengguna-pengguna supaya walaupun implied guarantee itu yang ternyata di Fasal 36 tidak diikuti maka pengguna patut ada undang-undang untuk melindunginya supaya dia dapat reject dan dapat balik semua wang yang pengguna itu telah bayar. Akan tetapi undang-undang yang sedia ini tidak membenarkan sedemikian dan ini akan menyekat kebebasan seorang pengguna.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** [*Bangun*]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Saya belum buka lagi, Yang Berhormat. Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam kertas Pemberitahu yang telah dibentang terbuka untuk dibahas sekarang. Machang.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, pertamanya seperti yang saya katakan tadi bahawa pindaan ini patut ditolak oleh Dewan yang mulia ini. Yang Berhormat dari Teluk Intan telah menghantar satu notis di bawah Peraturan Mesyuarat 57(2) mencadangkan pindaan-pindaan. Tetapi malangnya Yang Berhormat ini menghantar notis tersebut pindaan supaya dibuat dalam naskah bahasa Inggeris. Sedangkan....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, mengenai 57(4) saya sudah beri notis dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Tuan Pengerusi, perkataan yang dipinda di situ "or reject the good obtain and full refunds paid" all in English,

semua dalam bahasa Inggeris. Ayat permulaan sahaja dibuat dalam bahasa Malaysia. Sepatutnya naskah sahih dalam Bahasa Kebangsaan. Kalau hendak buat pindaan mesti cadangan secara complete dalam Bahasa Kebangsaan dan translation dibuat dalam bahasa Inggeris. Itu pertama sekali kena faham sebab naskah sahih undang-undang ini.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang, Yan bangun.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Okay, terima kasih Machang. Saya hendak tahu Yang Berhormat ada pergi sekolah Melayu atau tidak?

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat hendak soal siapa?

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Saya hendak soal kepada Machang, kanen ke sana.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Tidak boleh, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Tidak boleh kanen. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat boleh tuju soalan kepada Machang, bukan kepada Teluk Intan.

**Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin:** Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa Teluk Intan tidak menghormati bahasa Malaysia dan kalau dia tidak menghormati dia tidak layak duduk di situ sebagai wakil rakyat, dia kena perbetul balik. Saya bersetuju dengan Machang bahawa pindaan ini patut ditolak oleh Dewan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Yang Berhormat, pertamanya rasa hendak daftar diri bahawa Yang Berhormat masuk Dewan ini. *[Ketawa]* Yang kedua, saya setuju. Supaya menjadi perhatian di masa-masa akan datang dan supaya peraturan-peraturan Dewan ini dan pendaulatan kepada bahasa Malaysia dipatuhi sepenuhnya, saya rasa perkara yang pertama patut dilakukan walaupun ayatnya memang bahasa Malaysia iaitu Fasal 25(1), batal perkataan ayat (two hundred and fifty) dan gantikan dengan ayat (five hundred). Bermaknanya versi dalam bahasa Inggeris sahaja yang dipinda. Malah bahasa Malaysia akan kekal.

Memang betul notis itu dalam bahasa Malaysia tetapi ayat-ayat di dalam seksyen yang dicadang dipindanya ialah versi dalam bahasa Inggeris, sedangkan termaktub dengan jelas naskhah sahah ialah Bahasa Kebangsaan. Lain kali Yang Berhormat dari Teluk Intan supaya menghormati naskhah.

Saya cadangkan di masa-masa akan datang, Tuan Pengerusi, supaya semua jika ada cadangan-cadangan pindaan diberi notis mengikut naskhah sahah. Kalau naskhah sahahnya dalam Bahasa Kebangsaan mesti dibuat dalam Bahasa Kebangsaan, kalau naskhah sahahnya dalam bahasa Inggeris ia dibuat dalam bahasa Inggeris. Tetapi translation boleh dibuat, kalau misalannya naskhah sahah dalam Bahasa Kebangsaan maka translation mesti dibuat dalam bahasa Inggeris. Itu yang pertama.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, bahawa perkara 36(2) ini tidak perlu dipinda kerana yang tidak patuh syarat di peringkat 36(1) ialah syarat-syarat tersirat. Kalau syarat tersirat maka untuk membayar lebih pada harga yang munasabah itu sahaja. Jadi, yang dicadangkan oleh “reject goods and obtain a full refund of money paid” ini sudah melampaui daripada peruntukan undang-undang tersebut. Sebab lainlah kalau ianya melanggar syarat terma asas (direct term) itu boleh memberi hak kepada dia untuk refund good atau reject good dan mendapat full refund money paid. Tetapi cadangan 36(1) ini berikutan dengan 36(2) seterusnya ialah mengenai implied term sahaja, tidak terma asas. Kalau pemecahan terma asas boleh, saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Teluk Intan boleh, memberi hak kepada dia untuk get the refund money paid. Tetapi kalau pemecahan syaratnya ialah syarat tersirat maka itu adalah sudah cukup memadai bagi pengguna kerana syarat tersirat ini ialah satu syarat yang tidak dinyatakan secara terus dalam kontrak penjualan barang-barang tersebut. Melainkan ianya ialah syarat asas. Kalau syarat asas saya bersetuju, wang yang dibayar mesti diambil balik, kemudian berhak menolak barang dan sebagainya. Tetapi kalau syarat tersirat ini sudah mencukupi. Sebab itu saya mencadangkan supaya cadangan daripada Teluk Intan ditolak, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, kementerian merasa ganti rugi untuk menuntut bayaran yang terlebih dibayar adalah wajar kerana pengguna telah menggunakan barang itu. Ganti rugi untuk full refund adalah tidak adil kepada pembekal kerana barang itu telah pun dipergunakan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 36** diperintah jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

### USUL

#### **WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu:

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai perbahasan kesemua urusan kerajaan di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dan selepas itu Majlis akan ditangguhkan pada satu tarikh yang tidak ditetapkan.”

**Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Fasal 37 –**

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bahaskan Fasal 37 iaitu mengenai implied guarantee as to repair spare part. Kita kerap kali dapat aduan di mana orang-orang membeli barang-barang yang import dari luar negeri tetapi bila mereka membuat perniagaan dan sebagainya yang adalah dalam rang undang-undang ini mengatakan ada reasonable period. Itu adalah satu masalah. Kita perlu ada satu masa yang tetap di mana syarikat-syarikat atau individu-individu yang ingin berniaga itu memastikan supaya spare part mereka ada sekurang-kurangnya satu tahun sebelum mereka mula beroperasi, itu cadangan saya. Ini adalah kerana kerap kali beberapa perniagaan atau individu-individu selepas berniaga berpendapat bahawa tidak boleh untung lalu tutup perniagaan mereka atau muflis dan sebagainya dalam tempoh beberapa bulan selepas sesuatu barang dibeli macam kereta-kereta mewah dari luar negeri atau lain-lain benda yang ada di negara ini.

Yang menjadi masalah di sini adalah supaya kita ada compulsory requirement, dengan izin, satu tahun supaya pihak pengguna akan tahu bahawa bila dia membeli satu benda sekurang-kurangnya satu tahun selepas benda itu dibeli dia akan sekurang-kurangnya akan dapat spare part dan sebagainya dan syarikat yang membekalnya tidak dapat melepas dari negara ini. Ini adalah supaya kerajaan sendiri dapat meneruskan supaya membekal atau mengarahkan mereka membekalkan spare part seperti itu kepada pengguna-pengguna. Tetapi undang-undang yang sedia sekarang tidak ada apa-apa protection, dengan izin, kepada pengguna-pengguna kerana kalau mereka menjalankan perniagaan pada hari ini, esok mereka boleh tutup dan lari. Saya cadangkan satu tahun adalah kerana after sale service sekurang-kurangnya satu tahun mereka patut ada. Barulah ada makna dan lebih protection kepada pengguna-pengguna.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan terbuka untuk dibahas.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin memberikan pandangan saya bahawa Seksyen 37(1) ini tidak perlu kita pinda kerana dia beritahu barang import ataupun buatan tempatan ini ialah barang ganti. Selalunya bila kita beli barang pihak kedai akan beritahu kita “encik mahu barang apa, mahu originalkah atau local? Kalau original saya garanti satu tahun, kalau local dua-tiga bulan tetapi harganya berbeza.”

Jadi, sudah tentu kita tidak boleh ‘fix’kan kerana barang import selalu lebih mahal dan tempohnya makin panjang. Barang local memang dia beritahu ini local, ini original. Apa-apa kereta, Mercedes dan sebagainya dia akan beritahu “mahu Jerman atau Malaysia punyakah, mahu Hong Kong atau Taiwan punyakah?” Jadi, kalau kita sama barangan tempatan dengan import bagi minimum satu tahun saya rasa ini tidak adil bagi pengeluaran. Sebab-sebab kita selalunya sudah diberitahu terlebih dahulu. Jadi, saya rasa cadangan ini memang tidak munasabah dan versi asalnya lebih munasabah, biar kita ada time yang flexible dengan perkataan ‘satu masa yang munasabah.’ Jadi, saya tidak setuju untuk pindaan kepada cadangan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang.

**5.10 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Tuan Pengerusi, ada dua pindaan yang dicadangkan di dalam Seksyen 36(1). Satunya ialah dengan ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Membuangkan perkataan reasonable ...

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, 37.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sorry, 37(1), satunya ialah dengan membuang perkataan “action”, buang “reasonable action” digantikan dengan “action”. Cuba kita membaca Tuan Pengerusi, versinya kalau kita buang perkataan “reasonable” gantikan dengan “action”, “...a guarantee that the manufacturer and the supplier will take action”. Apa action yang harus diambil,

action macam mana? Apabila kita memasukkan perkataan “reasonable” iaitu suatu tindakan (action) yang munasabah, kita tidak boleh meletakkan beban yang tinggi kepada pengeluar sebab kadang-kadang ada tindakan ataupun perbuatan-perbuatan yang di luar daripada kawalan pengeluar. Kawalan pihak ketiga misalannya, yang di luar daripada kawalan penjual.

Jadi, kalau kita meletakkan tindakan (action), tindakan yang bagaimana yang harus diambil. Kita masukkan perkataan “reasonable” dengan demikian, apa makna reasonable yang akan diputuskan oleh Tribunal kemudian, memberi ruang kepada Tribunal. Tetapi kalau kita tidak masukkan perkataan “reasonable”, hanya kepada “action”, ini akan menjadi ruang kepada Tribunal untuk memutuskan kes ini menjadi lebih sempit. Tetapi kalau kita masukkan perkataan “reasonable”, ianya menjadi lebih munasabah.

Tuan Pengerusi, kemudian “reasonable period”. Ini pun pada asasnya adalah perkara yang sama iaitu reasonable period dengan memasukkan perkataan, “minimum one year”. Bagaimana kita boleh mengenakan syarat kepada pengeluar untuk menentukan bahawa spare part akan dapat dibekalkan dalam masa satu tahun akan datang sebab pembekalan spare part dibuat oleh pihak ketiga. Dengan lain perkataan, kalau kita masukkan perkataan ini “reasonable period” perkataan satu tahun, beban ke atas pengeluar, apa kata kalau kecuaiannya itu atau perbuatan kegagalan membekalkan spare part itu dilakukan oleh pihak ketiga, tentulah di luar kawalan beliau. Sebab itu saya cadangkan dan saya berpendapat bahawa kedua-dua cadangan ini tidak harus diterima oleh Dewan ini. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Pokok Sena, selepas itu Yang Berhormat Menteri menjawab.

**5.13 ptg.**

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman [Pokok Sena]:** Tuan Pengerusi, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat dari Teluk Intan. Sekiranya dalam akta ini tertulis, “the supplier will take action to ensure that

facilities for the repair of the goods...”, tidak mahu “reasonable”. Ia akan mencadangkan supaya kita bubuh “reasonable”. Jika sekiranya di dalam ini ada .....

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat tidak boleh membuat andaian.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Tidak. Kalau sekiranya dalam Akta ini tidak ada perkataan “reasonable”, beliau akan mencadangkan supaya kita letak perkataan “reasonable”. Ia akan membuat seperti ini juga, sila tambah “reasonable action”. Tetapi sekarang ini sudah ada, ia suruh kita membuang. Selepas itu soal “reasonable period”. Jika sekiranya Yang Berhormat Datuk Menteri bubuh “satu tahun”, ia akan mempersoalkan, kenapa satu tahun, kenapa tidak diletakkan “reasonable period”. Inilah Teluk Intan, saya membangkang. *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat Menteri.

**5.15 ptg**

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob]** Tuan Pengerusi, oleh kerana ramai Ahli Yang Berhormat melibatkan diri di dalam perbahasan ini, biarlah Majlis ini menentukan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 37** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 38 hingga 73** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 74** –[ Pindaan oleh Y. B. bagi Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya berdiri untuk membuat pindaan pada Fasal 74(1)(b) iaitu, tambah perkataan dengan izin, “of which at least one third of members shall be women”.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan sedemikian tetapi sebelum ini menteri berkenaan telah memberi satu guarantee bahawa beliau akan mengiktiraf keperluan bahawa perlunya lebih ahli perempuan (women) dalam situasi ini. Kalau sedemikian saya tidak apa-apa hujah, adakah itu benar?

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tidak akan saya menjawab bohong pula?

**Tuan M. Kulasegaran:** Kalau betul, mungkin saya silap mendengar. Kalau betul saya mengatakan ini dan saya tidak ingin menambah dengan apa yang saya hujahkan.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahas. Tanjung Karang.

**5.17 ptg.**

**Tuan Haji Noh bin Omar [Tanjung Karang]:** Terima kasih. Walaupun Yang Berhormat Datuk Menteri telah memberi jaminan akan meletakkan wakil wanita dalam Tribunal ini tetapi yang saya hendak bangkitkan isu sepatutnya tidak boleh ditimbulkan. DAP apabila bercakap mengenai hak asasi, dia cukup hebat. Sekarang ini sudah ada sex discrimination, mana boleh awak kata lelaki, perempuan, membeza-bezakan antara lelaki dan perempuan seolah-olah kerajaan tidak adil kepada wanita. Sedangkan Kerajaan Barisan Nasional, kerajaan yang adil, kita tahu di mana hendak meletakkan wanita dan di mana hendak meletakkan lelaki.

Jadi, ini semuanya publisiti murah sebab seolah-olah nanti harapannya supaya semua wanita menyokong DAP. Kita berharap lain kali jangan ada satu cadangan yang buyers kepada mana-mana jantina. Dengan ini saya memang tidak setuju cadangan-cadangan yang cuba drag sex discrimination ini dibentangkan ataupun dicadangkan supaya pindaan ini dibuat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Machang.

**5.18 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed [Machang]:** Saya juga tidak bersetuju bahawa pindaan ini dibuat kepada pindaan 74 asal, yang menyebut, “*The Council shall consist of the following members: (b) not more than sixteen other person to represent the interests of consumers, manufacturers, suppliers other non-governmental organizations and academician*”.

Pindaan 74 asal tidak menyebut sesiapa, boleh juga dilantik daripada perempuan, boleh melantik semua perempuan, boleh tidak mengapa. Mengapa kita ‘limit’kan kepada 13 mengikut cadangan yang dibuat, at least one third. One third daripada jumlah members kepada perempuan. Mengapa kita harus ‘limit’kan kalau ada perempuan yang lebih berkemampuan, yang mewakili consumers, manufacturers, suppliers, tiba-tiba didapati semua perempuan layak, maka beri perempuan kesemuanya. Mengapa beri kepada satu pertiga?

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** [Bangun]

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ini, Pokok Sena bangun.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta Penjelasan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Sila.

**Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:** Minta penjelasan, Tuan Pengerusi. Sejak bila Yang Berhormat dari Teluk Intan hendak menjadi hero perempuan sebab dalam parti beliau tidak ada seorang pun perempuan.

**Dato' Haji Sukri bin Haji Mohamed:** Terima kasih, Tuan Pengerusi, sebab memang DAP selalu bercanggah dengan PAS. Apabila PAS menentang perempuan, tidak mahu melayakan perempuan, dia mesti sokong hendak naikkan perempuan sebab memang ia selalu bercanggah. Pendirian pun tidak betul, kalau PAS berkata hendak mengketepikan taraf wanita iaitu orang cantik tidak boleh bekerja di pejabat kerana dia selalu bertentangan di antara PAS dengan DAP. Maka dia sekarang ini champion pula, DAP champion perempuan. Hendak balance Tuan Pengerusi, cari modal politik sebenarnya.

Tuan Pengerusi, sebab itu saya katakan tadi dalam cadangan 74(1)(b) asal, tidak menyebut perempuan atau lelaki, asalkan dia boleh mewakili kumpulan-

kumpulan consumers, manufacturers, suppliers, non-governmental, organizations, NGO pun termasuk. Ini tidak menghalang menteri untuk melantik one third ataupun satu pertiga (1/3) kepada orang perempuan. Mengapa kita mengehendkan kepada satu pertiga. Ssatu pertiga daripada jumlah yang telah disebutkan ini Tuan Pengerusi, mengehendkan partisipasi wanita sebenarnya. Kalau boleh semuanya layak maka tidak ada sebab mengapa perempuan tidak boleh.

Ini sekali lagi, nampak dari aspek ini sama pula dengan PAS tetapi tujuan asal tadi nampak bercanggah sebab itu dia selalu bercanggah. Jadi, saya tidak percaya bahawa dengan melibatkan, at least one third members shall be women ini, dengan kata lain menyempitkan partisipasi wanita di dalam Tribunal ini Tuan Pengerusi. Dengan sebab ini ia mesti ditolak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Kepong.

**5.20 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Pengerusi, Machang dan 'Pokok Angsana' dan juga Tanjong Karang itu tidak boleh baca bahasa langsung. Which at least one third, ini bermakna kalau 100% wanita pun kita tidak mempertikaikan. 100% wanita pun boleh ini. Kita cuma memberitahu kepada Yang Berhormat menteri, jangan kita pilih lelaki sahaja dan kalau tidak silap saya kalau kita lihat semua majlis dan juga tribunal itu, berapakah bilangan wanita sekarang ini, di semua tribunal kita. Hampir semua 100% lelaki, itu amalan. Amalan kerajaan sekarang, 'Pokok Angsana' pun tahu, di Kedah berapa ramai wanita menjadi Ahli Jawatankuasa Tribunal ataupun majlis. Begitu juga di Tanjong Karang.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** [*Bangun*].

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ya, Tanjong Karang bangun, ya dia bangun.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Sama ada di dalam pelbagai jawatankuasa di Tanjong Karang, hampir 100% lelaki. Itulah masalah, jangan kita..., di dalam DAP itu kita sentiasa consistent. Saya berharap Yang Berhormat menteri mengambil pusing mengenai masalah ini supaya kita lihatlah keseimbangannya kelak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, dia sudah habis cakap.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Minta penjelasan, penjelasan sedikit Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Sudah habis cakap.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Sudah habis.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Tuan Pengerusi ini peringkat Jawatankuasa. Yang Berhormat bagi Kepong tadi menyatakan bahawa amalan sekarang tidak ramai. Tetapi kalau cadangan ini diterima, bagaimana kalau tidak ada orang perempuan yang layak, maka Tribunal tidak boleh tubuh....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Macam mana tidak ada pula.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Langsung tidak boleh tubuh Tuan Pengerusi, sebab itu, duduk dulu....

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat ini menindas apa wanita, dia menghina wanita.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat bagi Kepong, nanti dulu dia belum beri laluan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, ya.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed::** Iaitu 74(1) ini, ia telah meletakkan bahawa Ahli Tribunal mesti mewakili kumpulan-kumpulan tertentu. Dengan mengekalkan peruntukan asal Tuan Pengerusi kita memberi kebebasan, kalau ada perempuan ramai sampai 17 orang, pengerusi pun perempuan lantiklah 17 pun tidak apa, sebab 1 pengerusi dan 16 ahli, jadi 17. Tetapi kalau kita sempitkan hanya kepada 1/3 wanita, diskriminasi seolah-olah wanita hanya layak kepada 1/3, mengapa tidak boleh 20? 20 boleh lantik, pengerusi boleh lantik wanita, boleh dilantik. Baik, satu keadaan lagi bagaimana kalau cari-cari mewakili kumpulan ini, cari-cari tidak ada wanita.

**Seorang Ahli:** Mana boleh.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Tribunal tidak boleh berjalan maknanya, pasal tidak ada calon wanita yang layak misalannya, berlaku keadaan sedemikian, iaitu cari untuk mewakili kumpulan-kumpulan berikut, iaitu 16% to represent consumer kemudian mewakili manufacturers, supplier, ada NGO dan kemudahan academician, cari punya cari tidak ada wanita yang layak.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

**Tuan Haji Noh bin Omar:** Saya hendak minta penjelasan, Yang Berhormat saya ingat Yang Berhormat punya cadangan betul, sebab kalau PAS memerintah dengan DAP, kemungkinan Yang Berhormat cakap boleh jadi berlaku. Wanita tidak ada yang layak, sebab bila PAS memerintah, Yang Berhormat bersetuju atau tidak jikalau PAS memerintah, wanita-wanita yang cantik tidak boleh bekerja, lepas itu tidak boleh jadi calon. Jadi wanita ini didiskriminasikan oleh PAS. Jadi, mungkin Yang Berhormat punya cadangan kemungkinan boleh berlaku kalau PAS dengan DAP memerintah. Tetapi kalau Barisan memerintah kita garenti, wanita mesti layak dan boleh jadi calon.

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed:** Setuju, setuju.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, saya ingat dalam segi akta ini biarlah kekal sedemikian daripada segi pelaksanaannya, saya dengarlah suara daripada pihak-pihak yang bekehendakkan wanita. Bagilah peluang kepada saya untuk hendak memilih 1/3 kah 2/3 kah. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Datuk Ong Tee Keat]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 74** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

**Fasal 75 dan 76** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang

**Fasal 77** - [Pindaan oleh Y.B. bagi Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya baca apa yang tertulis untuk versi Inggeris dengan izin Fasal 77.(b) iaitu Revocation of appointment. “77.(b). *If he has become incapable of properly carrying out his duty as a member of the Council*”.

Tuan Pengerusi saya cadangkan bahawa pindaan ini batalkan ayat “properly” ini kerana kalau kita baca makna dia memberi sangat banyak kuasa kepada menteri mengambil tindakan dan juga merupakan satu subjective test bukan objective test dan dalam keadaan ini mengikut pandangan-pandangan yang saya telah terima dari beberapa organisasi saya pohon pembatalan ini dibenarkan.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera di dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentangkan sekarang ini terbuka untuk dibahasa.

*[Tiada perbahasan]*

**Datuk Seri Megad Junid bin Megad Ayob:** Tuan Pengerusi, perkataan ‘properly’ di dalam Fasal 77.(b) tidak menimbulkan masalah. Dengan adanya perkataan ini, ia lebih menjelaskan maksud peruntukan fasal itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan dalam Kertas Pemberitahu hendaklah dipersetujui.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

**Fasal 77** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 78 hingga 85** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 86** – [Pindaan oleh Y.B bagi Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, di Fasal 86(1)(b), adalah cadangan saya supaya 1/3 daripada komposisi ini adalah daripada golongan masyarakat wanita dan cadangan ini adalah yang sama dengan Fasal 74(1)(b), memandangkan Yang Berhormat Datuk Menteri mengatakan bahawa syor-syor

atau pandangan akan diambil kira, dalam keadaan ini itu sahajalah yang saya hendak hujahkan.

**Tuan Pengerusi:** Saya rasa perkara ini telah pun ditolak tadi Yang Berhormat. Jadi sekarang kita tidak boleh terimanyalah. Sudah ditolak tadi ya.

**Tuan M. Kulasegaran:** Bukan...

**Tuan Pengerusi:** Bukan, bukan. Tadi kita sudah bersetuju supaya tidak ada sebut wanita-wanita, ya. Jadi makna kata kita sekarang ini jika kita hendak sebut pula makna berlawananlah dengan apa yang kita telah bersetuju tadi. Jadi, oleh yang demikian saya tidak boleh kemukakan cadangan pindaan ini.

**Fasal 86** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 87 hingga 98** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

**Fasal 99** – [Pindaan oleh Y.B bagi Teluk Intan]

**Tuan M. Kulasegaran:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya membuat pindaan ini adalah supaya ia seimbang dengan undang-undang yang sedia ada di mana kuasa tindakan yang sedia ada dari segi civil law, adalah enam tahun tetapi di sini adalah satu undang-undang yang menyekat tempoh masa ini dari enam tahun ke tiga tahun. Jadi cadangan saya ialah kita ikut sahaja atau tertakluk kepada apa yang sedia ada dalam civil law di mana seseorang boleh membawa tindakan ke mana-mana mahkamah sesama dengan tribunal dalam tempoh enam tahun yang sedia ada.

Tuan Pengerusi, ini adalah sangat mustahak kerana ia adalah satu undang-undang yang luar biasa di mana ia mengatakan satu rang undang-undang untuk pengguna tetapi ia menyekat masa mereka bahawa kuasa tindakan, menunjukkan bahawa tiada realisticness, dalam situasi ini. Saya ingin menyatakan bahawa pindaan ini patut disetujui kerana ia adalah baik untuk pengguna dan seimbang dengan undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan sebagaimana yang tertera dalam Kertas Pemberitahu yang telah dibentang sekarang ini terbuka untuk dibahas. Ya, Machang.

**17.31 ptg.**

**Dato' Haji Sukri bin Mohamed [Machang]:** Tuan Pengerusi, dalam ucapan saya semasa membahaskan rang undang-undang ini memang saya setuju dalam peruntukan Akta Limitasi sekarang, tuntutan-tuntutan boleh dibawa dalam tempoh enam tahun tetapi dalam akta ini membataskan kepada tiga tahun.

Dalam Akta Limitasi dan tuntutan-tuntutan yang berikutnya adalah merupakan tuntutan-tuntutan yang melibatkan jumlah yang besar, Tuan Pengerusi, tuntutan, kemungkinan jutaan ringgit, ratusan ringgit dan telah saya katakan bahawa untuk membawa tuntutan sedemikian ianya memerlukan, untuk mendapatkan procuring evidence, mendapatkan saksi, laporan pakar, surveyor report dan sebagainya, memerlukan masa yang panjang, sebab boleh diberi kepada enam tahun tetapi dalam tuntutan-tuntutan ini yang melibatkan jumlah yang kecil, di mana kuasa tribunal pun hanya untuk memberi gantirugi tidak lebih RM10 ribu, ianya tidak memerlukan masa yang panjang, tidak perlu laporan doktor, laporan pakar dan laporan surveyor. Jadi, tiga tahun adalah munasabah, yang pertama.

Yang kedua pula Tuan Pengerusi, bahawa kalau kita membiarkan tuntutan-tuntutan kecil ini berlanjutan sampai enam tahun Tuan Pengerusi, tak kanlah patah tangan anak patung pun hendak tunggu enam tahun baru hendak bawa. Sepatutnya, kalau sayalah, setahun sudah patut dibawa sebab kita pergi beli barang di kedai, hendak tunggu enam tahun kemudian baru hendak bawa, tidak munasabah. Kalau kita rasa tidak puas hati, sebenarnya satu tahun cukup sebab tindakan ini perlu disegerakan. Kalau kita membatalkan pada enam tahun ianya melambat-lambatkan tuntutan. Tujuan akta sebenarnya ialah hendak mempercepatkan supaya tuntutan-tuntutan kecil oleh pengguna ini dapat diselesaikan dalam jangka masa yang cepat.

Kalau kita beri masa enam tahun pengguna akan mengambil masa, relax dahulu, tidak mengapalah - masa ada enam tahun lagi, aku bawa tahun yang kelimalah. Tetapi bila ada ini mempercepatkan, perbicaraanpun cepat, takut dia tidak bawa. Jadi sesuai tiga tahun seperti yang saya kata tadi. Secara peribadi, tiga tahun pun panjang. Satu tahun pun sudah cukup. Jadi, enam tahun lagi panjang, tidak boleh terima Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Menteri diminta jawab.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, kementerian merasakan tempoh tiga tahun untuk membawa tuntutan ke Tribunal adalah wajar. Jika tempoh dipanjangkan ke enam tahun kemungkinan resit-resit dan dokumen-dokumen membeli barang yang tidak berapa sangat itu akan hancur ataupun hilang. Itulah rasionalnya diberi tiga tahun.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi....

**Tuan Pengerusi:** ....Ya, ya...

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 99 juga, boleh saya ambil bahagian untuk membahaskan (3), satu tajuk yang lain, Fasal 99(3). Tadi pindaan kepada (2).

**Tuan Pengerusi:** Ya.

**Tuan Lim Hock Seng:** Sekarang (3).

**Tuan Pengerusi:** Ya, boleh.

**Tuan Lim Hock Seng:** Boleh?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila. Sila Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Tuan Pengerusi, Seksyen 99(3) berkata bahawa Tribunal tidak boleh melayan satu claim kerana injury atau death tetapi jikalau dirujuk kepada Seksyen 66 – damage atau kerosakan bererti kematian dan kecederaan diri, dia boleh layan.

**Tuan Pengerusi:** 99 berapa Yang Berhormat?

**Tuan Lim Hock Seng:** Seksyen 99(3), dia tidak boleh layan satu claim kerana mati atau cedera tetapi jikalau baca Seksyen 66 dalam rang undang-undang ini juga “kerusakan” ertinya...., di fourth paragraph.

**Tuan Pengerusi:** Ya, apa yang Yang Berhormat hendak bawa keluar?

**Tuan Lim Hock Seng:** Seksyen 99(3) berkata, Tribunal tidak boleh layan satu tuntutan kerana mati atau cedera tetapi Seksyen 66 – damage, ia bermakna personal injury, or any loss of or damage to the property. Means that damage means death or personal injury, dia boleh layan. Ada sedikit percanggahan pula.

**Tuan Pengerusi:** Dia kata liabiliti keluaran, Yang Berhormat.

**Tuan Lim Hock Seng:** Products liability, dia bukan keluar liabiliti, dianggap products liability. Keluaran dikata ‘products’, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, hendak minta penerangan, Yang Berhormat. Sila terangkan perkara ini.

**Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Pengerusi, Fasal 99(3) kuasa Tribunal memanglah tidak meliputi injury atau death. Fasal 26 – kerusakan termasuk injury atau death. Kerosakan bagi kes injury atau death, ia hendaklah dibawa ke mahkamah bukan kepada Tribunal.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa pindaan yang dicadangkan di dalam Kertas Pemberitahu hendaklah disetujukan.

Pindaan dikemuka bagi diputuskan dan tidak disetujukan.

**Fasal 99** diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang.

**Fasal 100** – [Pindaan oleh Y. B. bagi Teluk Intan]

**5.37 ptg.**

**Tuan M. Kulasegaran:** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk bahas mengenai Fasal 100(1) – menggantikan perkataan “sepuluh ribu ringgit” dengan “dua puluh lima ribu ringgit”. Sebenarnya, bila saya mula-mula membuat pindaan, jurisdiction Tribunal saya cadangkan dari sepuluh ribu ke dua puluh lima ribu. Itulah asas saya membuat supaya seimbang dengan semua di mana perkataan berbaca “sepuluh ribu” patut berbaca “dua puluh lima ribu” kerana

Tribunal pada masa ini hanya diberi kuasa sepuluh ribu, akan tetapi kuasa-kuasa magistrate adalah sehingga dua puluh lima ribu. Jadi, itu adalah pandangan, syor saya supaya kuasa ini ditinggikan dari sepuluh ribu ke dua puluh lima ribu.

Tuan Pengerusi, memandangkan cadangan saya (9) dan (10) yang sama, boleh saya ambil kedua-duanya dengan sekali gus.

**Tuan Pengerusi:** Ya, saya ingat .....

**Tuan M. Kulasegaran:** Because hujah-hujah yang sama.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, tadi berkenaan dengan keputusan sama ada boleh dinaikkan kepada dua puluh lima ribu ataupun sepuluh ribu itu telah pun diputuskan.

**Tuan M. Kulasegaran:** Tidak, itupun saya hairan, tidak dicadangkan langsung, telah ditapis terlampau banyak. Jadi, itu telah dipotong.

**Tuan Pengerusi:** Jadi, jikalau sekiranya yang tadi ini telah pun dipersetujui ....

**Tuan M. Kulasegaran:** Tak datang, tidak ada di Order Paper, telah ditapis maka ini adalah hujah-hujah saya.

**Tuan Pengerusi:** Jikalau sekiranya tadi telah pun dipersetujui dan barangkali ada tersilap di mana-mana cadangan Yang Berhormat itu tidak dibentangkan, jadi telah dipersetujui. Yang demikian sekarang ini kita tidak boleh pinda.

**Tuan M. Kulasegaran:** Terpulanglah Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, jadi tidak ada perbahasan dan tidak ada pindaan dalam perkara ini ya, Yang Berhormat.

**Fasal 100 dan 101** diperintahkan jadi sebahagian daripada undang-undang.

**Fasal 102 hingga 150** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

**RANG UNDANG-UNDANG PENJAGAAN BUDAK (PINDAAN) 1999****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****5.40 ptg**

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu rang undang-undang yang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjagaan Budak 1961 dibaca kali yang kedua sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1974 lagi, pelbagai pihak tertentu khususnya wakil pertubuhan-pertubuhan wanita telah berkali-kali membuat seruan supaya Akta Penjagaan Budak 1961 yang memberi hak penjagaan seseorang budak kepada bapanya dipinda untuk membolehkan ibunya juga diberi hak yang serupa. Hak penjagaan (guardianship) yang kekal pada bapa walaupun ada kalanya ibu mendapat hak pemeliharaan (custody), dengan izin, seringkali menimbulkan kesulitan terutamanya dalam urusan untuk mendapatkan pasport, kad pengenalan dan urusan pendaftaran persekolahan anak-anak.

Keadaan menjadi bertambah buruk sekiranya bapa enggan memberi kerjasama atau tidak mengambil berat tentang kebajikan anak-anak atau telah hilang tanpa dapat dikesan. Dalam hal yang sedemikian, ibu terpaksa ke mahkamah untuk mendapatkan penyelesaian apa-apa masalah dan setiap tuntutan dan permohonan yang dibuat itu sudah tentunya memerlukan masa dan melibatkan perbelanjaan. Masalah seumpama ini tidak ada penghujungnya selagi seorang ibu tidak diberi hak yang serupa sebagaimana yang diberikan kepada bapa oleh undang-undang yang ada sekarang.

Kerajaan prihatin dengan keresahan ibu-ibu yang terpaksa melalui pengalaman pahit sedemikian. Oleh itu, kerajaan telah mengkaji semula

peruntukan-peruntukan Akta Penjagaan Budak 1991 yang didapati membebankan ibu-ibu yang berkenaan dengan tujuan untuk menggantikan peruntukan-peruntukan itu dengan peruntukan-peruntukan yang dapat mengimbangi kepentingan semua pihak dengan adil dan saksama.

Sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan perlu bersikap berhati-hati dalam perkara ini demi memastikan bahawa kepentingan dan kebajikan budak yang terlibat tidak terjejas. Oleh sebab itulah masa yang agak lama telah diambil untuk mengkaji dan seterusnya menghasilkan rang undang-undang ini. Turut diberi perhatian oleh kerajaan dalam rang undang-undang ini ialah nasib budak-budak yang terbuang dan budak-budak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga. Melalui rang undang-undang ini, kebajikan budak-budak tersebut akan terurus dengan sepatutnya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang utama yang dicadangkan melalui pindaan ini ialah kepada Seksyen 5 yang merupakan pindaan yang selama ini dinanti-nantikan oleh banyak pihak, khususnya kaum ibu. Pemberian hak penjagaan yang sama kepada ibu sebagaimana yang diberikan kepada bapanya akan meredakan keresahan kaum ibu dan mengatasi banyak kesulitan dan terpaksa dihadapi oleh ibu yang mendapat jagaan budak.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini juga mencadangkan pindaan kepada Seksyen 2 dengan memasukkan takrif 'pelindung' selaras dengan takrif yang terdapat dalam Akta Perlindungan Kanak-Kanak 1991.

Walaupun sebelum ini perkataan 'pelindung' ada digunakan dalam Seksyen 8, Akta Penjagaan Budak 1961, tetapi perkataan ini kini menjadi perlu ditakrifkan ekoran peranan seorang pelindung di bawah seksyen baru 8A yang dicadangkan dimasukkan ke dalam akta ini.

Pindaan kepada Seksyen 5 yang disebutkan awal tadi memerlukan pindaan berbangkit dibuat kepada Seksyen 6.

Selain itu, pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 6 juga akan memberi mahkamah kuasa untuk melantik penjaga seseorang budak jika ibu atau bapa

budak itu meninggal dunia tanpa melantik seorang penjaga budak itu, atau jika penjaga itu meninggal dunia, atau enggan bertindak sebagai seorang penjaga. Pindaan yang dicadangkan ini merangkumi ruang lingkup yang lebih luas daripada peruntukan yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang yang dicadangkan ini juga mencadangkan pindaan kepada Seksyen 7 untuk membolehkan bapa atau ibu seseorang budak melantik mana-mana orang sebagai penjaga budak itu selepas kematian bapa atau ibunya. Pindaan ini juga akan memastikan penjaga yang dilantik itu bertindak bersama dengan ibu atau bapa yang menakat. Sekiranya ibu atau bapa yang menakat itu membantah penjaga itu bertindak sedemikian, atau sekiranya penjaga itu berpendapat bahawa ibu atau bapa yang menakat itu tidak layak untuk mendapat penjagaan budak itu, maka melalui pindaan yang dicadangkan ini, penjaga itu boleh memohon kepada mahkamah dan mahkamah boleh membuat satu perintah berkenaan dengan penjagaan budak itu.

Pindaan kepada Seksyen 8 pula, antara lain merupakan pindaan yang berbangkit daripada pemansuhan Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1974 oleh Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991. Kemasukan seksyen baru 8A ke dalam rang undang-undang ini akan mengatasi masalah penjagaan seseorang budak terbuang atau budak yang tidak mempunyai ibu atau bapa atau penjaga. Seksyen baru ini akan membolehkan mahkamah melantik seorang pelindung sebagai penjaga sementara diri dan harta seseorang budak terbuang atau budak yang tidak mempunyai ibu, bapa atau penjaga. Pelindung hendaklah dilantik sedemikian sama ada atau tidak budak itu mempunyai ibu atau bapa pemeliharaan atau tinggal di tempat selamat, dengan izin, place of safety. Peruntukan yang dicadangkan ini juga menghendaki mahkamah menentukan takat kuasa dan kewajipan seorang penjaga sementara.

Pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 17 bertujuan menambah jumlah wang yang boleh digunakan bagi nafkah atau pendidikan seseorang budak oleh penjaganya tanpa perlu mendapatkan keizinan mahkamah iaitu daripada satu

jumlah yang tidak melebihi RM300 sebulan sebagaimana yang diperuntukkan sekarang kepada jumlah yang tidak melebihi RM1,000 sebulan. Jumlah ini difikirkan munasabah sesuai dengan keperluan dan keadaan semasa.

Rang undang-undang yang dicadangkan ini turut mencadangkan kemasukan dua lagi peruntukan baru iaitu seksyen baru 19A dan 19B. Melalui seksyen baru 19A ini, jika dua atau lebih daripada dua orang bertindak sebagai penjaga seseorang budak dan terdapat pertikaian antara mereka tentang apa-apa perkara yang menyentuh kebajikan budak itu, maka seorang daripada mereka boleh memohon kepada mahkamah untuk mendapatkan arahan

Di bawah seksyen baru 19B, jika satu perintah untuk mendapatkan nafkah seseorang budak telah dibuat terhadap mana-mana orang dan terdapat apa-apa pendapatan atau pencen yang kena dibayar kepada orang itu, mahkamah akan boleh memerintahkan supaya pendapatan atau pencen itu ditahan atau dibayar kepada orang yang dinamakan oleh mahkamah. Pindaan lain yang dicadangkan merupakan pindaan berbangkit, pindaan penggubalan dan pindaan yang kecil-kecil sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan melalui rang undang-undang ini adalah penting kerana pemberian hak penjagaan yang sama kepada ibu dan bapa seseorang budak adalah bertepatan dengan kehendak masa sekarang dalam konteks perubahan dalam institusi keluarga. Peruntukan yang dicadangkan mengenai perlantikan seseorang pelindung sebagai penjaga sementara budak-budak terbuang, umpamanya, tidak kurang pentingnya demi kebajikan dan masa depan budak-budak yang malang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Penjagaan Budak 1961 dibaca kali kedua terbuka untuk dibahas. Ya, Kepong.

**5.50 ptg.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil masa yang singkat. Kita memang mengalu-alukan pindaan ke atas Seksyen-seksyen 5 dan 6 Akta Penjagaan Budak. Kita pernah mencadangkan sedemikian pada 12 Mei 1996. Kita menyeru supaya kedua-dua ibu bapa diberi hak sama rata untuk penjagaan budak. Sekiranya seseorang bapa menjadi satu-satunya penjaga, pelindung seperti mana yang terdapat dalam akta asal, maka dengan faktor-faktor yang tertentu bapa tidak dapat dikesan, kesusahan atau penderitaan akan berlaku ke atas ibu atau anaknya.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya wanita DAP pernah meminta pindaan-pindaan ini selama lebih satu dekad dan pelbagai kempen sudah pun diadakan termasuk pada Hari Ibu 1996 kita ada kempen poskad seperti ini. Yang Berhormat pun sudah terima pada tahun 1996 dan selepas terima ini Yang Berhormat pun mengakui kita mesti pinda dan mengambil masa lebih tiga tahun sebelum rang undang-undang ini dibentangkan pada hari ini. Memang mengambil masa yang begitu panjang. Mungkin Yang Berhormat terpaksa berbincang dengan pelbagai pihak termasuk Pusat Islam dan sebagainya dan saya berharaplah pindaan akan diadakan kelak untuk ibu-ibu yang beragama Islam.

Walau bagaimanapun, saya pun takut tidak sempat untuk membangkitkan pindaan walaupun ada baiknya tetapi ada masalah juga semasa kita meneliti dengan terperinci rang undang-undang ini kita dapati tidak ada klausa yang memperlindungan daripada berlakunya penyalahgunaan peluang oleh si pelindung. Sebab itulah kita mengesyorkan supaya kerajaan mencegah daripada berlakunya penyalahgunaan hak untuk menjaga budak oleh seorang penjaga atau pelindung.

Di sini saya bacalah, saya takut tidak sempat untuk membacanya pindaan yang telah kita cadangkan iaitu pada Fasal 5 Seksyen 7(2)(aa) - Tambahkan “s” kepada perkataan “order” dan tambahkan “and remove the testamentary guardian” kerana kalau ‘testamentary guardian’ itu tidak begitu bertanggungjawab atau si ibu tidak ‘ngam’ dengan ‘testamentary guardian’ maka timbullah masalah.

Fasal 7(2)(cc) - Batalkan “.” selepas perkataan ‘infant’, dan tambahkan “under the supervision of the Court and remove the surviving parent as guardian”. Ini bermakna sesiapa pelindung yang tidak sesuai kita boleh melalui mahkamah menafikan hak untuknya dan dengan sedemikian kita ada satu pelindung yang benar-benar boleh menjaga budak tersebut.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, perkataan ‘sole’ itu pun sudah cukup - dalam 7(2)(cc).

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tetapi tidak ada .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggal satu sahaja, yang satu lagi itu mahkamah bolehlah buang.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Boleh buang tetapi tidak ada tersirat di dalamnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak payah ya. Walau bagaimanapun, saya ada pindaan lagi untuk Fasal 7, seksyen baru 8A(3). Batalkan “.” selepas perkataan “seksyen” dan tambahkan “safe and except subject to direction of the Court”.

Pindaan yang akhir sekali, Fasal 9 tambahan kepada Seksyen 19A(2).  
Tambahkan:-

“(d) to direct the guardian who has been awarded the sole custody of the infant together with periodical sums for the maintenance of the infant, shall be required to submit periodical report under statutory declaration to relevant Registrar of the High Court on the manner in which the infant is being maintained.”

Ini bermakna sesiapa sahaja, walaupun Tuan Yang di-Pertua, ada mengatakan bahawa di dalam undang-undang sekarang mahkamah boleh mengambil tindakan terhadap seseorang testamentary guardian kalau diperlukan. Walaupun demikian, sipelindung mesti bertanggungjawab, mesti ada accountability terhadap kanak-kanak tersebut. Yang saya maksudkan bahawa kita mesti ada pemantauan, mesti ada control untuk menjaga supaya pelindung tidak menyalahgunakan hak. Saya bagi satu contoh, kalau seorang anak itu berumur

lima tahun dan bapa atau ibunya tinggalkan harta-benda yang sangat besar dan sangat banyak, mahkamah sudah melantik seorang pelindung. Kita tidak boleh memastikan sipelindung ini akan berlaku adil ke atas harta budak tersebut. Tidak semestinya dia akan melakukan keadilan dengan cara yang tepat dan betul untuk menjaga kanak-kanak itu.

Oleh yang demikian, kita mencadangkan supaya pihak mahkamah dapat mengarahkan supaya pelindung ini benar-benar memberi laporan tahunan ataupun dari semasa ke semasa kepada Registrar the High Court bagaimana dia dapat menjaga budak yang berkenaan.

Inilah cadangan pindaan daripada pihak kita untuk menyempurnakan rang undang-undang ini. Kalau tidak boleh terima pindaan ini sekarang, mungkin pada masa hadapan pindaan akan diadakan untuk memastikan tidak berlakunya penyalahgunaan hak ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat tidak akan mengemukakan pindaan ini dalam Dewan ini?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kalau ada masa saya akan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Klang.

**5.59 ptg.**

**Dr. Tan Yee Kew [Klang]:** Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin ucapkan tahniah kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat atas usahanya untuk meminda Akta Penjagaan Budak 1961. Wanita MCA dan pertubuhan-pertubuhan wanita yang lain telah berkempen agar pindaan-pindaan ke atas akta ini dilakukan sejak tahun 1987, lebih awal daripada wanita DAP. Walaupun masa yang diambil lebih daripada 10 tahun untuk rang undang-undang pindaan ini dibentangkan di Parlimen hari ini, namun kami berasa gembira kerana telah berjaya menghasilkan.....

**Tuan M. Kulasegaran:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Klang, dia bangun hendak minta penjelasan.

**Dr. Tan Yee Kew:** Tidak ada masa.

**Tuan M. Kulasegaran:** Jangan cakap apa-apa mengenai DAPlah kalau tidak mahu bagi penjelasan. Saja buang-buang, cakap-cakap. No subsistence.

**Dr. Tan Yee Kew:** Walaupun masa yang diambil lebih daripada 10 tahun untuk rang undang-undang pindaan ini dibentangkan di Parlimen hari ini, namun kami berasa gembira kerana telah berjaya menghasilkan apa yang telah diusahakan iaitu hak penjagaan yang sama rata bagi seorang ibu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Sementara kita menerima pindaan yang dibentangkan hari ini, ada terdapat beberapa perkara yang kita rasakan memerlukan penjelasan lanjut. Umpamanya sesyen baru 8A yang berkata "Protector to be temporary guardian of abandoned infant".

Gelaran "abandoned infant" ini memerlukan definisi yang lebih sempurna. Adakah kanak-kanak terbuang ataupun abandoned infant ini bererti kanak-kanak atau bayi yang ditinggalkan di tepi jalan atau di hadapan rumah seseorang ataupun adalah ia juga bermaksud kanak-kanak yang ditinggalkan di bawah jagaan seorang saudara-mara ataupun pengasuh kanak-kanak dan di mana ibu bapa mereka ingin melawat mereka selalu atau ibu bapa yang tidak langsung memberi perbelanjaan ke atas penjagaan mereka.

Beberapa kes sebegini rupa juga pun diperkatakan di dalam akhbar baru-baru ini. Kanak-kanak berkenaan telah ditinggalkan dengan saudara-mara atau pengasuh kanak-kanan sejak kecil lagi, dan ibu bapa mereka tidak pernah kembali untuk mengambil mereka. Akibatnya kanak-kanak ini menghadapi banyak masalah tatkala mereka hendak didaftarkan di sekolah ataupun tatkala mereka hendak memohon mendapat kad pengenalan.

Akta Penjagaan harus menyediakan penyelesaian ke atas kanak-kanak ini dan juga kepada orang-orang yang menjaga mereka. Jika sekiranya kanak-kanak ini diabaikan oleh kedua ibu bapa mereka, bolehkah mereka memohon supaya dibenarkan menukar penjagaan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, akta ini juga tidak menyatakan mengenai penjagaan kanak-kanak di luar nikah. Adakah akta ini juga meliputi kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah? Memandangkan jumlah kanak-kanak yang dilahirkan di luar nikah semakin meningkat, akta ini harus memberi peruntukan yang jelas terhadap kanak-kanak ini. Umpamanya, adakah penjagaan harus diberi kepada ibu bapa kandung atau kepada ibu bapa yang membesarkan mereka. Saya harap Yang Berhormat Menteri menjelaskan perkara-perkara ini dan jika perlu membuat lagi pindaan-pindaan terhadap akta tersebut dan saya harap pindaan akta ini dapat dikuatkuasakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun-tahun yang lampau kita telah dapat melihat beberapa undang-undang berkenaan dengan diskriminasi jantina telah dipinda dan undang-undang baru yang memberi lebih baik perlindungan kepada wanita telah diluluskan. Umpamanya pada tahun 1994 enakmen yang baru iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga telah diluluskan dan pada tahun 1997 pindaan kepada Akta Pembahagian Harta 1958 dan sekarang dengan pindaan ke atas Akta Penjagaan Budak 1961. Pergerakan wanita di negara ini telahpun mara setapak lagi ke hadapan.

Kami menggesa agar pihak kementerian agar meneruskan usaha-usaha baiknya dalam meningkatkan status dan hak-hak wanita di negara ini. Kita harus ingat bahawa masih terdapat lagi undang-undang yang mendiskriminasikan wanita dan undang-undang ini perlu diubah agar aspirasi kaum wanita hari ini dapat ditonjolkan. Umpamanya, Akta Imigresen yang hanya membenarkan isteri-isteri yang terdiri daripada warganegara asing kepada warganegara Malaysia sahaja dibenarkan menjadi penduduk tetap. Manakala suami-suami warga negara asing tidak dibenarkan hak yang sama. Diskriminasi sedemikian harus disisihkan daripada akta ini tanpa melengah-lengahkan lagi.

Saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri akan bertindak ke atasnya dan saya berharap pindaan ke atas Akta Imigresen ini tidak akan mengambil masa

sepuluh tahun seperti pindaan akta yang dibentangkan petang ini. Dengan kata-kata ini saya mohon menyokong, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Bagan.

**6.05 ptg.**

**Tuan Lim Hock Seng [Bagan]:** Tuan Yang di-Pertua saya cuma hendak bertanya, pada masa sekarang jika seseorang ibu yang beranak di hospital apabila hendak mendaftar satu sijil beranak untuk bayinya, jururawat atau pegawai polis di balai polis akan bertanya di mana bapanya, dan jika tidak ada bapa mereka tidak akan mengizinkan untuk didaftarkan, bagaimana hendak menyelesaikan masalah ini? Juga terdapat satu pasangan suami isteri, jikalau sudah melahirkan seorang bayi dan kalau hendak membuat sijil beranak mereka pun akan ditanya satu soalan adakah mendaftar perkahwinan dan jikalau tidak ada, tidak boleh mendaftar. Jadi inilah dua masalah – satu, husband and wife pergi tetapi perkahwinan mereka tidak didaftar mereka tidak dapat diberi sijil beranak untuk anaknya. Satu lagi, ada ibu tetapi tidak ada bapa iaitu luar nikah atau suami sudah lari atau apa-apa, tetapi tidak dapat cari juga. Itu sahaja dua soalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Teluk Intan.

**6.07 ptg.**

**M. Kulasegaran [Teluk Intan]:** Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar ada beberapa orang yang telah memeluk agama lain, adakah mereka tertakluk kepada undang-undang ini kerana apakah akan terjadi kepada anak-anak mereka? Macam seminggu yang lepas seorang telah memeluk agama Islam dan anak-anak itu telah dikatakan juga memeluk agama Islam akan tetapi emaknya memohon kepada mahkamah dan perkara ini bukan sahaja spesifik kepada ini tetapi kerap kali berlaku di tempat-tempat lain di mana anak-anak yang berketurunan agama lain dikatakan jurisdiction mahkamah bukan semestinya jurisdiction Civil Court dan apakah reaksi menteri berkenaan? Dalam hal di mana guardianship boleh memberi lebih kuasa kepada ibu, adakah ia akan overriding interest dalam perkara macam ini? Selain daripada itu, saya juga berterima kasih

kerana desakan dari semua pihak bahawa pindaan-pindaan ini perlu tetapi tertakluk kepada cadangan pindaan kawan saya dari Kepong.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kalau boleh saya meneliti Akta Ibu dan akta ini dan beberapa kes law dalam perkara ini tidak ada apa-apa walaupun perkara ini kerap kali berlaku di mana anak-anak guardian, anak-anak yang selepas apa-apa perintah yang ingin diperolehi, anak-anak itu telah dilarikan ke luar negeri. Apakah pandangan menteri mengenai seksyen-seksyen baru yang dibawa hari ini dalam rang undang-undang yang baru dicadangkan. Adakah ia akan merangkumi semua situasi di mana anak-anak kita yang ingin mendapat perintah mengikut rang undang-undang ini akan dikawal selia oleh kerajaan dan institusi-institusi di Malaysia dan tidak akan membenarkan anak-anak kita diculik atau dihantar ke luar negara.

Selain dari itu, paramount consideration adalah welfare of the child di mana situasi kemampuan kewangan dan sebagainya adalah satu perkara yang sangat mustahak dalam kes-kes guardian. Dalam perkara ini apakah sebab tidak ada apa-apa yang mengatakan, nampaknya ada peningkatan ganjaran dari RM300 hingga ke RM1,000 akan tetapi di mana situasi anak-anak yang tidak ada apa-apa peruntukan, tidak ada apa-apa wang dari ibu bapa mereka, adakah kementerian akan memberi apa-apa pertolongan mengenai perkara di mana emak mereka tidak ada, bapa mereka tidak ada atau kalau ada ibu bapa yang tidak ada untuk menjaga anak-anak mereka, adakah kerajaan akan memberi pertolongan sedemikian? terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kapar.

**6.10 ptg.**

**Dr. G. Leelavathi [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Penjagaan Budak. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan

syabas dan tahniah kepada pihak kementerian kerana telah membentangkan rang undang-undang ini di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan peredaran zaman yang berlaku begitu pesat sekali dewasa ini yang mana kebanyakan ibu bapa kanak-kanak di negara ini yang boleh dikatakan peratusan keseluruhan mereka semuanya adalah bekerja. Memandangkan keadaan tersebut maka kebanyakan kanak-kanak telah dihantar ke rumah individu-individu perseorangan ataupun ke pusat-pusat penjagaan kanak-kanak yang wujud pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak kebelakangan ini telah banyak kedengaran kes-kes yang melibatkan kecederaan serta penganiayaan ke atas kanak-kanak itu. Apa yang hendak saya perkatakan di sini ialah tentang masalah ini yang sekiranya jika tidak dibendung dengan sewajarnya, maka kanak-kanak yang dihantar ke rumah individu perseorangan ataupun pusat-pusat penjagaan akan terus teraniaya. Banyak kedengaran kes-kes seperti kecederaan serius yang melibatkan kanak-kanak semasa di dalam penjagaan individu lain yang pada ketika itu ibu bapa mereka berada di tempat kerja masing-masing seperti telah dipukul dengan teruk, dicucuk dengan puntung rokok, ditumbuk, dan berbagai-bagai lagi bentuk kekejaman yang sepatutnya tidak dilakukan terhadap seorang budak ataupun kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, saya amatlah mengharapkan agar tindakan undang-undang ataupun mahkamah dapat diambil dengan sewajarnya terhadap mereka ini. Kebelakangan ini juga telah kedengaran kes-kes yang melibatkan penderaan yang dilakukan sendiri oleh ibubapa mereka yang mana mungkin dengan keadaan hidup yang mendesak, keadaan sedemikian boleh berlaku. Di sini inginlah saya merayu juga agar pihak kementerian memandang dengan serius akan masalah ini, kerana kanak-kanak yang telah didera tersebut belum mengerti tentang apa perkara mengenai kehidupan ini. Mereka seharusnya dididik dengan sempurna yang mungkin dan amatlah tidak patut dilakukan penderaan yang sedemikian rupa ke atas mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga telah menerima banyak aduan ataupun rungutan daripada individu ataupun orang ramai mengenai sesetengah daripada pusat penjagaan kanak-kanak yang telah memberikan ubat batuk ataupun ubat tidur kepada budak atau kanak-kanak yang di bawah jagaan mereka. Ini telah jelas menunjukkan bahawa mereka ini hanya mementingkan keuntungan semata-mata yang tanpa mereka sedari hasil daripada perbuatan yang tidak bertanggungjawab ini boleh menjejaskan proses pertumbuhan otak seseorang kanak-kanak tersebut. Saya mengesyorkan di sini agar tindakan sekeras-kerasnya hendaklah diambil terhadap mereka yang terlibat ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan agar pihak kementerian memberi perhatian yang serius berkenaan dengan pusat-pusat penjagaan budak ataupun kanak-kanak yang terdapat di ladang-ladang di seluruh negara. Saya membangkitkan perkara ini kerana saya mendapati masih banyak kekurangan asas di tempat-tempat ini yang mana sekiranya tidak ditangani segera ianya akan mendatangkan berbagai-bagai masalah lagi seperti penyakit berjangkit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mohon menyokong rang undang-undang ini dan berharap agar segala perkara ataupun permasalahan yang telah saya bangkitkan tadi akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat Menteri.

6.1 ptg.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah berminat membahaskan mengenai pindaan Akta Penjagaan Budak 1999 ini. Kalaupun tadi pihak DAP kata kempennya 1996, Wanita MCA kata 1983 atau 1984 tadi, saya ingin hendak kata NCWO sejak tahun 1974 lagi kerana saya sendiri adalah Yang di-Pertua NCWO dan usaha ini memang menjadi salah satu

daripada agenda kita iaitu mengkaji semula undang-undang yang mendiskriminasikan wanita.

Alhamdulillah, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kelang yang juga mengucapkan terima kasih kepada kementerian atas usaha-usaha yang telah dapat dilaksanakan iaitu Akta Keganasan Rumah Tangga yang memakan masa 12 tahun untuk dibawa ke Parlimen dan memakan masa pula lagi 2 tahun untuk dikuatkuasakan. Syukur alhamdulillah, sekarang ianya telah berjalan dan kita mengkaji juga di mana kelemahan-kelemahannya agar kita dapat memperbaikinya lagi supaya mangsa-mangsa iaitu bukan sahaja wanita, bagi Akta Keganasan Rumah Tangga mangsa-mangsanya adalah setiap ahli keluarga. Ini termasuklah juga suami, kalau adalah suami pula yang didera, yang dicakar, yang digigit dan sebagainya. Kita baca tadi dalam surat khabar pun ada yang diguna screw driver atau apa, dipukul suaminya.

Jadi, memang ini adalah salah satu daripada tanggungjawab kita dan saya haraplah Yang Berhormat-Yang Berhormat tidak begitu rasa bimbang terlalu sangat kerana walaupun Akta Penjagaan Budak ini tidak merangkumi segala-galanya, ada akta lain yang melindungi kanak-kanak, misalnya Akta Mahkamah Juvana, Akta Perlindungan Wanita dan Gadis, Akta Perlindungan Kanak-kanak 1991 dan ketiga-tiga ini sudahpun kita kaji semula dan kita rangkumkan dalam satu Akta Anak 1999 yang insya-Allah akan dapat kita bentangkan pada sesi yang akan datang sebelum akhir tahun ini. Inilah yang telah kita laksanakan dan kami sepanjang masa meneliti, mengkaji keadaan-keadaan yang Ahli-ahli Yang Berhormat bimbangkan tadi tu.

Mengenai protektor. Sebenarnya takrif 'protector' itu ialah Ketua Pengarah, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Pegawai-pegawai Kebajikan Masyarakat sampai kepada peringkat daerah. Dan saya rasa saya pun boleh kata saya 'protector of children' jugalah, 'the mother of all children' kerana saya begitu mengambil minat dan bukan sahaja minat malah berusaha seboleh-bolehnya agar semuanya berjalan dalam keadaan

sebaik-baiknya. Dan mana-mana kanak-kanak yang terdampar, kanak-kanak yang terbuang, siapa saja kanak-kanak yang tak ada ibu bapa, yang dibuangkan tepi jalan, dalam tong sampah, letak di masjid, di mana-mana sahaja, yang ada ibu bapa tetapi ibu bapa dah lari menghilangkan diri, anak abandoned, tinggal pada nenek, nenek tak boleh jaga, kita ambil. Kita ambil semua anak-anak ini, kita letak mereka di rumah kanak-kanak dan jaga mereka dengan baik.

Di samping itu, bagi anak-anak ini supaya mereka mengalami kehidupan berkeluarga, kita ada satu sistem berkeluarga iaitu Rumah Tunas Harapan di bawah smart partnership diantara private sector, NGO dan kerajaan.

Jadi, di Rumah Tunas Harapan ini kita pilihkan ibu-bapa angkat mereka. Anak-anak yang terdampar, yang terbuang ini kita letakkan dengan keluarga supaya mereka hidup berkeluarga. Kita khuatir juga kalau semua anak-anak yang terdampar ini diletakkan di rumah kanak-kanak di institusi, mereka tidak akan mengalami kehidupan berkeluarga dan mungkin bila mereka berkeluarga nanti, mereka bermasalah, janggal, tidak dapat menyesuaikan diri sebagai ibu-bapa, tidak memberikan kasih sayang oleh kerana mereka sendiri kurang mendapat kasih sayang daripada orang yang terdekat. Jadi, usaha kita berbagai-bagai cara. Rumah Tunas Harapan salah satu daripadanya.

Mengenai kanak-kanak yang luar nikah, sebenarnya kita juga mengalami banyak kes seperti ini. Kalau ibunya ingin memelihara anaknya, kita lepaskan kepada ibunya. Kalau ibu bapa kepada ibunya, datuk atau neneknya ingin memelihara mereka boleh ambil. Kalau tidak kami sebagai 'protector children'lah yang akan mengambil mereka, meletakkan mereka di rumah kanak-kanak, menjaga mereka, memelihara mereka sehingga mereka berumur 18 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kami risau juga, saya sendiri risau juga, bila umur 18 tahun apa jadi pula nanti, dia terpaksa keluar dari rumah kanak-kanak. Kita cipta pula Group Home di mana kanak-kanak ini boleh tinggal bersama-sama dengan rakan-rakan, ada pengawalnya, ada penyeliannya dan kalau mereka bekerja, mereka boleh tinggal di situ, ada pengawasan dan kalau pun tidak bekerja masih

bersekolah, ada pengawasan. Kita cuba seboleh-bolehnya supaya anak-anak ini tidak terjebak kepada isu-isu masalah-masalah sosial.

Mengenai kanak-kanak yang didera, memang kita ada Teledera tetapi saya sendiri lupa pula nombor Teledera itu - 24 jam. Waktu pejabat ianya di Jabatan Kebajikan Masyarakat nombor itu, selepas waktu pejabat Bulan Sabit Merah mengambil alih. Panggilan-panggilan boleh dibuat untuk melaporkan mengenai penderaan kanak-kanak. Saya sangat berharap bahawa jiran-jiran masyarakat setempat tidaklah bersikap 'mind your own business' sahaja. Kalau mereka bersikap 'mind your own business' sahaja, dia tidak peduli apa jadi kepada orang sebelah rumah, apa jadi kepada kanak-kanak yang sentiasa mungkin didera. Jadi, kita minta supaya members of the public, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, peka kepada keadaan-keadaan ini dan melaporkan kejadian-kejadian ini. Jadi, jangan risau dari segi merahsiakan siapa yang melaporkan. Kita tidak akan beritahu siapa yang melaporkan kerana mungkin ini akan menimbulkan masalah-masalah pula.

Mengenai akta-akta yang masih lagi mendiskriminasikan wanita, memang kita belum habis kerja lagi, belum selesai lagi. Kita memang ada satu Jawatankuasa Khas yang membuat laporan, CEDAW juga peka mengenai perkara-perkara ini, iaitu konvensyen mengenai all forms of discrimination against women. Kita terpaksa menjawab, terpaksa berhadapan nanti dengan pihak Bangsa-Bangsa Bersatu dari segi konvensyen ini dan yakinlah bahawa kami sedang bekerja keras dalam perkara ini.

Mengenai Akta Imigresen, memang ramai wanita merasakan ini adalah satu diskriminasi dan kita berharaplah, iaitu Kementerian Dalam Negeri yang bertanggungjawab kepada akta ini, seperti harapan Yang Berhormat tadi itu, saya pun berharap sedemikian.

Mengenai orang yang bersalin di hospital dan tidak mahu didaftarkan kalau tidak ada nama bapanya, perkara ini telah saya sendiri bawa kepada Yang Berhormat Datuk Chua Jui Meng, Menteri Kesihatan dan beliau berjanji, mula-mula saya difahamkan kalau seorang wanita yang hendak bersalin tidak ada suami

dia tidak beri bersalin di hospital. Ini terlalu zalim kata saya, jadi saya telah bincang dengan beliau. Beliau menyatakan bahawa dibenarkan siapa sahaja wanita yang hendak bersalin, bukan boleh tangguh-tangguh, dibenarkan bersalin, diselamatkan dan akan didaftarkan.

Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan Jabatan Pendaftaran Negara juga sudah pun ada perbincangan-perbincangan mengenai Sijil Beranak ini dan Sijil Beranak bagi anak-anak angkat juga kita cuba selesaikan bagaimana cara sijil itu tidak menunjukkan bahawa anak ini tidak ada bapalah, tidak ada itulah, tidak ada inilah dan tidak menunjukkan juga bahawa dia anak angkat. Rasa saya ini satu kemajuan untuk menjamin keselamatan anak-anak yang tidak berdosa ini.

Kalau adalah lagi kes-kes yang suami-isteri kata tadi itu pergi ke hospital bersalin tidak mahu didaftarkan, tolonglah laporkan. Biasanya, mengikut takrif 'keluarga' yang diiktiraf oleh negara kita, kalau suami-isteri itu mestilah dia berdaftar berkahwin. Kalau dia tidak berdaftar maknanya tidaklah dia berkahwin, bukan suami-isteri. Jadi, itu sebenarnya menjadi puncanya. Siapa juga, orang Islam pun kalau dia berkahwin di Thailand, Indonesia atau di mana, bila dia balik ke Malaysia dia mesti mendaftarkan perkahwinannya. Kalau dia tidak mendaftarkan perkahwinannya, bila dia hendak bercerai besok dia tidak boleh bercerai sebab there is no record of marriage, how can you have a divorce, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya ini banyak pengalaman sebab kes-kes ini semuanya datang kepada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah 'divorce'lah, Yang Berhormat, kalau begitu, ya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, kalau lelaki tidak payah divorce, seorang perempuan mesti divorce kalau hendak kahwin dengan orang lain. *[Ketawa]* Jadi, mesti faham, ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Semua kes ini datang kepada saya, saya tahu perkara ini. Itu sebab saya menasihatkan, after all, you are living

together, duduk sama bertahun-tahun sampai beranak-anak kenapa tidak mahu nikah, tidak mahu register, kenapa? Jadi, anak-anak itu nanti tidak ada hak kalau kita tidak daftarkan perkahwinan kita, itu susah bagi anak-anak kita ya.

Saya juga merasa tidak begitu senanglah mengenai, kadang-kadang orang hendak selesai masalah dia tukar agama, seperti Yang Berhormat bagi Teluk Intan kata tadi itu. Saya cukup rasa tidak senang dalam kes-kes perkara ini kerana mungkin dia tidak suka isteri dia lagi, dia tukar agama. Sudah kira sudah bercerai apabila sudah lain-lain agama. Ini ada beberapa kes yang saya hadapi sekarang.

Kalau hendak ikutkan perasaan saya, Yang Berhormat tanya tadi apa pandangan saya, apa perasaan saya, saya kata orang ini semua tidak bertanggungjawab. Ini adalah bapa-bapa yang tidak bertanggungjawab. Itu sebabnya saya minta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga mewujudkan satu modul kursus kebapaan supaya semua bapa jadi bapa yang baik, jangan jadi 'bapa ayam' sahaja yang tinggalkan anak merata-rata sana-sini tidak tentu arah. Jadi, anak yang Islam ada, anak yang tidak Islam ada, macam-macam jadinya.

Jadi, yang ini saya masih belum dapat selesaikan lagi, ada beberapa kes yang saya masih belum dapat selesaikan kerana ini persoalan antara dua agama, ini agak rumit sedikit dan bila dia soal agama di luar dari bidang kuasa kementerian saya. Walau bagaimanapun, saya sentiasa berhubung, berbincang dan meminta supaya pihak JAKIM sendiri dapat membantu menyelesaikan masalah ini.

Tadi saya tidak habis lagi mengenai pusat jagaan kanak-kanak. Pusat jagaan kanak-kanak ini sepatutnya berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat juga menganjurkan kursus-kursus untuk pengusaha-pengusaha pusat jagaan atau taska dan juga pengasuh-pengasuhnya. Kalau mereka hendak berdaftar, mereka mesti mendapat kelulusan daripada Kerajaan Tempatan dari segi bangunannya, daripada Bomba, Kesihatan dan Pendidikan juga perlu mendapat kelulusan setelah berkursus, itu

keperluannya. Jadi, ibu-bapa saya suka mengingatkan bila hantar anak-anak ke mana-mana taska, tolong semak, check, tanya sama ada taska itu berdaftar atau tidak dan kita sekali-sekala kena pergi jengok juga waktu-waktu tertentu pergi tengok apa jadi, apa mereka buat.

Pegawai-pegawai kita pun pergi juga memeriksa tempat-tempat ini tetapi tidaklah pergi hari-hari dan mereka ini terpaksa mendapatkan pendaftaran setiap tahun supaya kita menentukan kalau dia buat tidak betul, kita tidak akan daftarkan dia lagi setelah habis tempoh pendaftarannya. Jadi, saya berharaplah supaya ibu bapa peka, sensitif kepada keadaan-keadaan di taska ini.

Mengenai di ladang-ladang, sebenarnya untuk pengetahuan Dewan ini, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah pun mewujudkan satu jawatankuasa khas menangani masalah sosial di ladang-ladang yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Jadi, di bawah jawatankuasa ini pelbagai usaha boleh dilaksanakan untuk menentukan bahawa keadaan di situ adalah keadaan yang sempurna dan sesuai untuk kanak-kanak yang ada di situ.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong tadi katanya ada hendak mencadangkan beberapa pindaan. Adakah Yang Berhormat akan membawa pindaan itu nanti selepas ini dalam peringkat Jawatankuasa?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tidak!

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tidak ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah jawab Yang Berhormat.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tidak payah jawab dalam peringkat Jawatankuasa, jadi rasa saya bolehlah saya jelaskan sedikit-sedikit mengenai perkara itu kerana perkara-perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat itu pun nampaknya tidaklah begitu serius, just of matter of singular, plural, order, orders, itu sama sahajalah. Tetapi mengenai testamentary guardian ini, to remove the testamentary guardian, rasa saya itu tidak munasabah, sebab kalaulah saya seorang ibu mungkin saya hendak minta bapa saya, saya hendak

namakan bapa saya sebagai testamentary guardian for my children, takkan tidak boleh, walaupun bapa dia ada, suami itu sudah bercerai misalnya, entah berada di mana, ini perkara biasa, bila tidak dapat dicari, entah di mana ia berada, banyak kes yang seperti ini berlaku.

Jadi, misalnya si ibu ini merasa perlu dia memberi hak penjagaan kepada salah seorang saudaranya misalnya bapa dia, ibu dia atau abang dia, jadi takkanlah tidak boleh, rasa saya ini wajar kita kekalkan.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Sekiranya wujudnya keadaan testamentary guardian tidak cocok, tidak serasi dengan ibu termasuk pelbagai masalah seperti tempat kediaman dan sebagainya, apakah akan Yang Berhormat buat, kalau terdapat kesusahan ataupun ketidakserasian di antara testamentary guardian dan ibunya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya peruntukan perenggan 7(2) (aa) itu jelas menunjukkan bahawa jika ada permohonan penjaga ini dia enggan atau apakah, mahkamah boleh membuat keputusan. Selepas itu, under the supervision of Court and remove the surviving parent as guardian, how can you remove the surviving parent as guardian, rasa saya, saya tak hendak macam itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya masih hidup, walaupun saya tidak dapat hak sekarang untuk menjaga anak saya misalnya suami saya yang dapat hak, tetapi takkanlah pula hak saya itu hendak dimansuhkan, mana tahu suami saya mati dahulu, sayalah yang akan dapat haknya.

Cuba Ahli Yang Berhormat fikir, kalau Ahli Yang Berhormat, tak hendak Yang Berhormat guardianship custody of your children? Ha, tidak wajarlah kita hendak deny one of the parents, betul atau tidak? Saya lihat Ahli Yang Berhormat mengangguk tadi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itulah berkenaan dengan 7(3) itu Yang Berhormat, seksyen 4, shall not apply to a temporary guardian appointed under this section, seksyen 4 itu di mana, Yang Berhormat?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Seksyen 4, akta ibu agaknya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya, 7. Akta ibukah?

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Duties of guardian of property, section 4. Ia di akta ibu. Ini bagi guardian of property tadi itu, shall deal herewith as carefully as a man of ordinary prudence would deal with his own property and may subject to this Act, to all acts which are reasonable and proper for the realization of protection of the infant's property, that is section 4.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, seksyen 4.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Itu kita berikan kepercayaan kepada dia tetapi kalau ada testamentary guardian.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya hendak tahu akta ibu ataupun tidak, fasal apa, seksyen 4 itu tidak ada dalam ini.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, ya, ini tidak ada pindaan, jadi ia ada dalam akta ibu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Perkara di mana guardian tadi itu terpaksa membuat laporan setiap bulan, rasa saya itu agak sulit sedikit, tetapi sebenarnya mana-mana anak-anak yang menjadi kes kebajikan masyarakat, yang ada masalah, pegawai kita sentiasa dari segi misalnya berjadual atau berkala, melawat mereka untuk menentukan bahawa keadaan mereka itu adalah dalam keadaan yang baik dan sempurna.

Jadi, kalau itu saya bersetuju, jamin boleh, kalau hendak suruh orang itu setiap bulan hendak buat laporan, rasa saya macam mana kita hendak memantaunya, siapa yang hendak pergi mengutip pula laporan itu dan pelbagai lagi masalah yang akan timbul.

Jadi, kita cuba dahulu Yang Berhormat, kita tengok dahulu macam ini, kalau ada juga lagi masalah, kita buat pindaan nanti. Okay.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya.

**Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail:** Jadi, rasa saya, saya telah jawab semua. Saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua pihak

kerana memanglah akta ini menjadi minat kepada kita semua untuk menjamin bahawa anak-anak kita semua tidak teraniaya. Saya mencadangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

**Fasal 1 hingga 9** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, berbalik kepada Usul kita tadi, dengan ini saya mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberi kerjasama kepada Timbalan-timbalan saya dan juga saya sendiri dalam menguruskan segala urusan dalam Majlis ini dan saya mengucapkan selamat pulang dan harapkan kita tidak ada pilihan raya, [*Ketawa*] kita akan berjumpa lagi orang-orang yang sama, kalau tidak barangkali ada orang yang sama dan ada juga orang yang bukan sama bersama kita pada kali ini.

Sekianlah Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih. Mesyuarat ditangguhkan hingga kepada suatu hari yang tidak ditetapkan.

[*Tepuk*]

***Dewan ditangguhkan pada pukul 6.40 petang.***

*Lampiran*

19 Julai 1999

## AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., DPMS, PCM, AMN (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, D.G.P.N, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan I, Tun Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)

- “ Menteri Pendidikan, Dato’ Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato’ Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri Pertahanan, Dato’ Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., S.M.J., P.S.I., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Dato’ Chua Jui Meng, S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan dan Menteri Kewangan II, Dato’ Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)

- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, S.P.D.K., S.P.M.P., D.P.M.K., D.S.S.A, D.S.A.P., D.P.CM., A.M.P., A.M.K (Pasir Salak)
- “ *Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)*
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Seri Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, S.P.M.P. D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato’ Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)

- “ *Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)*
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Tengku Dato’ Dr. Haji Mahmud bin Tengku Mansor, S.P.M.T., D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Ong Ka Ting D.P.M.P. (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato’ Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)

- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)

- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K. (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria (Jerantut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Datuk Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato’ Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)

- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato’ Haji Abu Zahar bin Dato’ Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim, S.P.M.P., S.P.C.M., S.S.A.P., D.U.P.N., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- “ Raja Dato’ Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato’ Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Tuan Chang See Ten (Gelang Patah)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)

- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)
- “ Dato’ Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Datuk Haji Hanafi bin Ramli, P.J.N., D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Haji Hashim bin Jasin (Arau)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato’ Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Jamaluddin bin Adnan (Kuala Selangor)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaluddin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)

- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Dato’ Dr. Haji Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)
- “ Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
- “ Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
- “ Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
- “ Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
- “ Datuk Mansor bin Masikon, P.S.R. (Batu Pahat)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)

- “ Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
- “ Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
- “ Tuan M. Kulasegaran (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
- “ Datuk Seri Mohamed bin Rahmat, D.G.S.M., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.D.K., S.S.S.A., S.P.M.T., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
- “ Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
- “ Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
- “ Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Haji Noh bin Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
- “ Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)
- “ Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Nointien, A.D.K. (Penampang)
- “ Datuk Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)

- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Haji Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Seri Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)
- “ Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Haji Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)

- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato’ Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K. (Kuala Kedah)

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

- Setiausaha Dewan Rakyat : Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan,  
P.S.D., J.S.D., K.M.N.
- Ketua Penolong Setiausaha : Zamani bin Haji Sulaiman  
: Haji Mustakin bin Selamat
- Penolong Setiausaha : Haji Mustafa bin Abdul Rahman  
: Ruhana binti Abdullah  
: Riduan bin Rahmat

**CAWANGAN DOKUMENTASI**

- Pegawai Penerbitan : Azhari bin Hamzah  
: Monarita binti Mohd. Hassan
- Pelapor Perbahasan Parlimen : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N.  
: Hajah Supiah binti Dewak  
: Mohd Saleh bin Mohd. Yusop  
: Mohamed bin Osman  
: Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
: Shamsina binti Janor  
: Ramlah binti Mohd. Yusuff  
: Miskiah binti Hassan  
: Rosnani binti Ahmad  
: Noor Effarizan binti Mat Satib  
: Nurziana binti Ismail
- Pembaca Pruf : Abu Bakar bin Hasan

**CAWANGAN BENTARA**

- Bentara Mesyuarat : Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali  
: Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
: Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PARLIMEN KESEMBILAN****PENGGAL KELIMA****MESYUARAT KEDUA**

---

<b>Jilid V</b>	<b>Bil. 30</b>	<b>Selasa</b>	<b>27 Julai 1999</b>
----------------	----------------	---------------	----------------------

---

**K A N D U N G A N****RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999	(Ruangan 1)
Rang Undang-undang Perlindungan Pengguna 1999	(Ruangan 7)
Rang Undang-undang Penjagaan Budak (Pindaan) 1999	(Ruangan 156)

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat	(Ruangan 140)
---	---------------